



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 372

# Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989

---

Tarikh Persetujuan Diraja	23-Aug-1989
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	24-Aug-1989

---

Suatu Akta bagi mengadakan undang-undang baru mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang, mengenai pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan kewangan lain yang tertentu, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[*Ihb Oktober 1989 (kecuali berkenaan dengan PU(B) 490/1989.  
institusi-institusi terjadual);  
Ihb Januari 1990 (berkenaan dengan institusi-institusi terjadual).]*]

### SUSUNAN SEKSYEN

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Fungsi , kuasa dan tugas Bank.

#### BAHAGIAN II

PELESENAN PERNIAGAAN BANK, SYARIKAT KEWANGAN,

**BANK SAUDAGAR, SYARIKAT DISKAUN DAN  
PEMBROKERAN WANG**

4. Perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang hendaklah dijalankan hanya di bawah lesen.
5. Pengemukaan permohonan untuk lesen kepada Bank.
6. Pelulusan atau penolakan permohonan oleh Menteri.
7. Pembatalan lesen.
8. Pengenaan had-had sebagai ganti pembatalan lesen.
9. Kuasa untuk mengenakan syarat-syarat baru dan mengubah atau membatalkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen di bawah seksyen 6 (4) atau seksyen ini.
10. Notis pembatalan lesen, pengenaan had, atau pengubahan atau pembatalan syarat-syarat atau pengenaan syarat-syarat baru.
11. Pembatalan lesen dan penghadan lesen yang mandatori dalam hal kecemasan.
12. Penyerahan balik lesen.
13. Larangan ke atas penjalanan perniagaan berlesen apabila lesen dibatalkan, tamat jangka masanya atau diserahkan balik.
14. Kehendak-kehendak bagi mengeluarkan dan meneruskan lesen.
15. Sekatan atas penggunaan perkataan “bank”, dll.
16. Nama-nama hendaklah dilekatkan di luar pejabat.
17. Pindaan atau ubahpindaan dokumen-dokumen konstituen institusi berlesen:
18. Penyiaran senarai institusi berlesen.

**BAHAGIAN III**

**PERNIAGAAN-PERNIAGAAN TERJADUAL DAN PEJABAT-  
PEJABAT WAKILAN**

19. Kehendak-kehendak bagi memulakan atau menjalankan perniagaan terjadual.
20. Kehendak-kehendak bagi mengadakan suatu pejabat wakilan.
21. Pengemukaan dokumen-dokumen, pernyataan-pernyataan, dll.
22. Pindaan atau ubahpindaan dokumen-dokumen konstituen institusi terjadual atau asing.
23. Sekatan terhadap penggunaan perkataan-perkataan “kredit bangunan”, dll.
24. Pengawalseliaan institusi terjadual dan pejabat wakilan di bawah Bahagian V, VI, VII, VIII, IX, X dan XIII.

## BAHAGIAN IV

### SEKATAN-SEKATAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENYETUJUTERIMAAN DAN PENSOLISITAN, PENGIKLANAN MENDAPATKAN, DAN DORONGAN UNTUK MEMBUAT, DEPOSIT

25. Menerima, mengambil atau menyetujuterima deposit yang dilarang kecuali di bawah dan mengikut lesen sah yang diberikan di bawah seksyen 6 (4).
26. Kunjungan tanpa diminta.
27. Iklan bagi deposit.
28. Dorongan fraud berhubungan dengan deposit.

## BAHAGIAN V

### SUBSIDIARI DAN PEJABAT INSTITUSI-INSTITUSI BERLESEN

29. Kawalan ke atas penubuhan atau pemerolehan subsidiari.
30. Sekatan ke atas penubuhan pejabat-pejabat institusi berlesen.
31. Mengadakan pertalian bank penghubung.

## BAHAGIAN VI

### SEKATAN-SEKATAN KE ATAS URUSNIAGA INSTITUSI- INSTITUSI BERLESEN

32. Sekatan ke atas penjalanan perdagangan oleh institusi berlesen.
33. Sekatan ke atas perdagangan oleh syarikat kewangan berlesen, dsb.
34. Deposit-deposit hendaklah tertakluk kepada tempoh minimum atau maksimum, amaun minimum atau maksimum yang ditentukan dan terma-terma dan syarat-syarat lain yang ditentukan.
35. Kawalan ke atas iklan yang diterbitkan oleh institusi berlesen.

*Note.*

## BAHAGIAN VII

### KEHENDAK-KEHENDAK KEWANGAN DAN TUGAS-TUGAS INSTITUSI BERLESEN

36. Penyenggaraan kumpulan wang rizab.
37. Penyenggaraan wang modal.
38. Penyenggaraan aset cair.
39. Penyenggaraan aset di Malaysia.
40. Perlantikan dan tugas-tugas juruaudit.
41. Penyata-penyata kewangan hendaklah dikemukakan kepada Bank.

42. Penyiaran dan pameran kunci kira-kira beraudit, dll.
43. Statistik dan maklumat hendaklah dikemukakan.
44. Fee lesen.

## BAHAGIAN VIII

### PEMUNYAAN, KAWALAN DAN PENGURUSAN INSTITUSI-INSTITUSI BERLESEN

45. Pemerolehan atau pelupusan pegangan yang agregatnya sebanyak lima peratus.
46. Pegangan maksimum yang boleh dibenarkan.
47. Pegangan terlarang bagi institusi berlesen.
48. Kecualian berkenaan dengan pegangan dan pemerolehan sebelum tarikh berkuatkuasa.
49. Sanksi dikehendaki bagi pembentukan semula, dsb. institusi berlesen.
50. Permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk memudahkan perjanjian atau perkiraan mengenai pemindahan keseluruhan atau sebahagian perniagaan institusi berlesen dilaksanakan.
51. Institusi berlesen hendaklah melaporkan kepada Bank mengenai pemerolehan atau pelupusan pegangan yang agregatnya sebanyak lima peratus.
52. Kemudahan kredit yang bercagarkan harta institusi berlesen hendaklah dilaporkan kepada Bank.
53. Pembelaan yang berhubungan dengan pelanggaran peruntukan-peruntukan Bahagian ini.
54. Larangan dan sekatan sekiranya berlaku pelanggaran.
55. Keizinan Bank dikehendaki untuk menjadi pengarah institusi berlesen.
56. Kehilangan kelayakan pengarah atau pegawai institusi berlesen.
57. Perlantikan ketua eksekutif.

## BAHAGIAN IX

### SEKATAN MENGENAI PERNIAGAAN INSTITUSI-INSTITUSI BERLESEN

58. Sekatan mengenai pembayaran dividen.
59. Pendahuluan bersandarkan cagaran atas syer-syer sendiri atau syer-syer syarikat pegangan.
60. Pemberian kemudahan-kemudahan kredit bercagar dan tak bercagar.
61. Sekatan mengenai kredit kepada pelanggan seorang.
62. Larangan memberi kemudahan-kemudahan kredit kepada pengarah dan

pegawai.

63. Sekatan mengenai pemberian kemudahan kredit.
64. Pendedahan kepentingan oleh pengarah.
65. Pengawalan had kredit.
66. Sekatan mengenai pelaburan.
67. Batasan, terma dan syarat berkenaan dengan pemberian kemudahan kredit, termasuk kemudahan kredit bagi maksud membiayai pemerolehan syer atau harta tak alih.
68. Bukti pematuhan.

#### BAHAGIAN X

#### KUASA-KUASA PENGAWASAN DAN PENGAWALAN KE ATAS INSTITUSI-INSTITUSI PERLESEN

69. Pemeriksaan ke atas institusi berlesen.
70. Kuasa-kuasa Menteri untuk mengarahkan supaya pemeriksaan dibuat.
71. Pengemukaan buku-buku, dll. institusi berlesen.
72. Institusi berlesen yang tak berupaya untuk menunaikan obligasi-obligasi hendaklah memberitahu Bank.
73. Tindakan oleh Bank berkenaan dengan institusi berlesen dalam hal-hal keadaan tertentu.
74. Peruntukan-peruntukan berhubungan dengan perlantikan di bawah seksyen 73.
75. Peruntukan-peruntukan berhubungan dengan pemecatan jawatan di bawah seksyen 73 (1) (C) atau (D) (i).
76. Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pengambil-alihan kawalan di bawah seksyen 73 (2) (a).
77. Kuasa untuk mengurangkan modal syer dan untuk membatalkan syer-syer institusi berlesen sama ada tertakluk kepada suatu perintah di bawah seksyen 73 (2)(a).
78. Pinjaman kepada institusi berlesen dan pemerolehan syer-syernya.
79. Perluasan bidang kuasa di bawah Bahagian ini kepada perbadanan-perbadanan berkaitan dan kepada institusi-institusi kawalan pengarah.
80. Moratorium.
81. Kedahuluan bayaran sekiranya sesuatu institusi berlesen tak solven.

#### BAHAGIAN XI

#### PENYIASATAN, PENGGELEDAHAN ATAU PEMERIKSAAN DAN PENYITAAN

82. Perlantikan pegawai-pegawai penyiasat, kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan tugas-tugas mereka.
83. Kuasa-kuasa masuk, menggeledah dan menyita.
84. Pemeriksaan ke atas seseorang.
85. Galangan terhadap penjalanan kuasa di bawah seksyen 83 atau 84.
86. Kehendak untuk menyediakan terjemahan.
87. Kuasa untuk memeriksa orang.
88. Orang-orang tertentu yang berkenaan dengannya kuasa-kuasa penyiasatan boleh dijalankan.
89. Bantuan kepada pegawai polis atau pegawai awam lain.
90. Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pengkhidmat awam dan pegawai awam.

## BAHAGIAN XII

### PEMAKAIAN BAHAGIAN X DAN XI BAGI INSTITUSI-INSTITUSI TAK TERJADUAL YANG TERLIBAT DALAM PENYEDIAAN PEMBIAYAAN

91. Melaporkan kepada Menteri berkenaan dengan institusi tak terjadual.
92. Kuasa-kuasa Menteri berhubungan dengan laporan di bawah seksyen 91.
93. Kuasa Menteri untuk memakai peruntukan-peruntukan Bahagian X bagi institusi-institusi tak terjadual.
94. Kuasa Menteri untuk membatalkan lesen, dll. institusi tak terjadual.
95. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai.

## BAHAGIAN XIII

### MAKLUMAT DAN PERAHSIAAN

96. Sekatan menyiasat secara khusus hal-ehwal pelanggan tertentu.
97. Perahsiaan.
98. Pendedahan bagi mempermudahkan pelaksanaan fungsi-fungsi Bank.
- 98A. Pendedahan bagi memudahkan pelaksanaan fungsi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.
99. Lain-lain pendedahan yang dibenarkan.
100. Pendedahan di bawah Akta (Keterangan) Buku Banker 1949.
101. Pemeriksaan oleh pihak berkuasa pengawasan yang relevan di luar negeri.
102. Pendedahan maklumat oleh Bank kepada pihak berkuasa pengawasan

yang relevan di luar negeri.

## BAHAGIAN XIV

### KESALAHAN-KESALAHAN

103. Kesalahan terjadual dan penalti baginya.
104. Penalti am.
105. Kesalahan-kesalahan berhubungan dengan catatan-catatan dalam buku, dokumen, dll.
106. Kesalahan-kesalahan oleh institusi dan oleh pengkhidmat serta ejen.
107. Pencantuman kesalahan-kesalahan.
108. Kuasa Gabenor untuk mengkompaun.
109. Kuasa pegawai Bank untuk mendakwa kesalahan-kesalahan di bawah Akta dengan izin Pendakwa Raya.
110. Kesalahan-kesalahan hendaklah menjadi kesalahan boleh tangkap.
111. Kewajipan pegawai penyiasat untuk menyerahkan orang ditangkap kepada pihak polis.
112. Percubaan, persediaan, persubahatan dan komplot yang boleh dihukum sebagai kesalahan.

## BAHAGIAN XV

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

113. Pengemukaan kepada Bank maklumat yang dikehendaki olehnya.
114. Tanggung rugi.
115. Larangan mengenai penerimaan alang, komisen, dll.
116. Peraturan-peraturan.
117. Keputusan Menteri adalah muktamad.
118. Pengecualian.
119. (*Dibatalkan*).
120. Perisyiharan hari kelepasan.
121. Pampasan.
122. Pemakaian Akta Syarikat 1965.
123. Pemakaian Akta Kawalan Pertukaran 1953.
124. Perniagaan bank atau kewangan Islam.
125. Pelanggaran tidaklah menyentuh kontrak, perjanjian atau perkiraan.
126. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, dll.

## BAHAGIAN XIV

### PINDAAN, PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERALIHAN

127. Pindaan retrospektif Akta Syarikat Kewangan 1969.
128. Pemansuhan Akta Syarikat Kewangan 1969 dan Akta Bank 1973, dan kecualian berkenaan dengannya.
129. Kecualian berkenaan dengan lesen-lesen yang diberi di bawah Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969.
130. Ubahsuaian kepada pentafsiran undang-undang bertulis lain.
131. Pindaan berbangkit kepada Akta Syarikat 1965.

JADUAL —(Seksyen 2 (1), *perenggan (D) takrif “deposit”*)  
PERTAMA

JADUAL —(Seksyen 6 (1)) Kriteria minimum  
KEDUA

JADUAL —(Seksyen 2 (1), *takrif “perniagaan terjadual”*)  
KETIGA

JADUAL —(Seksyen 103) Kesalahan dan Penalti  
KEEMPAT

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

- Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya—
    - (a) peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau
    - (b) kesemua peruntukan atau peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori institusi yang berlainan.

- Tafsiran.
2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta-Akta termansuh” ertinya Akta-Akta yang dimansuhkan di bawah seksyen 128 (1);  
“anak” termasuklah anak tiri dan seseorang yang diangkat sebagai

anak di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia, atau di bawah mana-mana adat yang diiktiraf oleh mana-mana kelas atau kategori orang di Malaysia atau di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia;

“anggota”, berhubungan dengan institusi yang ia adalah—

- (a) suatu perbadanan, ertinya pemegang syer; dan
- (b) suatu perkongsian, ertinya pekongsi;

“badan berkanun” ertinya mana-mana pihak berkuasa atau badan, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, yang ditubuhkan, dilantik atau dibentuk oleh mana-mana undang-undang bertulis, tetapi tidak termasuk mana-mana pihak berkuasa tempatan;

*Akta 519.* “Bank” ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 1958;

“bank” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan bank;

“bank berlesen” ertinya bank, termasuklah syarikat perbankan dan kewangan, yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah seksyen 6 (4);

*Akta A1211.*

*Akta 276.* “bank Islam” ertinya bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983;

“bank saudagar” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan bank saudagar;

“bank saudagar berlesen” ertinya bank saudagar yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah seksyen 6 (4);

*Akta 125.* “berkaitan”, berhubungan dengan suatu perbadanan, ertinya berkaitan mengikut pengertian seksyen 6 Akta Syarikat 1965;

“broker wang” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan pembrokeran wang;

“broker wang berlesen” ertinya broker wang yang dilesenkan di bawah seksyen 6 (4);

“deposit” ertinya sejumlah wang yang diterima atau dibayar atas terma-terma—

- (a) yang di bawahnya ia akan dibayar balik, dengan atau tanpa bunga atau dengan premium atau diskaun; atau
- (b) yang di bawahnya ia boleh dibayar balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan apa-apa balasan berupa wang atau nilaiang wang,

dan pembayaran balik itu adalah sama ada bila dituntut atau pada suatu masa atau mengikut hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat pembayaran itu dan orang yang menerimanya, tidak kira sama ada transaksi itu diperihalkan sebagai suatu pinjaman,

pendahuluan, pelaburan, simpanan, jualan atau jualan dan belian semula, tetapi tidak termasuk wang yang dibayar secara *bona fide*—

- (A) sebagai pendahuluan atau pembayaran sebahagian di bawah suatu kontrak bagi penjualan, penyewa-gunaan atau lain-lain penyediaan harta atau perkhidmatan, dan hanya boleh dibayar balik sekiranya harta atau perkhidmatan itu tidak sebenarnya dijual, disewa-guna atau selainnya disediakan;
- (B) sebagai jaminan bagi pelaksanaan suatu kontrak atau sebagai jaminan berkenaan dengan apa-apa kerugian yang mungkin berbangkit daripada ketaklaksanaan suatu kontrak;
- (C) tanpa menjelaskan perenggan (B), sebagai jaminan bagi penghantarserahan atau perkembalian apa-apa harta, sama ada dalam keadaan baik yang tertentu atau selainnya; dan
- (D) dalam apa-apa hal keadaan lain, atau kepada atau oleh mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual Pertama;

“ditentukan”, jika tiada cara disebutkan, ertiya ditentukan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan suatu kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang-orang yang berlainan atau kelas- kelas, kategori-kategori atau perihalan-perihalan orang yang berlainan;

“ditetapkan”, jika tiada cara disebutkan, ertiya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan suatu kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa membuat peruntukan-peruntukan berlainan dalam perintah itu, atau mengikut penetapan cara lain, bagi orang-orang, kelas-kelas, kategori-kategori atau perihalan-perihalan orang yang berlainan;

“ditubuhkan”, berhubungan dengan—

- (a) suatu perbadanan, ertiya diperbadankan;
- (b) suatu badan berkanun, ertiya ia mula wujud di bawah undang-undang yang menubuhkan, melantik atau membentuknya;
- (c) suatu koperasi, ertiya didaftarkan;
- (d) suatu perkongsian, ertiya pembentukannya;
- (e) suatu ketuanpunyaan tunggal, ertiya permulaan perniagaannya; atau
- (f) mana-mana individu, badan, persatuan atau kumpulan orang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, yang menghendaki pendaftaran atau bentuk perekodan atau pengiktirafan lain di bawah mana-

mana undang-undang bertulis sebelum ia boleh memulakan aktivitinya dengan sah, ertiya pendaftaran, perekodan atau pengiktirafannya di bawah undang-undang bertulis itu;

“dokumen” termasuklah—

- (a) apa-apa huruf, angka, cap, simbol, isyarat, inskripsi, tulisan, tanda, karikatur, gambar, lukisan, atau apa-apa jua pun gambaran lain dalam apa-apa bentuk; dan
- (b) apa-apa rakaman tampak (sama ada berbentuk imej pegun atau bergerak), apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronic, magnetik, mekanikal atau apa-apa jua pun rakaman lain, dan bagaimana jua pun dibuat,

pada apa-apa bahan, material, benda atau artikel;

“dokumen konstituen”, berhubungan dengan suatu institusi, ertiya statut, piagam, memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan, kaedah-kaedah dan undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau suratcara lain, yang di bawahnya atau dengannya institusi itu ditubuhkan dan struktur pengelolaan dan pentadbirannya dan skop fungsi, perniagaan, kuasa dan tugasnya ada diterangkan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih;

“Gabenor” ertiya Gabenor Bank, dan termasuklah Timbalan Gabenor Bank;

“harta” ertiya apa-apa harta alih atau tak alih dan termasuklah—

- (a) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa atau keistimewaan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada terletakhak atau kontingen, berhubungan dengan mananya harta, atau yang selainnya mempunyai nilai;
- (b) apa-apa dokumen pemindahhakan yang disempurnakan bagi memindahhakkan, menyerahhakkan, menguntukkan, menyerahkan, atau selainnya memindahkan atau melupuskan harta tak alih yang dipunyai atau dimiliki oleh orang yang menyempurnakan dokumen pemindahhakan itu atau yang ke atasnya orang itu berhak mendapat hak kontingen, sama ada bagi seluruh kepentingan atau apa-apa kepentingan yang kurang daripada itu;
- (c) apa-apa sekuriti, termasuk apa-apa saham, syer, debentur dan kumpulan wang;
- (d) apa-apa suratcara boleh niaga, termasuk apa-apa nota bank, nota pembawa, bil Perbendaharaan, waran dividen, bil pertukaran, nota janji hutang, cek dan perakuan deposit boleh niaga;

- (e) apa-apa gadai-janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, jaminan, lien atau sandaran, sama ada sebenar atau konstruktif, surat hipotekasi atau resit amanah, tanggung rugi, akujanji atau lain-lain cara menjaminkan pembayaran atau penunaian sesuatu hutang atau liabiliti, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada terletakhak atau kontingen; dan
- (f) apa-apa harta ketara atau tak ketara lain;

“iklan” ertinya penyibaran atau penyampaian maklumat, pelawaan atau pensolisitan dengan apa-apa cara atau mengikut apa-apa bentuk, termasuk dengan cara—

- (a) penyiaran dalam akhbar, majalah, jurnal atau majalah berkala lain;
- (b) peragaan poster atau notis;
- (c) pekeliling, surat sibaran, brosur, risalah, buku atau dokumen lain;
- (d) surat yang dialamatkan kepada individu-individu atau badan-badan;
- (e) fotograf atau filem sinematograf; dan
- (f) penyiaran bunyi, televisyen atau media elektronik yang lain;

“individu” ertinya orang sebenar;

“institusi asing” ertinya seseorang, yang bukan suatu institusi berlesen atau suatu institusi terjadual, yang menjalankan apa-apa perniagaan di luar Malaysia yang bersamaan, atau yang serupa, dengan perniagaan mana-mana institusi berlesen atau terjadual, sama ada atau tidak orang itu mempunyai pejabat wakilan;

“institusi berlesen” ertinya mana-mana institusi yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah seksyen 6 (4);

“institusi tak terjadual” ertinya—

- (a) mana-mana badan berkanun; atau
- (b) mana-mana orang, selaku seorang individu, atau suatu badan atau organisasi, yang bukan suatu badan berkanun, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, sama ada dilesenkan, didaftarkan atau diberikuasa ataupun tidak di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang tidak kena dilesenkan di bawah Akta ini, atau yang tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian III;

“institusi terjadual” ertinya seseorang yang menjalankan suatu perniagaan terjadual tetapi tidak termasuk suatu koperasi, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, bank berlesen, syarikat kewangan

berlesen, atau bank saudagar berlesen, yang menjalankan suatu perniagaan terjadual;

“juruaudit syarikat diluluskan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

“kemudahan kredit” ertinya—

- (a) pemberian apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan lain dalam apa jua bentuk atau tidak kira dengan apa jua namanya disebut yang menurutnya orang yang diberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan lain itu mempunyai akses, secara langsung atau secara tak langsung, pada wang orang yang memberinya;
- (b) pemberian suatu jaminan berhubungan dengan obligasi-obligasi mana-mana orang; atau
- (c) apa-apa urusniaga atau transaksi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;

“kepentingan dalam suatu syer” hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6A (2) hingga (10) termasuk kedua-duanya dalam Akta Syarikat 1965 yang dibaca dengan ubahsuaian-ubahsuaian yang berikut kepadanya:

- (a) penggantian perkataan-perkataan “otherwise than” dalam perenggan (d) subseksyen (6) seksyen tersebut dengan perkataan “including”; dan
- (b) pemotongan perenggan (b) subseksyen (9) seksyen tersebut,

dan, bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisyiharkan bahawa “kepentingan dalam suatu syer” termasuklah pemunyan di sisi undang-undang akan sesuatu syer;

“kerajaan asing” ertinya kerajaan mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia;

“ketua eksekutif”, berhubungan dengan sesuatu institusi, ertinya seseorang, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, yang, sama ada secara individu atau bersesama dengan seorang atau beberapa orang lain, adalah bertanggungjawab, tertakluk kepada kuasa pengarah-pengarah, bagi penjalanan perniagaan dan pentadbiran institusi itu;

Akta 287.  
Sabah Ord.3/58.  
Swk.Bab 66.

Akta 109.  
Akta 44.

“koperasi” ertinya suatu koperasi yang didaftarkan atau disifatkan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1948, atau Ordinan Koperasi Sabah, atau Ordinan Koperasi Sarawak, suatu pertubuhan peladang yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 atau suatu persatuan nelayan yang didaftarkan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971;

“lesen” ertinya lesen yang diberikan atau disifatkan diberikan di bawah seksyen 6 (4);

“liabiliti” termasuklah hutang, kewajipan dan obligasi daripada tiap-

tiap jenis, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada terletakhak atau kontingen;

“mata wang asing” ertinya apa-apa mata wang selain daripada mata wang Malaysia;

“Menteri” ertinya Menteri yang sedang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“orang” termasuklah seorang individu, mana-mana perbadanan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi, perkongsian dan mana-mana badan, organisasi, persatuan atau kumpulan orang yang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan;

*Akta 519.* “Panel Penasihat” ertinya Panel Penasihat yang ditubuhkan di bawah seksyen 31A (2) Akta Bank Negara Malaysia 1958;

“pegawai”, berhubungan dengan sesuatu institusi, termasuklah mana-mana pekerja dan ketua eksekutif institusi itu;

“pejabat” termasuklah tempat utama perniagaan, suatu cawangan, agensi, tempat perniagaan bergerak, tempat perniagaan yang diadakan dan disenggarakan hanya bagi suatu tempoh terhad sahaja, terminal elektronik dan mana-mana tempat perniagaan yang lain;

“pejabat wakilan” ertinya pejabat di Malaysia bagi suatu institusi asing;

“pendeposit” ertinya seseorang yang berhak kepada pembayaran balik suatu deposit, sama ada dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain;

“pengarah” termasuklah mana-mana orang yang menjawat jawatan pengarah, tidak kira dengan apa jua namanya disebut dan, khususnya, tanpa menjelaskan yang disebut di atas, dalam hal—

- (a) suatu perbadanan, mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;
- (b) suatu koperasi, ertinya seorang anggota lembaga, atau badan pengelola lain, tidak kira dengan apa jua pun namanya disebut, bagi koperasi itu;
- (c) suatu badan berkanun, ertinya seorang anggota lembaga, jawatankuasa, majlis atau badan pengelola lain, tidak kira dengan apa jua pun namanya disebut, bagi badan berkanun itu;
- (d) suatu perkongsian, ertinya seorang pekongsi;
- (e) suatu ketuanpunyaan tunggal, ertinya tuan punya tunggal; dan
- (f) mana-mana badan, persatuan atau kumpulan orang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, ertinya mana-mana orang yang mengarah dan mengawal

pengurusan hal-ehwal atau perniagaannya;  
“pengawal”, berhubungan dengan sesuatu institusi, ertiinya seseorang yang—

- (a) mempunyai kepentingan lebih daripada lima puluh peratus daripada syer institusi itu;
- (b) mempunyai kuasa melantik atau menyebabkan dilantik sebilangan besar pengarah institusi itu; atau
- (c) mempunyai kuasa membuat atau menyebabkan dibuat, keputusan-keputusan berkenaan dengan perniagaan atau pentadbiran institusi itu, dan melaksanakan keputusan-keputusan tersebut atau menyebabkan keputusan-keputusan tersebut dilaksanakan,

dan perkataan “kawalan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“pengurus”, berhubungan dengan sesuatu institusi, ertiinya seorang pegawai institusi, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, yang bertanggungjawab bagi suatu pejabat institusi, atau bagi suatu jabatan atau bahagian institusi atau bagi suatu jabatan atau bahagian pejabatnya;

“penyediaan pembiayaan” termasuklah—

- (a) pemberian pinjaman wang;
- (b) perniagaan pemajakan;
- (c) perniagaan pemfaktoran;
- (d) pembelian bil pertukaran, nota janji hutang, perakuan deposit, debentur atau suratcara boleh niaga lain; dan
- (e) penyetujuterimaan atau penjaminan apa-apa liabiliti, obligasi atau kewajipan mana-mana orang;

“perbadanan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

“perbadanan sekutu” ertiinya perbadanan di mana tidak kurang daripada dua puluh peratus tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus daripada syer-syer perbadanan itu dipegang oleh suatu perbadanan lain, dengan perbadanan yang mula-mula disebut itu menjadi perbadanan sekutu bagi perbadanan yang lain itu;

“perjanjian” ertiinya perjanjian sama ada formal atau tak formal, lisan atau bertulis, nyata atau tersirat;

“perkiraan” ertiinya perkiraan sama ada formal atau tak formal, lisan atau bertulis, nyata atau tersirat;

“perniagaan bank” ertiinya—

- (a) perniagaan—
  - (i) menerima deposit atas akaun semasa, akaun deposit,

akaun simpanan atau akaun lain yang serupa itu;

- (ii) membayar atau memungut cek-cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan-pelanggan; dan
- (iii) menyediakan pembiayaan; atau

(b) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan bank saudagar” ertinya—

(a) perniagaan—

- (i) menerima deposit atas akaun deposit; dan
- (ii) menyediakan pembiayaan; dan

(b) perniagaan—

- (i) mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat yang berhubungan dengan perkara-perkara korporat dan pelaburan; atau
- (ii) membuat atau menguruskan pelaburan bagi pihak mana-mana orang; atau

(c) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan berlesen” ertinya perniagaan yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah seksyen 6 (4);

“perniagaan kredit bangunan” ertinya—

- (a) perniagaan mengadakan apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang bagi maksud nyata mengenai—
  - (i) pembelian harta tak alih; atau
  - (ii) pembinaan, pembinaan semula atau renovasi apa-apa bangunan atau struktur lain,  
bagi maksud-maksud kediaman, komersil atau perindustrian; atau
- (b) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan pemajakan” ertinya—

- (a) perniagaan mempakkan atau mensubpakkan harta alih atas sewa-guna bagi maksud penggunaan harta itu oleh penyewa-guna atau mana-mana orang lain dalam apa-apa perniagaan, tred, profesion atau pekerjaan atau dalam apa-apa juga pun perusahaan komersil, perindustrian, pertanian atau ekonomi lain dan, jika pemberi pajak adalah pemunya harta itu, tidak kira sama ada pempakan itu disertai dengan atau tanpa opsyen untuk membeli

harta itu, tetapi tidak termasuk perniagaan sewa-beli yang tertakluk kepada Akta Sewa-Beli 1967; dan bagi maksud takrif ini, “harta alih” termasuklah apa-apa loji, jentera, peralatan atau catel lain yang dipasang atau akan dipasang pada bumi atau dilekapkan atau akan dilekapkan, secara tetap atau selainnya, pada apa-apa benda yang dipasang pada bumi; atau

- (b) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan pembiayaan pembangunan” ertinya—

- (a) perniagaan mengadakan modal atau kemudahan kredit lain atas terma-terma yang akan menghendaknya supaya digunakan bagi pembangunan perindustrian, pertanian, komersil atau pembangunan ekonomi lain; dan bagi maksud takrif ini, “pembangunan” termasuklah bermulanya apa-apa usaha perindustrian, pertanian, komersil atau usaha ekonomi lain yang baru atau pengembangan atau pemberian apa-apa usaha sedemikian yang sedia ada; atau
- (b) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan pembrokeran wang” ertinya perniagaan mengaturkan transaksi-transaksi di antara pembeli dan penjual dalam pasaran wang atau pertukaran asing sebagai suatu perantaraan dengan balasan fee brokeraj yang dibayar atau akan dibayar, tetapi tidak termasuk pembelian atau penjualan mata wang Malaysia atau mata wang asing sebagai prinsipal dalam pasaran-pasaran sedemikian;

“perniagaan pemfaktoran” ertinya—

- (a) perniagaan memperolehi hutang yang kena dibayar kepada mana-mana orang; atau
- (b) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan syarikat diskaun” ertinya—

- (a) perniagaan—
- (i) menerima deposit atas akaun deposit; dan
- (ii) pelaburan apa-apa deposit dan wang-wang lain institusi dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan Malaysia, bil-bil Perbendaharaan atau apa-apa pelaburan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank; atau
- (b) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan syarikat kewangan” ertinya—

- (a) perniagaan menerima deposit atas akaun deposit, akaun simpanan atau akaun lain yang serupa itu; dan
- (b) (i) pemberian kemudahan kredit;
- (ii) perniagaan pemajakan;
- (iii) perniagaan sewa-beli, termasuklah perniagaan yang tertakluk kepada Akta Sewa-Beli 1967; atau
- (iv) perniagaan memperolehi hak dan kepentingan dalam sewa-beli, pemajakan atau transaksi serupa itu yang lain.
- (c) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan kelulusan Menteri;

“perniagaan terjadual” ertinya apa-apa perniagaan yang ditentukan dalam Jadual Ketiga;

“premis” termasuklah apa-apa tanah, bangunan, struktur atau tempat;

“saudara”, berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) suami atau isteri orang itu;
- (b) abang atau adik lelaki ataupun kakak atau adik perempuan orang itu;
- (c) abang atau adik lelaki ataupun kakak atau adik perempuan kepada suami atau isteri orang itu;
- (d) mana-mana orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) mana-mana orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan suami atau isteri orang itu;
- (f) suami atau isteri kepada mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (b), (c), (d) atau (e);
- (g) mana-mana orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebutkan dalam perenggan (b), (c) atau (f);
- (h) mana-mana bapa saudara, emak saudara atau sepupu kepada orang itu atau kepada suami atau isteri orang itu; atau
- (i) mana-mana suami atau isteri, atau mana-mana orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan, orang yang disebutkan dalam perenggan (h);

Akta 212. “sekuriti” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;

“sekutu perniagaan” seseorang termasuklah—

- (a) seorang jurubank, akauntan, juruaudit, peguambela, penerima namaan atau orang lain yang diambil kerja atau dilantik oleh orang itu pada bila-bila masa sebelum atau selepas tarikh berkuatkuasa;
- (b) mana-mana institusi yang orang itu adalah seorang pengarah, dan mana-mana pengarah lain institusi itu;
- (c) jika orang itu adalah suatu perbadanan—
  - (i) mana-mana pengarah perbadanan itu;
  - (ii) mana-mana perbadanan sekutu atau berkaitan bagi perbadanan itu; dan
  - (iii) mana-mana sekutu perniagaan bagi perbadanan sekutu atau berkaitan sebagaimana yang disebutkan dalam subperenggan (ii);
- (d) mana-mana orang yang memiliki apa-apa harta kepunyaan orang itu;
- (e) mana-mana orang yang berhutang dengan orang itu;
- (f) mana-mana orang yang mempunyai apa-apa pengetahuan atau maklumat yang berhubungan dengan perniagaan, urusniaga, hal-ehwal atau harta orang itu; dan
- (g) mana-mana orang yang bertindak bersama-sama dengan orang itu;

“subsidiari” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 5 Akta Syarikat 1965;

“suratcara terbitan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen (7);

“syarikat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

“syarikat asing” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

“syarikat awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Syarikat 1965;

“syarikat diskaun” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan syarikat diskaun;

“syarikat diskaun berlesen” ertinya syarikat diskaun yang dilesenkan di bawah seksyen 6 (4);

“syarikat kewangan” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan syarikat kewangan;

“syarikat kewangan berlesen” ertinya syarikat kewangan, termasuklah syarikat perbankan dan kewangan, yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah seksyen 6 (4);

“syarikat pegangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 5 Akta Syarikat 1965;

“syarikat pelaburan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 319 Akta Syarikat 1965;

“syarikat perbankan dan kewangan” ertinya seseorang yang memegang kedua-dua lesen untuk menjalankan perniagaan bank dan lesen untuk menjalankan perniagaan syarikat kewangan, yang diberikan di bawah seksyen 6(4);

*Akta A1211.*

“syer”, berhubungan dengan suatu perbadanan, ertinya syer terbitan perbadanan itu dan termasuklah saham kecuali jika perbezaan antara saham dan syer ada dinyatakan atau disiratkan;

“tarikh berkuatkuasa” ertinya tarikh atau tarikh-tarikh relevan, mengikut mana yang berkenaan, yang diberitahu oleh Menteri di bawah seksyen 1;

“terminal elektronik” ertinya peranti elektronik, selain daripada telefon yang dikendalikan oleh mana-mana orang, yang menerusinya seseorang boleh memulakan suatu pemindahan wang secara elektronik, dan termasuklah terminal di tempat jualan, mesin juruwang automatik, dan mesin pengeluar wang tunai;

“wang modal” ertinya modal berbayar dan rizab, dan termasuklah, bagi maksud-maksud seksyen 37 dan 61, keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada mana-mana kelas, kategori atau perihalan lain modal sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Bagi maksud takrif “saudara” dalam subseksyen (1)—

- (a) pengangkatan mana-mana orang oleh seorang lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia atau mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia, atau di bawah mana-mana adat yang diiktiraf oleh mana-mana kelas orang di Malaysia atau di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia, hendaklah dikira sebagai mewujudkan di antara pengangkat dengan orang angkat itu pertalian semula jadi yang sama seperti pertalian pengangkatan, dan pertalian- pertalian lain yang berhubungan dengannya itu hendaklah diputuskan dengan sewajarnya; dan
- (b) sebutan-sebutan di dalamnya mengenai sesuatu pertalian termasuklah, jika relevan, pertalian seibu atau seapa.

(3) Bagi maksud-maksud Akta ini—

- (a) “orang-orang yang bertindak bersama-sama” ertinya orang-orang yang telah membuat perjanjian atau perkiraan untuk—
  - (i) memperolehi secara bersesama atau berasingan kepentingan dalam syer suatu perbadanan bagi maksud mendapatkan atau menyatukan kawalan ke

atas perbadanan tersebut; atau

- (ii) bertindak secara bersesama bagi maksud menjalankan kawalan ke atas perbadanan dengan cara kepentingan dalam syer perbadanan itu yang telahpun dipegang oleh mereka secara bersama-sama atau berasingan; dan

- (b) tanpa menjejaskan keluasan perenggan (a), orang-orang yang berikut hendaklah dianggap sebagai orang-orang yang bertindak bersama-sama, melainkan jika yang sebaliknya di buktikan:

- (i) suatu perbadanan dan perbadanan-perbadanan berkaitan dan sekutunya;
- (ii) suatu perbadanan dan mana-mana pengaruhnya, atau ibu atau bapa, anak, abang atau adik lelaki ataupun kakak atau adik perempuan mana-mana pengaruhnya, atau suami atau isteri kepada mana-mana pengarah atau mana-mana saudara yang sedemikian, atau mana-mana amanah berkaitan;
- (iii) suatu perbadanan dan apa-apa kumpulan wang pencen yang ditubuhkan olehnya;
- (iv) seseorang dan mana-mana syarikat pelaburan, unit amanah atau kumpulan wang lain yang pelburannya diuruskan oleh orang tersebut berdasarkan budi bicara; atau
- (v) seorang penasihat kewangan dan klienya yang adalah suatu perbadanan, di mana penasihat kewangan itu menguruskan wang klien berdasarkan budi bicara dan mempunyai sepuluh peratus atau lebih kepentingan dalam syer-syer klien itu.

(4) Jika di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, kuasa diberikan kepada Bank untuk menghendaki mana-mana orang, atau jika mana-mana orang dikehendaki di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, untuk mengemukakan, mengadakan atau menyediakan kepada Bank apa-apa maklumat, pernyatakan, statistik, penyata atau dokumen—

- (a) Bank boleh menentukan bahawa maklumat, pernyataan, statistik, penyata atau dokumen itu hendaklah dikemukakan, diadakan atau disediakan dalam apa-apa tempoh, pada apa-apa lat tempoh, dalam apa-apa cara, dalam apa-apa bentuk, dan secara bertulis atau dengan cara apa-apa rakaman tampak (sama ada berbentuk imej pegun atau bergerak) atau apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau apa jua rakaman lain, pada apa-apa bahan, material, benda atau artikel, sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank dalam penentuan itu; dan
- (b) orang itu tidak boleh mengemukakan, mengadakan atau

menyediakan apa-apa maklumat, pernyataan, statistik, penyata atau dokumen yang dia tahu, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu atau mengelirukan.

*Akta 519.* (5) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai “Akta ini” atau “Akta Bank Negara Malaysia 1958” hendaklah, melainkan jika disebutkan dengan nyata selainnya, disifatkan sebagai termasuk sebutan mengenai mana-mana peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini atau Akta Bank Negara Malaysia 1958, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Menteri boleh, atas syor Bank, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah, memotong, menambah, menggantikan, atau selainnya meminda takrif—

- (a) “deposit” dalam subseksyen (1) dan Jadual Pertama; atau
- (b) “suratcara terbitan” dalam subseksyen (7),

dan setelah penyiaran sedemikian, takrif “deposit” atau “suratcara terbitan”, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diubah, dipotong, ditambah, digantikan atau selainnya dipinda, hendaklah mula berkuatkuasa dan berkesan penuh dan hendaklah disifatkan sebagai suatu bahagian integral Akta ini dari tarikh penyiaran sedemikian, atau dari tarikh terkemudian yang dinyatakan dalam perintah itu.

(7) Bagi maksud-maksud Akta ini—

- (a) “suratcara terbitan” ertiya suatu suratcara yang nilainya bergantung kepada nilai indeks atau aset yang menjadi dasar seperti matawang, sekuriti, komoditi atau suratcara terbitan lain dan termasuk suratcara terbitan kewangan dan suratcara terbitan komoditi;
- (b) “suratcara terbitan kewangan” ertiya kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan, kontrak swap, atau kontrak opsyen, atau suratcara kewangan lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa tetapi tidak termasuk—
  - (i) semua penerimaan dan pembayaran dalam kunci kira-kira, termasuklah yang memperolehi nilainya atau secara kontrak menghendaki wang tunai daripada harga sekuriti atau indeks lain, seperti sekuriti bersandarkan gadai-janji, kewajipan faedah sahaja dan wang pokok sahaja, dan suratcara hutang diindeks; dan
  - (ii) ciri-ciri opsyen yang terkandung dalam penerimaan atau pembayaran dalam kunci kira-kira, seperti bentuk pertukaran dan peruntukan panggilan yang terkandung dalam bon boleh tukar; dan
- (c) “suratcara terbitan komoditi” termasuk, setakat mana suratcara sedemikian bukannya suratcara terbitan

kewangan, komoditi niaga hadapan, komoditi hadapan, komoditi swap, komoditi opsyen atau suratcara komoditi lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa, yang secara munasabahnya boleh diselesaikan secara tunai atau dengan sekuriti atau suratcara terbitan lain.

Fungsi, kuasa dan tugas Bank.  
*Akta 519.*

*Akta A954.*

- 3.** (1) Bank hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya, dan tugas yang dipertanggungkan ke atasnya, oleh Akta ini, dan fungsi, kuasa dan tugas tersebut hendaklah menjadi tambahan kepada fungsi dan kuasa yang telah diberikan dan tugas yang telah dipertanggungkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958.  
  
(2) Bank boleh memberikuasa atau mengarahkan mana-mana pegawai atau pekerja Bank untuk melaksanakan mana-mana fungsi, menjalankan mana-mana kuasa, atau menunaikan mana-mana tugas, Bank di bawah Akta ini.  
  
(3) Bank boleh, sama ada secara am atau dalam apa-apa hal tertentu, melantik mana-mana orang yang bukan seorang pegawai atau pekerja Bank, untuk memberi apa-apa bantuan sebagaimana yang ditentukan olehnya dalam menjalankan kuasa-kuasanya, melaksanakan fungsi-fungsinya, atau menunaikan tugas-tugasnya, di bawah Akta ini, atau untuk menjalankan, melaksanakan atau menunaikan kuasa, fungsi atau tugas tersebut bagi pihak dan atas nama Bank.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN PERNIAGAAN BANK, SYARIKAT KEWANGAN, BANK SAUDAGAR, SYARIKAT DISKAUN DAN PEMBROKERAN WANG

Perniagaan bank, syarikat kewangan,  
bank saudagar,  
syarikat diskaun dan  
pembrokeran wang  
hendaklah  
dijalankan hanya di  
bawah lesen.

*Akta A1256.*

- 4.** (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan—
  - (a) perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun, melainkan jika ia adalah suatu syarikat awam; atau
  - (b) perniagaan pembrokeran wang, melainkan jika ia adalah suatu perbadanan,

dan memegang suatu lesen sah yang diberi di bawah seksyen 6(4) untuk menjalankan perniagaan sedemikian.

*Akta 642.*

- (2)** Suatu bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah

subseksyen 6(4) hendaklah disifatkan sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 [Akta 642].

Pengemukaan  
permohonan untuk  
lesen kepada Bank.

**5.** (1) Suatu permohonan untuk lesen menjalankan mana-mana perniagaan yang disebutkan dalam seksyen 4 hendaklah dibuat secara bertulis kepada Menteri dengan mengemukakan permohonan itu kepada Bank berserta dengan yang berikut:

- (a) satu salinan memorandum dan perkara-perkara persatuan atau dokumen-dokumen konstituen lain yang dibawahnya pemohon ditubuhkan, yang ditentusahkan dengan sempurnanya melalui suatu akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah pemohon;
- (b) satu salinan kunci kira-kira beraudit yang terakhir pemohon;
- (c) suatu pernyataan mengenai yang berikut:
  - (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon;
  - (ii) nama, tempat dan tarikh penubuhan perbadanan-perbadanan berkaitannya;
  - (iii) sumber-sumber wang pemohon, dan maksud-maksud yang baginya dan cara bagaimana ia digunakan;
  - (iv) perniagaan utama dan bidang operasi pemohon dan perbadanan-perbadanan berkaitannya; dan
  - (v) nama dan alamat bagi pengarah-pengarah pemohon dan perbadanan-perbadanan berkaitannya, dan pemegang-pemegang syer substansial, mengikut pengertian seksyen 69D Akta Syarikat 1965, bagi pemohon dan perbadanan-perbadanan berkaitannya; dan
- (d) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank bagi maksud-maksud memutuskan permohonan dan kesesuaian pemohon untuk lesen itu.

(2) Pada bila-bila masa selepas menerima suatu permohonan dan sebelum ia diputuskan oleh Menteri, Bank boleh melalui notis bertulis menghendaki pemohon atau mana-mana orang yang adalah atau akan menjadi seorang pengarah, pengawal atau pengurus pemohon supaya memberi maklumat atau dokumen tambahan.

(3) Perkara-perkara yang ditentukan di bawah subseksyen (1) (d) atau kehendak-kehendak di bawah subseksyen (2) mungkin berbeza di antara pemohon dengan pemohon lain atau di antara kelas, kategori atau perihalan pemohon dengan kelas, kategori atau perihalan lain bagi pemohon.

(4) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum ia diluluskan atau ditolak.

*Akta 125.*

(5) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diberikan oleh pemohon atau pengarah, pengawal atau pengurusnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa yang ditentukan dalam kehendak itu atau apa-apa perlanjutannya yang diberi oleh Bank, maka permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidaklah boleh diteruskan lagi, tanpa menjelaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

Pelulusan atau penolakan permohonan oleh Menteri.

**6.** (1) Bank hendaklah, apabila suatu permohonan telah dibuat dengan sempurnanya mengikut seksyen 5 dan selepas diberi segala maklumat dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen tersebut, mempertimbangkan permohonan itu, dan jika ia berpuas hati bahawa kriteria yang diterangkan dalam Jadual Kedua mengenai pemohon itu dipenuhi, membuat suatu syor kepada Menteri sama ada lesen patut diberi atau ditolak dan syarat-syarat, jika ada, yang hendak dikenakan ke atas lesen itu.

(2) Apabila membuat syor sama ada Menteri patut memberi atau menolak lesen, Bank boleh mengambil kira apa-apa perkara yang berhubungan—

- (a) dengan mana-mana orang yang atau akan diambil kerja oleh, atau bersekutu dengan, pemohon bagi maksud perniagaan pemohon; dan
- (b) dengan mana-mana perbadanan berkaitan atau sekutu atau dengan mana-mana pengarah atau pengawal mana-mana perbadanan itu.

(3) Suatu syor untuk memberi lesen tidaklah boleh dibuat jika Bank berpuas hati bahawa ia akan berlawanan dengan mana-mana peruntukan lain Akta ini untuk memberi lesen, atau bahawa ia akan memudaratakan kekuuhan struktur kewangan Malaysia untuk berbuat demikian.

(4) Apabila menerima suatu permohonan dan syor Bank di bawah seksyen ini, Menteri boleh memberi lesen, dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberi lesen.

(5) Jika Menteri menolak sesuatu permohonan, maka Bank hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai penolakannya.

Pembatalan lesen.

**7.** (1) Menteri boleh, atas syor Bank, membatalkan lesen yang diberi kepada sesuatu institusi di bawah seksyen 6 (4) jika ternyata kepada Menteri bahawa—

- (a) mana-mana kriteria yang ditentukan dalam Jadual Kedua tidak atau belum dipenuhi, atau mungkin tidak atau mungkin belum dipenuhi, berkenaan dengan institusi itu;
- (b) institusi itu telah gagal untuk mematuhi mana-mana

obligasi yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta ini;

Akta 519.

- (c) institusi itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah lesen, atau mana-mana peruntukan lain lesen, atau mana-mana peruntukan Akta ini, atau mana-mana peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 1958, tidak kira bahawa tiada pendakwaan telah dibawa bagi sesuatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu;
- (d) Bank telah dibekalkan dengan maklumat palsu, mengelirukan atau tak tepat oleh atau bagi pihak institusi itu, atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau akan menjadi seorang pengarah, pengawal atau pengurus institusi itu, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu, atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen itu;
- (e) kepentingan orang-orang yang berurusniaga dengan institusi itu atau berkemungkinan berurusniaga dengan institusi itu, sebagai pendeposit, atau sebagai pelanggannya dalam apa-apa aspek lain, atau sebagai pemutangnya, atau bagaimana jua pun selainnya, adalah dengan apa-apa jua cara terancam, sama ada dengan cara institusi itu menjalankan atau bercadang menjalankan hal-ehwalnya atau kerana apa-apa sebab lain;
- (f) institusi itu tidak mentransaksikan di Malaysia apa-apa perniagaan yang berkenaan dengannya ia dilesenkan bagi apa-apa tempoh berterusan selama enam bulan, atau bagi apa-apa tempoh yang agregatnya sembilan bulan dalam tempoh berterusan selama dua belas bulan;
- (g) institusi itu telah berhenti menjalankan mana-mana satu atau lebih bidang perniagaan yang baginya ia dilesenkan;
- (h) suatu komposisi atau perkiraan dengan pemutang-pemutang telah dibuat berkenaan dengan institusi itu;
- (i) seorang penerima atau pengurus bagi pengusahaan institusi itu telah dilantik;
- (j) milikan telah diambil, oleh atau bagi pihak pemegang-pemegang bagi mana-mana debentur yang bercagarkan suatu gadaian, mengenai apa-apa harta institusi itu yang termasuk dalam atau tertakluk kepada gadaian itu;
- (k) institusi itu tidak mempunyai aset yang cukup untuk menjelaskan liabiliti-liabilitinya; atau
- (l) bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen yang telah terhenti menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Akta A954.

Akta A1256.

(2) Menteri hendaklah membatalkan lesen yang diberikan kepada sesuatu institusi di bawah seksyen 6 (4) jika ternyata kepada Menteri bahawa—

- (a) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadapnya; atau
- (b) suatu ketetapan bagi penggulungannya secara sukarela telah diluluskan.

(3) Mana-mana institusi yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Menteri untuk membatalkan lesenya di bawah seksyen ini boleh—

- (a) dalam masa empat belas hari dari keputusan itu disampaikan kepadanya di bawah seksyen 10(3); atau
- (b) dalam masa empat belas hari dari pengesahan pembatalan lesenya di bawah seksyen 11(5) diberitahu kepadanya,

merayu terhadap keputusan itu kepada Mahkamah Tinggi yang boleh—

- (aa) mengesahkan keputusan Menteri;
- (bb) membatalkan keputusan Menteri; atau
- (cc) menggantikan keputusan Menteri, dengan suatu perintah untuk menghadkan lesen di bawah seksyen 8 mengikut cara yang sama dan pada takat yang sama sebagaimana yang Menteri boleh menghadkan sesuatu lesen di bawah seksyen itu.

(4) Bank hendaklah berhak didengar mengenai rayuan di bawah subseksyen (3).

Pengenaan had-had  
sebagai ganti  
pembatalan lesen.

**8. (1)** Jika ternyata kepada Menteri, atas syor Bank—

- (a) bahawa terdapat alasan-alasan yang membolehkan Menteri menjalankan kuasanya di bawah seksyen 7 (1) untuk membatalkan lesen; tetapi
- (b) bahawa hal keadaan itu tidaklah hingga mematutkan pembatalan,

maka Menteri boleh, atas syor Bank, menghadkan lesen dengan—

- (A) mengenakan apa-apa batasan ke atas jangka masanya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri;
- (B) mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Menteri bagi melindungi pendeposit dan pelanggan-pelanggan lain institusi itu, atau bakal pendeposit dan pelanggan-pelangan lain institusi itu, atau pemutang-pemutangnya atau orang-orang lain yang

*Akta A954.*

berurusniaga dengannya, atau berkemungkinan menjadi pembiutangnya atau berurusniaga dengannya; atau

- (C) pengenaan kedua-dua batasan dan syarat tersebut.

(2) Suatu batasan ke atas jangka masa sesuatu lesen tidaklah sedemikian sehingga membenarkan lesen itu terus berkuatkuasa selama lebih daripada tiga tahun dari tarikh batasan itu dikenakan; dan batasan yang sedemikian boleh khususnya dikenakan dalam hal di mana Bank fikirkan bahawa institusi itu patut dibenarkan membayar balik kepada pendepositnya, pelanggan-pelanggannya yang lain, atau pembiutang-pembiutangnya dengan cara yang teratur.

(3) Syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini boleh, khususnya—

- (a) menghendaki institusi itu supaya mengambil langkah-langkah tertentu atau supaya jangan menerima atau menuruti perjalanan tindakan tertentu atau supaya menghadkan skop perniagaannya dalam suatu cara tertentu;
- (b) mengenakan batasan-batasan atas penyetujuterimaan deposit-deposit, pemberian kemudahan-kemudahan kredit, atau pembuatan pelaburan-pelaburan;
- (c) melarang institusi itu daripada mensolisit deposit, sama ada secara am atau daripada orang-orang yang belum lagi menjadi pendeposit;
- (d) melarang institusi itu daripada membuat apa-apa transaksi atau kelas transaksi lain, atau membuatnya tertakluk kepada apa-apa had atau syarat sebagaimana yang ditentukan;
- (e) menghendaki pemecatan mana-mana pengarah, pengawal atau pengurus;
- (f) menentukan kehendak-kehendak yang akan dipenuhi selain daripada melalui tindakan yang diambil oleh institusi itu; atau
- (g) menentukan apa-apa syarat lain, sama ada serupa atau tidak dengan syarat-syarat yang disebutkan dalam perenggan-perenggan yang disebut di atas, yang difikirkan wajar atau suaimanfaat dikenakan oleh Menteri.

(4) Apa-apa syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini boleh diubah atau dibatalkan oleh Menteri atas syor Bank, dan apa-apa batasan yang dikenakan di bawah seksyen ini ke atas jangka masa lesen boleh diubah tetapi tidak sehingga membenarkan lesen itu terus berkuatkuasa bagi tempoh yang lebih lama daripada tempoh yang disebutkan dalam subseksyen (2) dari tarikh yang batasan itu mula-mula dikenakan.

Kuasa untuk mengenakan syarat-syarat baru dan mengubah atau membatalkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen di bawah seksyen 6(4) atau seksyen ini.

(5) Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi alasan bagi pembatalan lesen itu tetapi tidaklah mentaksahkan apa-apa transaksi.

(6) Sesuatu institusi yang lesennya dihadkan disebabkan pengenaan batasan ke atas jangka masanya boleh memohon suatu lesen baru di bawah seksyen 5, dan jika lesen baru diberi di bawah seksyen 6 (4), lesen terhad itu hendaklah terhenti berkuatkuasa.

**9.** Menteri boleh, pada bila-bila-masa, atas syor Bank, mengenakan syarat-syarat baru ke atas sesuatu lesen yang diberi di bawah seksyen 6 (4), atau mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu di bawah seksyen 6 (4) atau di bawah seksyen ini, atau yang telahpun diubah di bawah seksyen ini.

Notis pembatalan lesen, pengenaan had, atau pengubahan atau pembatalan syarat-syarat, atau pengenaan syarat-syarat baru.

**10.** (1) Tertakluk kepada seksyen 11, jika Menteri bercadang—

- (a) untuk membatalkan sesuatu lesen di bawah seksyen 7;
- (b) untuk menghadkan sesuatu lesen di bawah seksyen 8 atau mengubah apa-apa had atau syarat sedemikian di bawahnya; atau
- (c) untuk mengubah atau membatalkan apa-apa syarat, atau mengenakan apa-apa syarat baru, di bawah seksyen 9,

selain daripada dengan keizinan bertulis institusi, Menteri hendaklah memberi institusi itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian, dengan menentukan jenis tindakan yang dicadangkan, dan alasan-alasan yang berdasarkannya dia bercadang untuk berbuat demikian, dan memberi institusi itu peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya kepada Menteri dengan mengemukakan representasi itu kepada Bank dalam masa empat belas hari dari penyampaian notis itu.

(2) Selepas habisnya tempoh empat belas hari yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan dengan mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh institusi di bawah subseksyen (1), Menteri hendaklah, atas syor Bank, memutuskan—

- (a) sama ada hendak meneruskan dengan tindakan yang dicadangkan;

- (b) sama ada tidak hendak mengambil apa-apa tindakan lanjut;
- (c) jika tindakan yang dicadangkan itu ialah untuk membatalkan lesen institusi itu, sama ada hendak sebaliknya menghadkan lesen itu di bawah seksyen 8; atau
- (d) jika tindakan yang dicadangkan itu ialah untuk menghadkan lesen di bawah seksyen 8, atau untuk mengubah apa-apa had di bawah seksyen 8, atau untuk mengubah atau membatalkan syarat, atau mengenakan syarat baru, di bawah seksyen 9, sama ada hendak menghadkan atau mengubah had di bawah seksyen 8, atau hendak mengubah atau membatalkan syarat, atau mengenakan syarat baru, di bawah seksyen 9, dengan cara yang lain.

(3) Menteri hendaklah memberi institusi itu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah subseksyen (2), dan keputusan itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang notis bertulis tersebut disampaikan kepada institusi itu.

(4) Pembatalan sesuatu lesen di bawah seksyen 7 hendaklah disiarkan dalam *Warta* dengan seberapa segera yang praktik, tetapi kelengahan dalam menyiarkan sedemikian atau kegagalan untuk menyiarkan sedemikian tidaklah boleh dengan apa-apa jua cara menjelaskan keesahan pembatalan itu.

Pembatalan lesen  
dan penghadan  
lesen yang  
mandatori dalam hal  
kecemasan.

**11.** (1) Tiada notis perlu diberikan di bawah seksyen 10 (1) berkenaan dengan—

- (a) pembatalan lesen sesuatu institusi di bawah seksyen 7 (2); atau
- (b) pembatalan lesen sesuatu institusi di bawah seksyen 7 (1), atau pengenaan atau pengubahan had ke atas sesuatu institusi di bawah seksyen 8, dalam apa-apa hal yang Menteri fikirkan, atas syor Bank, bahawa lesen patut dibatalkan, atau had patut dikenakan atau diubah, sebagai satu perkara keterdesakan.

(2) Dalam apa-apa hal yang sedemikian Menteri boleh, melalui notis bertulis kepada institusi, membatalkan lesen, atau mengenakan atau mengubah had itu, dan pembatalan, pengenaan atau pengubahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah berkuatkuasa dari tarikh notis itu disampaikan kepada institusi itu.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan sebab-sebabnya yang Menteri telah bertindak sedemikian.

(4) Institusi yang kepadanya suatu notis diberikan di bawah subseksyen (2) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh notis itu disampaikan kepadanya, membuat representasi-representasi berkenaan dengannya kepada Menteri dengan mengemukakan representasi-representasi itu kepada Bank.

(5) Jika representasi-representasi telah dibuat oleh suatu institusi di bawah subseksyen (4), maka Menteri boleh, atas syar Bank, mengesahkan atau menghapuskan tindakan yang diambil olehnya di bawah subseksyen (2), atau membuat pengubahan kepada tindakan yang diambil sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 10 (2) (c) dan (d) berkenaan dengan tindakan yang dicadangkan, dan jika dia mengesahkan pembatalan lesen sesuatu institusi di bawah subseksyen (2), maka peruntukan-peruntukan seksyen 10 (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penyerahan balik lesen.

**12.** (1) Suatu institusi berlesen boleh menyerahkan balik lesennya dengan mengemukakannya kepada Bank berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik lesen itu.

(2) Penyerahan balik itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh Bank menerima lesen dan notis di bawah subseksyen (1), atau jika suatu tarikh terkemudian ditentukan dalam notis itu, maka pada tarikh terkemudian itu.

(3) Penyerahan balik sesuatu lesen hendaklah menjadi tak boleh batal melainkan jika ia dinyatakan akan berkuatkuasa pada suatu tarikh terkemudian dan sebelum tarikh tersebut Bank melalui notis bertulis kepada institusi itu membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik.

(4) Bank hendaklah menyiarkan dalam *Warta* dengan seberapa segera yang praktik suatu notis mengenai tiap-tiap penyerahan balik lesen di bawah seksyen ini, tetapi kelengahan dalam menyiarkan notis sedemikian atau kegagalan untuk menyiarkannya tidaklah boleh menjelaskan keesahan penyerahan balik itu.

Larangan ke atas penjalanan perniagaan berlesen apabila lesen dibatalkan, tamat jangka masanya atau diserahkan balik.

**13.** Jika pembatalan sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 (4) telah berkuatkuasa, atau suatu had ke atas jangka masanya di bawah seksyen 8 telah tamat, atau penyerahan baliknya di bawah seksyen 12 telah berkuatkuasa, maka institusi yang kepadanya lesen telah diberikan hendaklah dengan serta-merta sesudah itu berhenti menjalankan apa-apa perniagaan yang berkenaan dengannya lesen telah diberikan:

Dengan syarat bahawa jika institusi itu terus wujud sebagai suatu perbadanan selepas pembatalan itu berkuatkuasa Menteri boleh, atas syar Bank, secara bertulis membenarkan institusi itu menjalankan apa-apa aktiviti bagi apa-apa jangka masa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud penggulungan hal-ehwalnya atau bagi maksud-maksud yang benefisial kepada

pendeposit-pendepositnya, pelanggan-pelanggan atau pemutang-pemutangnya yang lain.

Kehendak-kehendak  
bagi mengeluarkan  
dan meneruskan  
lesen.

Akta A954.

**14.** (1) Tiada institusi boleh diberikan lesen di bawah seksyen 6(4) dan juga tiada institusi sedemikian boleh menjalankan perniagaan berlesennya tanpa keizinan bertulis daripada Menteri jika wang modalnya yang tak tercacat oleh kerugian atau selainnya adalah kurang daripada amaun minimum wang modal yang akan disenggarakan oleh institusi berlesen sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Bank.

(2) Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah menyenggarakan suatu amaun minimum wang modal, dan jika amaun minimum itu dinaikkan pada bila-bila masa, institusi berlesen itu hendaklah menyenggarakan amaun dinaikkan itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah yang membuat kenaikan itu, dan tempoh yang dinyatakan sedemikian tidaklah boleh kurang daripada tiga bulan.

Sekatan atas  
penggunaan  
perkataan “bank”,  
dll.

**15.** (1) Kecuali dengan keizinan bertulis Menteri—

- (a) tiada seorang pun, yang bukannya suatu institusi berlesen, boleh memakai atau menggunakan perkataan-perkataan “bank”, “syarikat perbankan dan kewangan”, “syarikat pengambilan deposit”, “syarikat kewangan”, “bank saudagar”, “syarikat diskau”, “broker wang”, atau “broker pertukaran asing”, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau apa-apa terbitan daripada perkataan-perkataan ini dalam apa-apa bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan sedemikian, berhubungan dengan perniagaan atau apa-apa bahagian perniagaan yang dijalankan oleh orang itu, atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian dalam apa-apa kepala bil, kertas surat, notis, iklan, atau dengan apa-apa jua pun cara lain;
- (b) tiada institusi boleh selepas ini diberikan lesen di bawah seksyen 6 (4) untuk menjalankan perniagaan di bawah suatu nama yang termasuklah—
- (i) perkataan “Negara”, “Komanwel”, “Persekutuan” sebagai kata sifat, “Persekutuan”, “Malaysia”, “Malaysia” sebagai kata sifat, “Kebangsaan”, “Rizab” atau “Negeri”, atau apa-apa perkataan atau perkataan-perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai, atau yang menunjukkan pengertian yang serupa dengan pengertian bagi, mana-mana perkataan di atas; atau

Akta A1211.

- (ii) perkataan “Islam” atau “Muslim”, atau apa-apa perkataan atau perkataan-perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan bahawa institusi itu menjalankan perniagaan bank Islam.
- (2) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana persatuan mana-mana institusi berlesen atau bagi mana-mana persatuan mana-mana pekerja dalam mana-mana institusi atau institusi-institusi itu.

Nama-nama  
hendaklah  
dilekatkan di luar  
pejabat.

**16.** Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah pada setiap masa melekatkan atau mengecatkan, dan memastikan dilekatkan atau dicatkan, di luar setiap pejabatnya pada tempat yang terang dan mudah dibaca dalam bahasa kebangsaan, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Bank, namanya dan perkataan-perkataan “bank berlesen”, “syarikat kewangan berlesen”, “bank saudagar berlesen”, “syarikat diskau berlesen”, “broker wang berlesen” atau “broker pertukaran asing berlesen”, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau apa-apa perkataan lain yang jelas menunjukkan perniagaan yang baginya ia dilesenkan.

Pindaan atau  
ubahpindaan kepada  
dokumen-dokumen  
konstituen institusi  
berlesen.

**17.** (1) Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah, sebelum apa-apa pindaan atau ubahpindaan dibuat kepada mana-mana dokumen konstituenya, memberi kepada Bank butir-butir bertulis mengenai pindaan atau ubahpindaan yang dicadangkan sedemikian bagi kelulusan Bank.

(2) Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas apa-apa pindaan atau ubahpindaan dibuat kepada mana-mana dokumen konstituenya, memberi kepada Bank butir-butir bertulis mengenai pindaan atau ubahpindahan sedemikian yang ditentusahkan dengan sempurnanya melalui suatu akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah institusi berlesen itu.

Penyiaran senarai  
institusi berlesen.

**18.** (1) Bank hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta* tidak lewat daripada 31hb Mac setiap tahun suatu senarai, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diputuskan oleh Bank, mengenai kesemua institusi yang memegang lesen di bawah seksyen 6 (4).

(2) Jika apa-apa lesen dikeluarkan pada bila-bila masa dalam lat tempoh antara satu penyiaran dengan penyiaran yang berikut selepasnya di bawah subseksyen (1), maka Bank hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta* suatu notis mengenainya dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diputuskan oleh Bank.

*Akta A954.*

*Akta A954.*

**PERNIAGAAN-PERNIAGAAN TERJADUAL DAN PEJABAT-  
PEJABAT WAKILAN**

Kehendak-kehendak  
bagi memulakan  
atau menjalankan  
perniagaan  
terjadual.

**19.** (1) Tiada seorang pun boleh mula menjalankan perniagaan institusi terjadual selepas tarikh berkuatkuasa melainkan jika—

- (a) ia adalah sebuah syarikat; dan
- (b) (*Dibatalkan*).
- (c) ia telah mematuhi kehendak seksyen 21(l) dan telah memperolehi pengakuan bertulis daripada Bank berkenaan dengan pematuhan tersebut.

*Akta A1211.*

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi suatu koperasi, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, bank berlesen, syarikat kewangan berlesen atau bank saudagar berlesen.

Kehendak-kehendak  
bagi mengadakan  
atau  
menyenggarakan  
pejabat wakilan.

**20.** (1) Tiada institusi asing boleh—

- (a) selepas tarikh berkuatkuasa, mengadakan suatu pejabat wakilan di Malaysia melainkan jika ia telah pertamanya—
  - (i) mendapat kelulusan bertulis daripada Bank untuk mengadakan pejabat wakilan itu; dan
  - (ii) mematuhi kehendak-kehendak seksyen 21 (1); atau
- (b) jika pejabat wakilan itu telah diadakan di Malaysia sebelum tarikh berkuatkuasa, terus menyenggarakan pejabat wakilan itu, melainkan jika dalam masa sembilan puluh hari selepas tarikh berkuatkuasa itu ia telah mematuhi kehendak-kehendak seksyen 21 (1).

dan telah mendapat suatu pengakuan bertulis daripada Bank berkenaan dengan pematuhan tersebut.

(2) Tiada institusi asing boleh, menerusi pejabat wakilannya, atau bagaimana jua pun selainnya, menjalankan apa-apa perniagaan yang disebutkan dalam seksyen 4 atau mana-mana perniagaan terjadual di Malaysia.

(3) Tertakluk kepada larangan di bawah subseksyen (2), sesuatu institusi asing boleh menjalankan, menerusi pejabat wakilannya atau bagaimana jua pun selainnya, hanyalah aktiviti-aktiviti atau perniagaan-perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Pengemukaan  
dokumen-dokumen,  
pernyataan-  
pernyataan, dsb.

**21.** (1) Seseorang atau suatu institusi asing yang masing-masingnya disebut dalam seksyen 19 (1) dan seksyen 20 (1) hendaklah mengemukakan kepada Bank apa-apa dokumen, pernyataan dan maklumat yang berhubungan dengan orang atau institusi itu sebagaimana yang ditentukan dalam perenggan (a) hingga (c) seksyen 5 (1) berserta dengan apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Bank.

(2) Bank boleh pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang atau institusi asing yang disebutkan dalam subseksyen (1) telah mematuhi subseksyen (1), menghendaki orang atau institusi itu mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan orang atau institusi itu, perniagaan atau hal ehwalnya, dan apa-apa penyata berkala sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Pindaan atau  
ubahpindaan kepada  
dokumen-dokumen  
konstituen institusi  
terjadual atau asing.

**22.** Tiap-tiap institusi terjadual, dan tiap-tiap institusi asing yang tertakluk kepada seksyen 20 (1), hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas apa-apa pindaan atau ubahpindaan dibuat kepada mana-mana dokumen konstituenya, mengemukakan kepada Bank butir-butir bertulis mengenai pindaan atau ubahpindaan sedemikian sebagaimana yang ditentusahkan dengan sempurnanya melalui suatu akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah institusi itu.

Sekatan terhadap  
penggunaan  
perkataan-perkataan  
“kredit bangunan”  
dsb.

**23.** Tiada seorang pun, yang bukannya seseorang yang disebut di dalam seksyen 19 (2), boleh memakai atau menggunakan **perkataaan-perkataan** “kredit bangunan”, “persatuan pembinaan”, “pembentukan pembangunan”, “pemfaktoran” atau “pemajakan” atau apa-apa terbitan daripada perkataan-perkataan ini dalam apa-apa bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan sedemikian berhubungan dengan perniagaan atau apa-apa bahagian perniagaan yang dijalankan oleh orang itu, atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian pada apa-apa kepala bil, kertas surat, notis, iklan, atau dengan apa-apa jua pun cara lain melainkan jika ia adalah suatu institusi terjadual yang, atau dalam hal seseorang yang menjalankan suatu perniagaan terjadual sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, dalam masa sembilan puluh hari selepas tarikh berkuatkuasa, telah mematuhi kehendak-kehendak seksyen 21 (1) dan telah mendapat suatu pengakuan bertulis daripada Bank berkenaan dengannya.

*[sic]*  
*AKTA A1211.*

Pengawalseliaan  
institusi terjadual  
dan pejabat wakilan  
di bawah Bahagian  
V, VI, VII, VIII, IX,  
X dan XIII.

**24.** (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa adalah perlu untuk mengawalselia mana-mana institusi terjadual atau pejabat wakilan tertentu, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan institusi terjadual atau pejabat wakilan itu secara amnya, untuk—

*Akta A954.*

- (a) menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang kukuh;
- (b) mempengaruhi kedudukan kredit bagi faedah Malaysia; atau
- (c) melindungi kepentingan awam berkenaan dengan perniagaan atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh institusi terjadual atau pejabat wakilan tertentu itu, atau institusi-institusi terjadual atau pejabat-pejabat wakilan itu,

atas syor Bank, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisyiharkan bahawa mana-mana atau kesemua peruntukan Bahagian V, VI, VII, VIII, IX, X dan XIII hendaklah terpakai bagi institusi terjadual atau pejabat wakilan tertentu itu, atau bagi kelas, kategori atau perihalan institusi terjadual atau pejabat wakilan itu secara amnya, dari suatu tarikh, dan dengan apa-apa ubahsuaian, pengubahan, penyesuaian, ubahpindaan, pindaan, tambahan, pemotongan atau penggantian, sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu.

(2) Jika sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) disiarkan dalam *Warta*, maka peruntukan-peruntukan Akta ini yang dengan demikian itu adalah terpakai bagi institusi terjadual atau pejabat wakilan tertentu itu, atau bagi kelas, kategori atau perihalan institusi terjadual atau pejabat wakilan itu, hendaklah terpakai seolah-olah sebutan-sebutan di dalamnya mengenai suatu institusi berlesen adalah sebutan-sebutan mengenai institusi terjadual atau pejabat wakilan tertentu itu, atau mengenai institusi terjadual atau pejabat wakilan yang tergolong dalam kelas, kategori atau perihalan institusi terjadual atau pejabat wakilan itu.

(3) Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan di bawah seksyen ini terhadap sesuatu pejabat wakilan bolehlah juga dijalankan terhadap institusi asing yang ia adalah suatu pejabat wakilan di mana Menteri, atas syor Bank, fikirkannya perlu untuk menjalankan kuasa-kuasa itu terhadap institusi asing supaya dapat mengawalselia pejabat wakilan itu.

#### BAHAGIAN IV

#### SEKATAN-SEKATAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENYETUJUTERIMAAN DAN PENSOLISITAN, PENGIKLANAN MENDAPATKAN, DAN DORONGAN UNTUK MEMBUAT, DEPOSIT

Menerima,  
mengambil atau  
menyetujuterima  
deposit yang

**25.** (1) Tiada seorang pun boleh menerima, mengambil, atau menyetujuterima deposit kecuali di bawah dan mengikut suatu lesen sah yang diberikan di bawah seksyen 6 (4) untuk menjalankan

dilarang, kecuali di bawah dan mengikut lesen sah yang diberikan di bawah seksyen 6 (4).

perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun.

*Akta 125.*

(2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan penuh walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, dan, khususnya, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965 berkenaan dengan perbadanan peminjam sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 4 Akta tersebut.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, takrif “deposit” dalam seksyen 2 adalah diubahsuai—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “yang diterima atau dibayar” dengan perkataan-perkataan “atau apa-apa logam berharga, atau apa-apa batu berharga, atau apa-apa artikel yang terdiri daripada, sebahagiannya atau keseluruhannya, apa-apa logam berharga atau batu berharga, atau apa-apa artikel atau benda lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Bank, yang diterima, dibayar atau diserahkan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “akan dibayar balik”, “boleh dibayar balik”, “pembayaran balik” dan “membuat pembayaran” masing-masingnya perkataan-perkataan “atau dikembalikan”, “atau boleh dikembalikan”, “atau pengembalian” dan “atau penyerahan”.

Kunjungan tanpa diminta.

**26.** (1) Tiada seorang pun, tanpa keizinan bertulis Bank, boleh membuat kunjungan tanpa diminta untuk—

- (a) mensolisit atau mendapatkan pembuatan deposit; atau
  - (b) mengikat atau menawar untuk mengikat apa-apa perjanjian dengan tujuan disetujuterima sesuatu deposit, daripada mana-mana orang di dalam Malaysia atau di luar Malaysia.
- (2) Keizinan Bank di bawah subseksyen (1) boleh diberikan kepada mana-mana orang, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan orang, dan boleh dijadikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat, termasuk suatu syarat yang menghendaki didedahkan apa-apa maklumat kepada orang-orang yang ke atasnya kunjungan tanpa diminta itu dibuat, sebagaimana yang diterangkan dalam keizinan itu.

(3) Dalam seksyen ini, “kunjungan tanpa diminta” ertiannya suatu lawatan peribadi atau perhubungan lisan yang dibuat tanpa pelawaan nyata.

*Akta A954.*

Iklan bagi deposit. **27.** Tiada seorang pun, selain daripada suatu bank berlesen, syarikat kewangan berlesen, bank saudagar berlesen atau syarikat diskaun berlesen, boleh menerbitkan atau menyiarkan, atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan atau menyiarkan, iklan yang mengandungi—

- (a) suatu pelawaan untuk membuat deposit atau mengikat atau menawar untuk mengikat apa-apa perjanjian untuk membuat deposit; atau
- (b) maklumat yang bermaksud atau yang mungkin semunasabahnya dianggap bermaksud membawa secara langsung atau secara tak langsung kepada pembuatan deposit:

Dengan syarat bahawa larangan di atas tidaklah terpakai bagi penyiaran oleh mana-mana orang akan apa-apa iklan untuk atau bagi pihak sesuatu institusi berlesen seperti yang disebutkan di atas.

Dorongan fraud berhubungan dengan deposit. **28.** Tiada seorang pun boleh—

- (a) membuat, menyiarkan, atau memudahkan pembuatan atau penyiaran, sesuatu pernyataan, janji atau ramalan yang diketahuinya mengelirukan, palsu atau memperdayakan;
- (b) dengan curang menyembunyikan apa-apa fakta material; atau
- (c) dengan melulu membuat atau menyiarkan (dengan curang atau selainnya), atau dengan melulu memudahkan pembuatan atau penyiaran (dengan curang atau selainnya) sesuatu pernyataan, janji atau ramalan yang mengelirukan, palsu atau memperdayakan,

jika dia membuat, menyiarkan, atau memudahkan pembuatan atau penyiaran, pernyataan, janji atau ramalan itu, atau menyembunyikan fakta material itu, bagi maksud mendorong, atau cuai mengenai sama ada ia boleh mendorong, seorang lain (sama ada atau tidak orang itu adalah orang yang kepadanya pernyataan, janji atau ramalan itu dibuat atau yang daripadanya fakta material itu disembunyikan) untuk—

- (A) membuat, atau menahan daripada membuat, suatu deposit; atau
- (B) mengikat, atau menahan daripada mengikat, suatu perjanjian bagi maksud pembuatan suatu deposit, dengannya atau dengan mana-mana orang lain.

*Akta A954.*

## SUBSIDIARI DAN PEJABAT INSTITUSI-INSTITUSI BERLESEN

- Kawalan ke atas penubuhan atau pemerolehan subsidiari.
- Sekatan ke atas penubuhan pejabat-pejabat institusi berlesen.
- Mengadakan pertalian bank penghubung.
- 29.** Tiada institusi berlesen boleh menubuhkan atau memperolehi mana-mana subsidiari di dalam atau di luar Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank. *Akta A954.*
- 30.** Tiada institusi berlesen boleh membuka mana-mana pejabat di dalam atau di luar Malaysia tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank. *Akta A954.*
- 31.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), suatu bank berlesen atau bank saudagar berlesen boleh mengadakan suatu pertalian bank penghubung dengan mana-mana bank di luar Malaysia.
- (2) Bank boleh menetapkan melalui perintah bahawa mana-mana bank berlesen atau bank saudagar berlesen sebagaimana yang diterangkan dalam perintah itu tidaklah boleh, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri yang diberi atas syor Bank, mengadakan suatu pertalian bank penghubung dengan mana-mana bank yang ditubuhkan dalam mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia, yang diterangkan dalam perintah itu, atau dengan mana-mana bank yang dimiliki atau dikuasai, secara langsung atau secara tak langsung, oleh kerajaan, atau agensi kerajaan, bagi negara, wilayah atau tempat tersebut.

## BAHAGIAN VI

### SEKATAN-SEKATAN KE ATAS URUSNIAGA INSTITUSI-INSTITUSI BERLESEN

- Sekatan ke atas penjalanan perdagangan oleh institusi berlesen.
- Sekatan ke atas perdagangan oleh
- 32.** (1) Melainkan jika ditetapkan selainnya oleh Menteri atas syor Bank, tiada institusi berlesen boleh terlibat, sama ada atas tanggungannya sendiri atau atas dasar komisen, dan sama ada bersendirian atau dengan orang lain, dalam perdagangan borong atau runcit, termasuk perdagangan import dan eksport, kecuali berkaitan dengan perealisasian cagaran yang diberi kepadanya atau dipegang olehnya bagi maksud menjalankan perniagaan berlesennya.
- (2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi pembelian atau penjualan emas atau mata wang asing oleh mana-mana bank berlesen.

- Sekatan ke atas perdagangan oleh
- 33.** (1) Melainkan jika ditetapkan selainnya oleh Menteri, atas syor Bank,— *Akta A1211.*

syarikat kewangan  
berlesen, dsb.

- (a) sesuatu syarikat kewangan berlesen, bank saudagar berlesen atau syarikat diskaun berlesen tidaklah boleh—
    - (i) menyetujuterima wang atas deposit yang boleh dibayar balik bila dituntut dengan cek, draf, perintah atau apa-apa suratcara lain yang dikeluarkan oleh pendeposit daripada institusi itu; atau
    - (ii) berurusniaga dalam mata wang asing; dan
  - (b) sesuatu syarikat kewangan berlesen, bank saudagar berlesen, syarikat diskaun berlesen atau broker wang berlesen tidaklah boleh terlibat dalam apa-apa perniagaan selain daripada perniagaan berlesennya.
- (2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi sesuatu syarikat perbankan dan kewangan.

Deposit-deposit hendaklah tertakluk kepada tempoh minimum, atau maksimum, amaun minimum atau maksimum yang ditentukan, dan terma-terma dan syarat-syarat lain yang ditentukan.

**34.** (1) Jika sesuatu institusi berlesen yang dibenarkan di bawah lesennya untuk menerima deposit, menerima apa-apa deposit, maka deposit itu hendaklah dibayar balik apabila habisnya apa-apa tempoh minimum atau maksimum sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Bank boleh menentukan amaun minimum bagi sekali deposit, atau amaun agregat maksimum bagi segala deposit yang boleh disetujuterima oleh institusi berlesen itu sebagai deposit daripada seorang pendeposit tunggal, dan juga terma-terma dan syarat-syarat lain yang menurutnya deposit boleh disetujuterima olehnya.

(3) Penentuan di bawah subseksyen (1) atau (2) tidaklah menjelaskan apa-apa perjanjian di antara pendeposit dengan institusi yang dibuat sebelum penentuan itu mula berkuatkuasa.

Kawalan ke atas  
iklan yang  
diterbitkan oleh  
institusi berlesen.

**35.** (1) Jika Bank berpendapat bahawa apa-apa pernyataan yang dibuat dalam sesuatu iklan yang diterbitkan oleh suatu institusi berlesen adalah palsu, memperdayakan, mengganggu atau mengelirukan, maka Bank boleh melalui notis bertulis mengarahkan institusi itu supaya melakukan kesemua atau mana-mana daripada yang berikut:

- (a) memberhentikan penerbitan berterusan iklan itu;
- (b) mengubahsuaikan iklan itu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank;
- (c) memberhentikan keluaran apa-apa iklan yang, pada

- keseluruhannya atau sebahagian besarnya, adalah ulangan iklan sedemikian;
- (d) mengambil segala langkah yang praktik untuk menarik balik iklan itu daripada tiap-tiap dan segala terbitan atau pertunjukannya; atau
  - (e) menyiarkan suatu pernyataan mengikut cara yang serupa dengan iklan yang diterbitkan terdahulu untuk menarik balik atau mengubahsuaikan iklan sedemikian.
- (2) Bank boleh mengubah, menambah, membatalkan atau selainnya meminda apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melalui suatu notis bertulis kepada institusi berkenaan.

## BAHAGIAN VII

### KEHENDAK-KEHENDAK KEWANGAN DAN TUGAS-TUGAS INSTITUSI BERLESEN

Penyenggaraan  
kumpulan wang  
rizab.

#### **36. (1) Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah—**

*Akta A954.*

- (a) menyenggarakan suatu kumpulan wang rizab; dan
  - (b) sebelum mengisyiharkan apa-apa dividen daripada untung bersihnya bagi setiap tahun (selepas peruntukan yang wajar telah dibuat untuk cukai), memindahkan kepada kumpulan wang rizabnya daripada untung bersih bagi setiap tahun—
    - (i) sejumlah wang yang sama banyak dengan tidak kurang daripada lima puluh peratus daripada untung bersih bagi tahun itu, asalkan amaun kumpulan wang rizab itu adalah kurang daripada lima puluh peratus daripada modal berbayarnya; atau
    - (ii) sejumlah wang yang sama banyak dengan tidak kurang daripada dua puluh lima peratus daripada untung bersih bagi tahun itu, asalkan amaun kumpulan wang rizab itu adalah lima puluh peratus tetapi kurang daripada seratus peratus daripada modal berbayarnya.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), Bank boleh dari semasa ke semasa menentukan suatu bahagian berlainan daripada untung bersih bagi setiap tahun, iaitu sama ada kurang atau lebih daripada bahagian-bahagian yang ditentukan dalam subseksyen (1), hendaklah dipindahkan kepada kumpulan wang rizab suatu institusi tempatan berlesen bagi maksud memastikan bahawa amaun kumpulan wang rizab bagi institusi itu adalah mencukupi bagi maksud perniagaannya

dan memadai berhubungan dengan liabiliti-liabilitinya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), kumpulan wang rizab boleh, dengan kelulusan Bank dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank, digunakan untuk membayar syer tak diterbitkan yang akan diterbitkan kepada anggota institusi berlesen sebagai syer bonus berbayar penuh.

(4) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh memberikuasa kepada suatu institusi berlesen untuk membayar dividen daripada kumpulan wang rizab itu.

Penyenggaraan  
wang modal.

**37.** (1) Bank boleh menentukan bahawa suatu institusi berlesen hendaklah menyenggarakan, pada setiap masa, wang modal yang tak tercacat oleh kerugian, pada apa-apa nisbah kepada segala atau apa-apa aset atau kepada segala atau apa-apa liabiliti, atau kepada kedua-dua aset atau liabiliti itu, institusi itu dan kesemua pejabatnya di dalam dan di luar Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam penentuan itu.

*Akta A954.*

(2) Jika mana-mana institusi berlesen yang disebutkan dalam subseksyen (1) adalah suatu perbadanan dalam suatu kumpulan perbadanan yang berkaitan, maka akaun-akaun institusi berlesen itu tidaklah boleh, bagi maksud seksyen ini, dihitung atas dasar disatukan melainkan jika Bank menentukan sebaliknya.

Penyenggaraan aset  
cair.

**38.** (1) Bank boleh menentukan bahawa suatu institusi berlesen hendaklah memegang apa-apa amaun minimum, atau amaun purata minimum, aset cair di Malaysia pada setiap masa atau selama apa-apa tempoh masa sebagaimana yang diterangkan dalam penentuan itu.

*Akta A954.*

(2) Amaun minimum, atau amaun purata minimum, aset cair yang ditentukan di bawah subseksyen (1) hendaklah dinyatakan sebagai peratusan bagi segala atau sekian banyak daripada liabilitinya yang ditanggung oleh pejabat-pejabatnya di Malaysia sebagaimana yang diterangkan dalam penentuan itu.

(3) Dalam suatu penentuan di bawah subseksyen (1), Bank boleh menentukan—

- (a) amaun minimum yang berlainan, atau amaun purata minimum yang berlainan, aset cair bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan;
- (b) jenis-jenis aset yang berlainan yang hendak dikelaskan sebagai aset cair bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan; atau
- (c) jenis-jenis liabiliti yang berlainan sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (2) yang hendak dikelaskan sebagai liabiliti bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan.

(4) Dalam suatu penentuan di bawah subseksyen (1), Bank hendaklah menentukan tempoh, iaitu dalam apa-apa jua hal tidak kurang dari tujuh hari, yang dalam tempohnya sesuatu institusi berlesen hendaklah mematuhi penentuan itu, dan ia boleh menentukan tempoh-tempoh yang berlainan bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan:

Dengan syarat bahawa tempoh itu adalah suatu tempoh yang seragam bagi semua institusi berlesen dalam kelas atau kategori yang berkenaan.

(5) Bank boleh mlarang mana-mana institusi berlesen daripada memberikan apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang dalam tempoh yang institusi itu telah gagal untuk mematuhi mana-mana kehendak suatu penentuan di bawah seksyen ini.

Penyenggaraan aset di Malaysia. **39.** (1) Bank boleh menentukan bahawa mana-mana institusi berlesen, atau mana-mana kelas atau kategori institusi berlesen, sebagaimana yang diterangkan dalam penentuan itu, hendaklah memegang di Malaysia pada setiap masa apa-apa amaun minimum aset sebagaimana yang diterangkan dalam penentuan itu.

(2) Amaun minimum aset yang hendak dipegang di Malaysia yang ditentukan di bawah subseksyen (1) hendaklah dinyatakan sebagai peratusan bagi segala atau apa-apa liabiliti institusi di Malaysia sebagaimana yang diterangkan dalam penentuan itu.

(3) Dalam suatu penentuan di bawah subseksyen (1), Bank boleh menentukan—

- (a) amaun-amaun minimum aset yang berlainan yang hendak dipegang di Malaysia oleh kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan;
- (b) jenis-jenis aset yang berlainan yang hendak dikelaskan sebagai aset yang hendak dipegang di Malaysia bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan;
- (c) jenis-jenis liabiliti yang berlainan yang hendak dikelaskan sebagai liabiliti bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan; atau
- (d) peruntukan-peruntukan yang berlainan bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang diperuntukkan di bawah penentuan itu, selain daripada sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (4).

(4) Peruntukan-peruntukan seksyen 38 (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berhubungan dengan suatu penentuan di bawah subseksyen (1).

Perlantikan dan **40.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-

tugas-tugas juruaudit. undang bertulis lain, suatu institusi berlesen hendaklah melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Menteri atas syor Bank setiap tahun sebelum suatu tarikh yang akan ditentukan oleh Bank.

(2) Jika suatu institusi berlesen gagal melantik seorang juruaudit di bawah subseksyen (1) sebelum tarikh yang ditentukan di bawahnya, maka Menteri boleh melantik seorang juruaudit yang disyorkan oleh Bank bagi institusi itu, dan menentukan saraan dan perbelanjaannya, dan ia hendaklah dibayar kepada juruaudit tersebut oleh institusi itu.

(3) Jika Menteri pada bila-bila masa, atas syor Bank, fikirkannya wajar yang seorang lagi juruaudit patut bertindak bersama dengan juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau (2), maka dia boleh melantik seorang lagi juruaudit yang disyorkan oleh Bank dan menentukan saraan dan perbelanjaannya, dan ia hendaklah dibayar kepada juruaudit tersebut oleh institusi itu.

(4) Tiada institusi berlesen boleh dengan disedarinya melantik sebagai juruauditnya mana-mana orang, dan tiada seorang pun dengan disedarinya boleh menyetujui supaya dilantik sebagai seorang juruaudit bagi suatu institusi berlesen oleh institusi itu atau oleh Menteri, jika orang itu—

- (a) bukan seorang juruaudit syarikat diluluskan;
- (b) mempunyai apa-apa jua pun kepentingan dalam apa-apa bentuk atau daripada apa-apa perihalan dalam institusi tersebut, termasuk suatu kepentingan dalam syer institusi itu;
- (c) seorang pengarah, pengawal atau pegawai institusi tersebut;
- (d) berhutang dengan institusi tersebut atau dengan mana-mana perbadanan berkaitan institusi tersebut;
- (e) seorang pekongsi, majikan atau pekerja kepada pengarah, pengawal, atau pegawai, institusi tersebut;
- (f) seorang pekongsi atau pekerja dengan seorang pekerja kepada pengarah, pengawal, atau pegawai, institusi tersebut;
- (g) seorang pemegang syer, atau suami atau isterinya adalah seorang pemegang syer, bagi suatu perbadanan yang pekerjanya adalah seorang pegawai institusi tersebut;
- (h) bertanggungjawab, atau ialah pekongsi, majikan, atau pekerja kepada seseorang yang bertanggungjawab, bagi penyimpanan daftar anggota-anggota atau daftar pemegang-pemegang debentur institusi tersebut; atau
- (i) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau Akta Syarikat 1965, atau atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan fraud atau kecurangan;

Dengan syarat bahawa Menteri boleh, atas syor Bank, membatalkan kehilangan kelayakan yang mana-mana juruaudit adalah tertakluk kepadanya di bawah perenggan ini jika Menteri berpuas hati bahawa ia tidak akan bertentangan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(5) Bagi maksud-maksud subseksyen (4), seseorang hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai suatu institusi—

- (a) jika dia seorang pegawai suatu perbadanan berkaitan institusi itu; atau
- (b) kecuali jika Menteri, atas syor Bank, mengikut hal keadaan kes itu, mengarahkan selainnya, jika dia telah menjadi seorang pegawai atau pengangur institusi itu atau perbadanan berkaitan itu pada bila-bila masa dalam tempoh dua belas bulan yang terdahulu.

(6) Suatu firma tidaklah boleh dengan disedarinya menyetujui supaya dilantik, dan tidaklah boleh dengan disedarinya bertindak, sebagai juruaudit bagi mana-mana institusi berlesen dan tidaklah boleh menyediakan, untuk atau bagi pihak suatu institusi berlesen, apa-apa laporan yang dikehendaki oleh Akta ini supaya disediakan oleh seorang juruaudit melainkan jika—

- (a) kesemua pekongsi firma yang bermastautin di Malaysia adalah juruaudit syarikat diluluskan dan, jika firma itu tidak didaftarkan sebagai suatu firma di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa, suatu penyata yang menunjukkan nama dan alamat penuh kesemua pekongsi firma itu telah diserahsimpan dengan Bank; dan
- (b) tiada pekongsi kehilangan kelayakan di bawah subseksyen (4) (b) hingga (i), termasuk kedua-duanya, daripada bertindak sebagai juruaudit institusi itu.

(7) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai juruaudit di bawah seksyen ini melainkan jika sebelum perlantikannya dia telah bersetuju secara bertulis untuk bertindak sebagai juruaudit sedemikian, dan tiada firma boleh dilantik sebagai juruaudit di bawah seksyen ini melainkan jika sebelum perlantikan itu firma tersebut telah bersetuju secara bertulis di bawah tandatangan sekurang-kurangnya seorang pekongsi firma itu untuk bertindak sebagai juruaudit sedemikian.

(8) Perlantikan suatu firma atas nama firma itu sebagai juruaudit di bawah seksyen ini hendaklah berkesan dan berkuatkuasa sebagai suatu perlantikan orang-orang yang adalah anggota firma itu pada masa perlantikan itu sebagai juruaudit institusi berlesen yang berkenaan.

(9) Bagi maksud-maksud seksyen ini, seseorang tidaklah boleh disifatkan sebagai seorang pegawai sesuatu institusi atau perbadanan berkaitannya semata-mata oleh sebab dia telah dilantik sebagai seorang

juruaudit institusi itu atau perbadanan berkaitannya.

(10) Mana-mana orang yang dilantik sebagai juruaudit bagi suatu institusi berlesen yang, pada bila-bila masa selepas perlantikan tersebut, menjadi tertakluk kepada apa-apa kehilangan kelayakan yang disebut dalam seksyen ini atau dalam seksyen 9 Akta Syarikat 1965, hendaklah dengan serta-merta sesudah itu berhenti menjadi juruaudit institusi itu dan tidaklah boleh selepas itu bertindak sebagai juruauditnya atau dikehendaki atau dibenarkan oleh institusi itu untuk bertindak sebagai sedemikian.

(11) Tugas-tugas juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau (2) ialah—

- (a) untuk menjalankan, dalam hal suatu institusi tempatan berlesen, audit ke atas akaun-akaun institusi itu;
- (b) untuk menjalankan, dalam hal suatu bank asing berlesen, audit ke atas akaun-akaun bank itu berkenaan dengan operasinya di Malaysia; dan
- (c) tertakluk kepada seksyen 41 (4), untuk mengemukakan laporan mengenai audit itu kepada anggota-anggota institusi berlesen.

(12) Laporan juruaudit yang disebutkan di bawah subseksyen (11) (c) hendaklah—

- (a) dalam hal suatu institusi berlesen yang ia adalah suatu syarikat, dibuat mengikut seksyen 174 Akta Syarikat 1965; dan
- (b) dalam hal suatu institusi berlesen, selain daripada suatu syarikat, memperakukan yang berikut:
  - (i) sama ada atau tidak segala maklumat dan penerangan yang pada pendapat juruaudit perlu bagi maksud-maksud audit telah didapati;
  - (ii) sama ada atau tidak, mengikut sepanjang maklumat dan penerangan yang telah diberikan kepadanya, kunci kira-kira dan akaun untung rugi yang disebutkan dalam laporan itu memberi, pada pendapatnya, suatu pandangan yang benar dan adil tentang keadaan hal-ehwal institusi berlesen itu pada tarikh kunci kira-kira, dan tentang akaun untung rugi bagi tahun kewangan yang berkenaan, dengan mengambil perhatian, antara lainnya, peruntukan-peruntukan Akta ini;
  - (iii) sama ada atau tidak pada pendapatnya buku-buku akaun yang patut telah disimpan dengan sepatutnya oleh institusi berlesen itu setakat yang ternyata daripada pengauditan akaun-akaun itu; dan
  - (iv) sama ada atau tidak pada pendapatnya penyata-

penyata yang patut, yang memadai bagi maksud-maksud audit itu, telah diterima olehnya daripada pejabat-pejabat institusi berlesen itu yang tidak dilawati.

(13) Bank boleh, pada bila-bila masa, menghendaki seorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini supaya—

- (a) mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubungan dengan auditnya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank;
- (b) memperluaskan atau melanjutkan skop auditnya mengenai perniagaan dan hal-ehwal institusi itu mengikut apa-apa cara atau pada apa-apa takat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank;
- (c) menjalankan apa-apa pemeriksaan khusus atau mengadakan apa-apa prosedur dalam mana-mana hal tertentu; atau
- (d) mengemukakan suatu laporan mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam perenggan-perenggan yang disebut di atas,

dan Bank boleh menentukan masa yang dalam tempohnya mana-mana kehendak yang disebut terdahulu hendaklah dipatuhi oleh juruaudit itu dan menentukan saraan yang hendaklah dibayar kepada juruaudit oleh institusi itu berkenaan dengannya.

(14) Juruaudit hendaklah mematuhi apa-apa kehendak Bank di bawah subseksyen (13) dan institusi hendaklah membayar kepada juruaudit itu saraan juruaudit yang disebutkan di dalamnya.

(15) Jika seorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini, semasa menjalankan tugas-tugasnya sebagai juruaudit sesuatu institusi, berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku suatu pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau bahawa apa-apa kesalahan yang berkaitan dengan ketidakjujuran atau fraud di bawah mana-mana undang-undang lain telah dilakukan oleh institusi itu atau oleh mana-mana orang lain;
- (b) kerugian-kerugian telah dialami oleh institusi itu yang mengurangkan wang modalnya setakat yang institusi itu tidak lagi boleh mematuhi penentuan Bank di bawah seksyen 37(1);
- (c) apa-apa luar aturan yang memudarangkan kepentingan-kepentingan pendeposit atau pembiutang institusi itu, atau apa-apa luar aturan serius yang lain, telah berlaku; atau
- (d) dia tidak dapat mengesahkan bahawa tuntutan-tuntutan pendeposit atau pembiutang diliputi oleh aset-aset institusi itu,

Akta A954.

maka dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Bank.

(16) Suatu institusi berlesen, dan mana-mana pengarah, pengawal atau pegawai institusi tersebut, hendaklah—

- (a) memberi kepada juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini—
  - (i) segala maklumat dalam pengetahuannya atau yang boleh didapatkan olehnya; atau
  - (ii) apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh juruaudit, untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugasnya; dan
- (b) memastikan bahawa segala maklumat yang diberi kepada juruaudit, termasuk maklumat yang diberi di bawah perenggan (a), tidaklah palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material.

(17) Bank boleh pada bila-bila masa memeriksa buku-buku, dokumen-dokumen lain, akaun dan transaksi mana-mana orang yang pernah pada bila-bila masa menjadi, atau adalah, seorang juruaudit suatu institusi berlesen dan bagi maksud-maksud pemeriksaan itu, Bank hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa yang dipunyainya atau yang boleh dijalankannya berhubungan dengan pemeriksaan ke atas institusi berlesen di bawah Akta ini.

Penyata-penyata kewangan hendaklah dikemukakan kepada Bank.

**41.** (1) Dalam masa tiga bulan selepas penutupan setiap tahun kewangan sesuatu institusi berlesen, atau apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh Bank, institusi berlesen itu hendaklah mengemukakan kepada Bank berkenaan dengan keseluruhan operasinya di Malaysia dua salinan bagi setiap satu dokumen yang berikut:

- (a) kunci kira-kira tahunan, akaun untung rugi tahunan dan penyata tahunannya yang beraudit terakhir sekali yang menyatakan sumber-sumber wangnya, dan tujuan-tujuan yang baginya, dan cara bagaimana, wang tersebut telah digunakan; dan
- (b) laporan daripada—
  - (i) juruaudit di bawah seksyen 40 (11) (c); dan
  - (ii) dalam hal suatu institusi berlesen, pengarah-pengarah di bawah seksyen 169 (5) Akta Syarikat 1965.

*Akta A954.*

(2) Dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1), suatu institusi berlesen hendaklah, sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak di bawah subseksyen (1), mengemukakan kepada Bank jika ia suatu institusi berlesen yang mempunyai pejabat atau subsidiari di luar Malaysia, segala dokumen yang disebutkan di bawah subseksyen

(1) berkenaan dengan—

- (i) operasinya di setiap negara di luar Malaysia; dan
- (ii) keseluruhan operasinya baik di dalam maupun di luar Malaysia atas dasar disatukan.

(3) Bank boleh, sama ada sebelum atau selepas sesuatu institusi berlesen telah mematuhi kehendak-kehendak subseksyen (1) atau (2), menghendaki institusi berlesen yang disebutkan dalam subseksyen (1) atau (2) supaya mengemukakan maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu sama ada dengan cara penghuraian, penjelasan atau selainnya mengenai apa-apa dokumen yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, atau supaya meminda atau mengubahsuaikan dokumen tentang bentuk atau kandungan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.

(4) Melainkan jika dan sehingga Bank telah memberitahu institusi berlesen secara bertulis bahawa—

- (a) Bank berpuas hati yang institusi berlesen telah mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dan (3); dan
- (b) dokumen-dokumen dan maklumat yang dibekalkan di bawahnya adalah dalam sedemikian bentuk dan mengandungi sedemikian maklumat yang boleh diterima oleh Bank,

institusi berlesen itu tidaklah boleh—

- (A) membentangkan akaun-akaunnya di dalam mesyuarat agungnya;
- (B) menyiarkannya di bawah seksyen 42; atau
- (C) mengambil apa-apa tindakan lain berhubungan dengannya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank,

kecuali jika diluluskan selainnya oleh Bank secara bertulis, dan apa-apa kelulusan sedemikian bolehlah dibuat tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diterangkan di dalamnya.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (4), suatu institusi berlesen hendaklah dalam masa enam bulan selepas penutupan tahun kewangannya, atau apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh Bank, mengemukakan kepada Bank empat salinan setiap satu dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) berserta dengan kelulusan atau keputusan lain mesyuarat agung tahunan institusi berlesen berkenaan dengannya.

Penyiaran dan pameran kunci kira-kira beraudit, dsb.

**42.** Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh pembentangan akaun-akaunnya di mesyuarat agung tahunannya, atau dalam apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh Bank, menyiarkan dalam tidak kurang daripada dua

akbar harian yang diterbitkan di Malaysia dan diluluskan oleh Bank, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris, dan mempamerkan selepas itu di sepanjang tahun di suatu tempat yang mudah dilihat di tiap- tiap pejabat institusi itu di Malaysia, satu salinan setiap satu kunci kira-kiranya dan apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan Bank boleh menentukan secara lain berkenaan dengan dokumen-dokumen yang hendak disiarkan dalam akhbar dan dokumen-dokumen yang hendak dipamerkan.

Statistik dan  
maklumat  
hendaklah  
dikemukakan.

**43.** (1) Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah mengemukakan kepada Bank—

- (a) suatu pernyataan yang menunjukkan aset dan liabiliti institusi itu masing-masingnya di tempat utama perniagaannya dan di setiap pejabat institusi itu yang lain di Malaysia; dan
- (b) apa-apa maklumat, dokumen, statistik atau pernyataan lanjut sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen 96 dan 97, Bank boleh menghendaki—

*Akta 519.*

- (a) apa-apa kelas atau kategori institusi berlesen, selain daripada suatu syarikat diskaun berlesen atau broker wang berlesen, supaya mengemukakan suatu pernyataan yang menunjukkan apa-apa maklumat kredit yang berhubungan dengan pelanggan- pelanggannya sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud-maksud biro kredit yang ditubuhkan di bawah seksyen 30 (1) (*mmm*) Akta Bank Negara Malaysia 1958; dan

(b) (*Dibatalkan*).

*Akta A1144.*

(3) Tiap-tiap institusi berlesen yang mengendalikan mana-mana pejabat di luar Malaysia hendaklah mengemukakan kepada Bank apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengendalian mana-mana pejabat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(4) Kecuali bagi maksud-maksud subseksyen (2), apa-apa maklumat yang diterima daripada suatu institusi berlesen di bawah seksyen ini hendaklah diambil kira sebagai rahsia di antara institusi itu dengan Bank.

(5) Walau apa pun apa-apa juga dalam Akta ini, Bank boleh menyiarkan pernyataan-pernyataan disatukan berkenaan dengan setiap kelas atau kategori institusi berlesen sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank yang mengagregatkan angka-angka dalam kesemua atau mana-mana pernyataan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), dan tiada peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang perhubungan dengan kerahsiaan boleh terpakai bagi pernyataan-

pernyataan disatukan sedemikian.

Fee lesen **44.** (1) Tiap-tiap institusi berlesen hendaklah membayar—

- (a) suatu fee lesen apabila dilesenkan;
- (b) suatu fee setelah mendapat keizinan bertulis daripada Bank di bawah seksyen 30 (a) untuk membuka apa-apa pejabat di Malaysia selain daripada pejabat di tempat utama perniagaan; dan
- (c) suatu fee tahunan ke atas lesen yang dikeluarkan sedemikian dan berkenaan dengan setiap pejabat, termasuk pejabat di tempat utama perniagaan, setiap fee itu hendaklah dibayar tidak kurang daripada satu bulan sebelum tarikh ulangtahun lesen itu dikeluarkan,

yang sekian amaun, atau yang dikira pada apa-apa kadar atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Bank.

(2) Menteri boleh menetapkan di bawah subseksyen (1) fee-fee berlainan bagi lesen-lesen yang dikeluarkan bagi perniagaan-perniagaan berlainan yang ditentukan dalam seksyen 4, atau bagi kelas atau kategori institusi berlesen yang berlainan yang diputuskan mengikut saiz atau tempat institusi-institusi itu, atau berdasarkan apa-apa kriteria lain yang difikirkan sesuai oleh Bank dalam membuat syor-syornya kepada Menteri.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, saiz sesuatu institusi berlesen hendaklah diputuskan berbandingan dengan bilangan pejabat yang dipunyainya di dalam dan di luar Malaysia, atau dengan nilai asetnya atau apa-apa kategori asetnya, atau dengan amaun liabilitinya atau apa-apa kategori liabilitinya, atau dengan apa-apa gabungan daripadanya itu.

## BAHAGIAN VIII

### PEMUNYAAN, PENGAWALAN DAN PENGURUSAN INSTITUSI-INSTITUSI BERLESEN

Pemerolehan atau pelupusan pegangan yang aggregatnya sebanyak lima peratus.

**45.** (1) Tanpa menjelaskan seksyen 49 dan 50, dan tertakluk kepada seksyen 46, tiada seorang pun boleh membuat perjanjian atau perkiraan untuk memperolehi atau melupuskan apa-apa kepentingan dalam syer sesuatu institusi berlesen yang menurutnya, jika perjanjian atau perkiraan itu dilaksanakan, dia akan—

- (a) memperolehi, berserta dengan apa-apa kepentingan dalam syer institusi tersebut yang telahpun ketika itu dipegang olehnya, atau olehnya dan oleh orang-orang

yang bertindak bersama-sama dengannya; atau

- (b) melupuskan, berserta dengan kepentingan-kepentingan dalam syer yang dahulunya dilupuskan olehnya kepada mana-mana orang seorang atau mana-mana orang yang bertindak bersama-sama, kepada orang seorang atau orang-orang itu yang bertindak bersama-sama,

suatu kepentingan dalam syer yang agregatnya tidak kurang daripada lima peratus daripada syer-syer institusi itu, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri untuk membuat perjanjian atau perkiraan tersebut:

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan sedemikian boleh diberi berkenaan dengan apa-apa pemerolehan atau pelupusan yang akan mengakibatkan pelanggaran terhadap seksyen 46.

(2) Suatu permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh orang yang bercadang hendak memperolehi atau melupuskan apa-apa kepentingan dalam syer yang disebutkan di dalamnya dan hendaklah diantar kepada Bank, dan berikut dengan itu Bank hendaklah mengemukakan permohonan itu, berserta dengan syor Bank mengenainya, kepada Menteri.

(3) Tiada seorang pun yang telah mendapat kelulusan Menteri di bawah subseksyen (1) bagi membuat perjanjian atau perkiraan—

- (a) bagi pemerolehan apa-apa kepentingan dalam syer sesuatu institusi berlesen, boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan kemudiannya untuk memperolehi apa-apa kepentingan dalam syer institusi berlesen itu; atau
- (b) bagi pelupusan apa-apa kepentingan dalam syer suatu institusi berlesen kepada orang seorang atau kepada orang-orang yang bertindak bersama-sama, boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan kemudiannya dengan orang seorang itu atau dengan seorang atau lebih daripada orang-orang itu yang bertindak bersama-sama, untuk melupuskan kapadanya atau kepada mereka, apa-apa kepentingan dalam syer institusi berlesen itu,

tidak kira peratus syer institusi itu yang diwakili oleh kepentingan dalam syer tersebut, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri untuk membuat perjanjian atau perkiraan terkemudian itu, dan peruntukan-peruntukan subseksyen (2) hendaklah terpakai bagi permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen ini.

(4) Seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana pemerolehan atau pelupusan oleh mana-mana orang di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Akta A1256.

boleh dibenarkan. yang berikut bagi kepentingan dalam syer sesuatu institusi berlesen:

- (a) dalam hal seseorang individu, sepuluh peratus; dan
- (b) dalam hal seseorang selain daripada seorang individu, dua puluh peratus,  
kecuali jika Menteri, atas syor Bank dan setelah berpuas hati bahawa ia tidak akan—
  - (A) memudarangkan penggalakan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia; dan
  - (B) berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat sedemikian,  
meluluskan sebaliknya.

(1A) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi mana-mana orang yang memegang kepentingan dalam syer suatu bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen menurut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) (a), jika orang yang memegang kepentingan dalam syer sesuatu institusi berlesen adalah suatu perbadanan yang di dalamnya—

- (a) seorang individu;
- (b) suami atau isteri individu itu; atau
- (c) anak individu itu,

memegang, atau mana-mana dua orang atau lebih daripada orang-orang yang disebutkan dalam perenggan (a), (b) dan (c) memegang, secara berasingan atau bersesama, kepentingan-kepentingan dalam syer yang tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus syer perbadanan tersebut, maka perbadanan tersebut hendaklah disifatkan sebagai seorang individu.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, dalam menghitung pegangan seseorang yang berikut hendaklah disifatkan sebagai pegangan orang itu dan ditambah kepada pegangannya sendiri:

- (a) jika seseorang adalah seorang individu, pegangan suami atau isterinya, anaknya atau perbadanan keluarganya;
- (b) jika seseorang adalah suatu perbadanan, pegangan perbadanan-perbadanan berkaitan atau sekutunya;
- (c) jika seseorang adalah suatu koperasi, pegangan subsidiari-subsidiarinya sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Koperasi 1948, dan pegangan perbadanan-perbadanan berkaitan atau sekutu bagi subsidiari-subsidiari itu; dan
- (d) pegangan orang-orang yang bertindak bersama-sama dengan orang itu.

*Akta A1256.*

*Akta 287.*

(4) Bagi maksud-maksud subseksyen (3) (a), “perbadanan keluarga” ertiinya suatu perbadanan yang dalamnya—

- (a) individu itu;
- (b) suami atau isteri individu itu; atau
- (c) anak individu itu,

memegang, atau mana-mana dua orang atau lebih daripada orang-orang yang disebutkan dalam perenggan (a), (b) dan (c) memegang, secara berasingan atau bersesama, kepentingan-kepentingan dalam syer yang lebih daripada lima puluh peratus syer perbadanan itu.

(5) Mana-mana individu yang memegang sepuluh peratus kepentingan atau lebih dalam syer institusi berlesen, atau mana-mana orang selain daripada seorang individu yang memegang dua puluh peratus kepentingan atau lebih dalam syer institusi berlesen, hendaklah, sebelum melupuskan apa-apa kepentingan dalam syer institusi itu, memberitahu Bank secara bertulis tentang pelupusan yang dicadangkan itu dan hendaklah terus memberitahu Bank tentang apa-apa pelupusan yang dicadangkan selanjutnya selagi individu atau orang lain itu memegang tidak kurang daripada lima peratus kepentingan dalam syer institusi itu.

(6) Bank boleh, pada bila-bila masa melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan—

- (a) apa-apa maklumat atau butir mengenai apa-apa syer yang diperolehi atau dipegang secara langsung atau tak langsung sama ada bagi faedahnya sendiri atau bagi mana-mana orang lain; atau
- (b) pernyataan mengenai pegangan kepentingan semasanya dalam syer institusi berlesen.

(7) Mana-mana orang yang telah disampaikan kepadanya suatu notis di bawah subseksyen (6) hendaklah, dalam masa tujuh hari dari penerimaan notis itu atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank dalam apa-apa hal tertentu, mengemukakan kepada Bank segala maklumat dan butir-butir atau pernyataan yang perlu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank dan ditentusahkan sewajarnya melalui akuan berkanun.

Pegangan terlarang  
bagi institusi  
berlesen.

**47. Suatu institusi berlesen tidaklah boleh memegang apa-apa kepentingan dalam syer—**

- (a) jika ia suatu bank berlesen, bagi suatu bank berlesen lain yang ditubuhkan di Malaysia, atau subsidiari suatu institusi berlesen lain yang tidak berkaitan dengannya;
- (b) jika ia suatu syarikat kewangan berlesen, suatu syarikat diskau berlesen atau seorang broker wang berlesen, bagi

Kecualian berkenaan dengan pemerolehan, pelupusan dan pegangan sebelum tarikh berkuatkuasa.

suatu institusi berlesen lain, atau subsidiari suatu institusi berlesen lain yang tidak berkaitan dengannya; atau

- (c) jika ia suatu bank saudagar berlesen, bagi suatu bank berlesen atau bank saudagar berlesen lain yang ditubuhkan di Malaysia, atau subsidiari suatu institusi berlesen lain yang tidak berkaitan dengannya,

kecuali jika diluluskan selainnya oleh Menteri, atas syar Bank.

**48.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 45, 46 dan 47 boleh menjadikan tak sah apa-apa pemerolehan atau pelupusan apa-apa kepentingan dalam syer sesuatu institusi berlesen oleh mana-mana orang jika ia telah disempurnakan, atau apa-apa pegangan bagi apa-apa kepentingan sedemikian dalam syer yang wujud, pada bila-bila masa sebelum tarikh berkuatkuasa dan yang menurut undang-undang dan sah sebelum sahaja tarikh tersebut.

(2) Pemerolehan, pemegangan atau pelupusan apa-apa kepentingan dalam syer yang subseksyen (1) terpakai baginya hendaklah diambil kira dalam memastikan keesahan di bawah seksyen 45, 46 atau 47, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan apa-apa pemerolehan atau pelupusan sesuatu kepentingan dalam syer sesuatu institusi berlesen yang dilaksanakan selepas tarikh berkuatkuasa.

Sanksi dikehendaki bagi pembentukan semula, dsb. institusi berlesen.

**49.** (1) Tiada seorang pun boleh membuat perjanjian atau perkiraan—

- (a) yang akan mengakibatkan perubahan tentang kawalan sesuatu institusi berlesen atau syarikat pegangannya;
- (b) bagi penjualan, pelupusan, atau pemindahan bagaimana jua cara sekalipun, akan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan sesuatu institusi berlesen;
- (c) bagi penyatuan atau pencantuman sesuatu institusi berlesen dengan mana-mana orang lain; atau
- (d) bagi pembentukan semula sesuatu institusi berlesen,

melainkan jika—

- (A) perjanjian atau perkiraan yang dicadangkan itu adalah berbentuk tulisan; dan
- (B) kesemua pihak kepadanya telah mula-mula sekali membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk mendapat kelulusannya mengenai perjanjian atau perkiraan itu dan telah mendapat kelulusan Menteri baginya.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan mengemukakannya kepada Bank berserta dengan suatu salinan perjanjian atau perkiraan yang dicadangkan itu dan segala maklumat dan dokumen lain sebagaimana yang berkaitan, secara langsung atau secara tak langsung, dengan perjanjian atau perkiraan itu atau yang relevan bagi pertimbangannya.

(3) Pada bila-bila masa selepas permohonan diterima dan sebelum ia diputuskan oleh Menteri, Bank boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon-pemohon atau mana-mana daripada mereka, atau mana-mana orang yang adalah seorang pengarah, pengawal atau pengurus mana-mana pemohon itu, supaya mengadakan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan.

(4) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diadakan oleh mana-mana orang yang dikehendaki memberikannya dalam tempoh yang ditentukan dalam kehendak itu atau apa-apa tempoh lanjutannya yang diberikan oleh Bank, maka permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidaklah boleh diteruskan lagi, tanpa menjelaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(5) Bank hendaklah, apabila suatu permohonan telah dibuat dengan sempurnanya mengikut peruntukan-peruntukan yang disebut di atas dalam seksyen ini dan selepas diberi segala maklumat dan dokumen sebagaimana yang dikehendakinya, mempertimbangkan permohonan itu, dan membuat suatu syor kepada Menteri sama ada permohonan itu patut diluluskan atau ditolak dan mengenai ubahsuaian, pengubahan atau syarat, jika ada, yang tertakluk kepadanya permohonan itu boleh diluluskan.

(6) Suatu syor untuk meluluskan sesuatu permohonan tidaklah boleh dibuat jika Bank berpuas hati bahawa ia akan memudaratkan kekuuhan struktur kewangan Malaysia untuk berbuat demikian.

(7) Apabila menerima sesuatu permohonan dan syor Bank di bawah seksyen ini, Menteri boleh meluluskan permohonan itu dengan atau tanpa apa-apa ubahsuaian, pengubahan atau syarat, atau menolak permohonan itu.

(8) Jika Menteri menolak sesuatu permohonan, maka Bank hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai penolakan itu.

(9) Sesuatu permohonan di bawah—

(a) subseksyen (1) (b) tidaklah boleh disyorkan oleh Bank untuk kelulusan dan tidaklah boleh diluluskan oleh Menteri jika perjanjian atau perkiraan itu akan mengakibatkan penjualan, pelupusan, atau pemindahan bagaimana juga cara sekalipun, apa-apa bahagian daripada perniagaan institusi berlesen itu kepada mana-mana orang yang bukan suatu institusi berlesen kecuali berhubungan dengan sebahagian daripada perniagaan itu,

yang merupakan bahagian yang tidak dikehendaki  
dilesenkan di bawah Akta ini; dan

- (b) subseksyen (1) (c) tidaklah boleh disyorkan oleh Bank  
untuk kelulusan dan tidaklah boleh diluluskan oleh  
Menteri kecuali dalam hal penyatuan atau pencantuman  
dengan suatu institusi berlesen yang lain.

(9A) Subseksyen (9) tidak terpakai bagi mana-mana perjanjian atau  
perkiraan yang dijalankan oleh mana-mana orang menurut Akta  
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Akta A1256.

(10) Dalam seksyen ini, “perniagaan” mempunyai erti yang  
diberikan kepadanya dalam seksyen 50 (8).

Permohonan kepada  
Mahkamah Tinggi  
untuk memudahkan  
perjanjian atau  
perkiraan mengenai  
pemindahan  
keseluruhan atau  
sebahagian  
perniagaan institusi  
berlesen  
dilaksanakan.

**50.** (1) Jika Menteri telah memberi kelulusannya di bawah seksyen 49 (7) mengenai permohonan berkenaan dengan perjanjian atau perkiraan di bawah seksyen 49 (1) (b) atau (c), maka institusi berlesen yang perniagaannya hendak dipindahkan (kemudian daripada ini disebut “pemindah”) dan institusi berlesen atau orang lain yang kepadanya pemindahan itu hendak dibuat (kemudian daripada ini disebut “penerima pindahan”) boleh membuat permohonan bersama kepada Mahkamah Tinggi melalui saman pemula secara *ex parte* bagi mendapatkan apa-apa perintah Mahkamah sebagaimana yang dikehendaki oleh mereka untuk memudahkan atau membolehkan perjanjian atau perkiraan itu dilaksanakan, dan dalam permohonan itu boleh diminta kesemua atau mana-mana perintah yang berikut:

- (a) tarikh yang padanya dan yang darinya perjanjian atau perkiraan itu hendak mula berkuatkuasa, iaitu suatu tarikh yang terdahulu atau terkemudian dari tarikh permohonan (kemudian daripada ini disebut “tarikh pemindahan” dalam seksyen ini);
- (b) perletakhakan apa-apa harta yang dipegang oleh pemindah, sama ada bersendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, pada penerima pindahan sama ada bersendirian atau, mengikut mana yang berkenaan, bersesama dengan mana-mana orang lain, pada dan dari tarikh pemindahan, atas sifat yang sama, mengenai amanah itu, dan dengan serta tertakluk kepada kuasa-kuasa, peruntukan-peruntukan dan liabiliti-liabiliti yang masing-masing terpakai baginya;
- (c) bagi apa-apa suratcara yang sedia ada, sama ada dalam bentuk suatu suratikatan, wasiat atau selainnya, atau perintah mana-mana mahkamah, yang di bawahnya atau menurut kuasanya apa-apa harta menjadi terletakhak pada pemindah, hendaklah ditafsirkan dan mempunyai kuatkuasa seolah-olah apa-apa sebutan di dalamnya mengenai pemindah telah digantikan dengan sebutan mengenai penerima pindahan;

- (d) bagi apa-apa perjanjian yang sedia ada yang kepadanya pemindah adalah suatu pihak hendaklah mempunyai kuatkuasa seolah-olah penerima pindahan telah menjadi satu pihak kepadanya sebagai ganti pemindah;
- (e) bagi apa-apa akaun di antara pemindah dengan pelanggannya hendaklah menjadi akaun di antara penerima pindahan dengan pelanggan itu, tertakluk kepada syarat-syarat dan insiden-insiden sebagaimana yang ada sebelumnya, dan akaun sedemikian hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai suatu akaun berterusan tunggal;
- (f) bagi apa-apa petunjuk, perintah, arahan, mandat, surat kuasa wakil, kuasa, akujanji atau keizinan yang sedia ada, sama ada atau tidak berhubungan dengan sesuatu akaun, yang diberikan kepada pemindah, sama ada bersendirian atau bersesama dengan seorang lain, hendaklah mempunyai kuatkuasa, berkenaan dengan apa-apa juga yang kena dilakukan seolah-olah diberikan kepada penerima pindahan sama ada bersendirian atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersesama dengan orang lain itu;
- (g) bagi apa-apa suratcara boleh niaga atau perintah pembayaran wang yang dikeluarkan daripada, atau diberikan kepada, atau disetujuterima atau diendorskan oleh, pemindah atau yang kena dibayar di tempat perniagaan pemindah, sama ada dikeluarkan, diberikan, disetujuterima atau diendorskan sedemikian sebelum, pada, atau selepas, tarikh pemindahan itu, hendaklah mempunyai kuatkuasa yang sama pada dan dari tarikh pemindahan itu, seolah-olah ia telah dikeluarkan daripada, atau diberikan kepada, atau disetujuterima atau diendorskan oleh, penerima pindahan atau kena dibayar di tempat perniagaan penerima pindahan;
- (h) bagi jagaan apa-apa dokumen, barang atau benda yang dipegang oleh pemindah sebagai baili sebelum sahaja tarikh pemindahan hendaklah beralih kepada penerima pindahan dan hak-hak serta obligasi-obligasi pemindah di bawah apa-apa kontrak bailmen yang berhubungan dengan mana-mana dokumen, barang atau benda tersebut hendaklah dipindahkan kepada penerima pindahan;
- (i) bagi apa-apa cagaran yang dipegang sebelum sahaja tarikh pemindahan itu oleh pemindah, atau oleh seorang penerima namaan, atau pemegang amanah, bagi pemindah, sebagai jaminan berkenaan dengan pembayaran atau penunaian apa-apa liabiliti mana-mana orang, supaya dipegang oleh penerima pindahan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya dipegang

oleh penerima namaan atau pemegang amanah tersebut sebagai penerima namaan, atau pemegang amanah, bagi penerima pindahan, dan setakat liabiliti-liabiliti itu, hendaklah tersedia-ada kepada penerima pindahan sebagai jaminan bagi pembayaran atau penunaian liabiliti-liabiliti itu; dan jika apa-apa cagaran itu meliputi pendahuluan-pendahuluan masa hadapan atau liabiliti-liabiliti masa hadapan, hendaklah dipegang oleh, dan hendaklah disedia-adakan seperti yang disebut terdahulu kepada, penerima pindahan sebagai jaminan bagi pendahuluan-pendahuluan masa hadapan oleh, dan liabiliti-liabiliti masa hadapan kepada, penerima pindahan mengikut cara yang sama dalam segala aspek sebagai pendahuluan-pendahuluan masa hadapan oleh, atau liabiliti-liabiliti masa hadapan kepada, pemindah dijamin dengan demikian itu sebelum sahaja tarikh pemindahan itu;

- (j) jika apa-apa hak atau liabiliti pemindah dipindahkan kepada penerima pindahan, bagi penerima pindahan mempunyai hak, kuasa dan remedi yang sama (dan khususnya hak dan kuasa yang sama tentang pengambilan atau penolakan prosiding undang- undang atau pembuatan atau penolakan pemohonan kepada mana-mana pihak berkuasa) bagi memastikan, melindungi atau meguatkuasakan hak itu atau menolak liabiliti itu seolah-olah ia telah pada setiap masa menjadi hak atau liabiliti penerima pindahan, termasuk hak-hak atau liabiliti-liabiliti tersebut berkenaan dengan apa-apa prosiding undang-undang atau permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa yang belum selesai sebelum sahaja tarikh pemindahan oleh atau terhadap pemindah;
- (k) apa-apa penghakiman atau award yang didapati oleh atau terhadap pemindah dan yang tidak diselesaikan sepenuhnya sebelum tarikh pemindahan itu hendaklah dikuatkuasakan oleh atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, terhadap penerima pindahan; dan
- (l) bagi segala perintah bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang perlu untuk menjaminkan yang perjanjian atau perkiraan itu hendaklah dijalankan dengan sepenuh dan berkesannya.

(2) Apabila mendengar permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah Tinggi boleh memberi suatu perintah seperti yang dipohonkan, atau dengan apa-apa ubahsuaian atau pengubahan sebagaimana yang difikirkan adil atau patut oleh Mahkamah mengikut hal keadaan kes itu.

(3) Jika perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1) memperuntukkan bagi pemindahan apa-apa harta atau perniagaan yang terletakhak pada atau dipegang oleh pemindah, sama ada bersendirian

atau bersesama dengan mana-mana orang lain, maka, menurut kuasa perintah itu, harta atau perniagaan tersebut hendaklah, pada dan dari tarikh pemindahan itu, menjadi terletakhak pada atau dipegang oleh penerima pindahan sama ada bersendirian atau, mengikut mana-mana berkenaan, bersesama dengan mana-mana orang lain, dan perintah itu hendaklah berkuatkuasa mengikut maksudnya walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang atau dalam mana-mana hukum undang-undang, dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terlibat dengannya itu, tidak kira bahawa orang yang terlibat sedemikian bukannya satu pihak dalam prosiding itu di bawah seksyen ini atau dalam apa-apa prosiding lain yang berkaitan, atau yang tidak tahumenahu mengenai prosiding di bawah seksyen ini atau mengenai prosiding lain yang berkaitan itu.

(4) Perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah, tertakluk kepada arahan-arahan Mahkamah Tinggi, disiarkan oleh penerima pindahan dalam tidak kurang daripada dua akhbar harian yang diterbitkan di Malaysia dan diluluskan oleh Bank, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan yang satu lagi dalam bahasa Inggeris.

(5) Pemindah hendaklah menyerahsimpan, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perintah Mahkamah Tinggi dibuat di bawah subseksyen (1), satu salinan disahkan perintah itu berserta dengan satu salinan disahkan perjanjian atau perkiraan yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 49 (7), dan satu salinan disahkan kelulusan Menteri, dengan—

(a) Pendaftar Syarikat; dan

(b) pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang kena-mengena dengan pendaftaran atau perekodan urusniaga mengenai apa-apa harta alih, atau apa-apa kepentingan mengenai harta alih, yang dipindahkan menurut perintah itu.

(6) Jika sesuatu perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1) meletakhkan mana-mana tanah berimilik, atau apa-apa bahagian atau kepentingan dalam mana-mana tanah berimilik, pada penerima pindahan—

Akta 56/65.

(a) Mahkamah Tinggi hendaklah, jika tanah berimilik itu terletak di Malaysia Barat, menurut seksyen 420 (2) Kanun Tanah Negara, menyebabkan satu salinan perintah itu disampaikan kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas sahaja perintah itu dibuat supaya Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, melaksanakan peruntukan-peruntukan seksyen 420 (2), (3) dan (4) tersebut;

Sabah Bab 68.

(b) jika tanah berimilik itu terletak di Sabah, penerima pindahan hendaklah, dengan seberapa segera yang

praktik selepas perintah itu dibuat, menyerahkan suatu salinan disahkan perintah itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran perletakhakan tanah berimilik itu atau bahagian atau kepentingan dalam tanah berimilik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Tanah Sabah; atau

*Swk. Bab 81.*

- (c) jika tanah berimilik itu terletak di Sarawak, penerima pindahan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas perintah itu dibuat, mengemukakan satu salinan disahkan perintah tersebut kepada Pendaftar bagi pendaftaran akan perletakhakan bagi tanah berimilik itu atau bahagian atau kepentingan dalam tanah berimilik, pada penerima pindahan itu, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 171 Kanun Tanah Sarawak.

(7) Sesuatu perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1) mungkinnya berhubungan dengan apa-apa harta atau perniagaan pemindah di luar Malaysia dan, jika ia berhubungan sedemikian, bolehlah dilaksanakan sama ada mengikut apa-apa perkiraan bersaling yang berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman-penghakiman yang mungkin wujud di antara Malaysia dengan negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia yang harta atau perniagaan itu terletak, atau jika tiada perkiraan yang sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai di negara, wilayah atau tempat itu.

(8) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

“cagaran” termasuklah gadai-janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, debentur, bil pertukaran, nota janji hutang, jaminan, lien atau sandaran, sama ada sebenar atau konstruktif, hipotekasi, tanggung rugi, akujanji atau cara-cara lain menjaminkan pembayaran atau penunaian hutang atau liabiliti, sama ada masa sekarang atau masa hadapan, atau sama ada terletakhak atau kontingen; dan

“perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti yang dijalankan bagi maksud mendapat laba atau untung dan termasuklah segala harta yang didapat daripada, atau digunakan dalam atau bagi maksud, menjalankan aktiviti yang sedemikian dan segala hak dan liabiliti yang berbangkit daripada aktiviti yang sedemikian.

Institusi berlesen  
hendaklah  
melaporkan kepada  
Bank mengenai  
pemerolehan atau  
pelupusan pegangan  
yang agregatnya  
sebanyak lima  
peratus.

**51.** Jika sampai kepada pengetahuan sesuatu institusi berlesen bahawa apa-apa perjanjian atau perkiraan seperti yang disebutkan dalam seksyen 45 telah dilaksanakan atau hampir akan dilaksanakan berkenaan dengan institusi itu sendiri, maka institusi itu hendaklah dengan serta-merta sesudah itu melaporkannya kepada Bank dengan menerangkan dalam laporan institusi itu segala butir dan butir terperinci yang relevan yang ada dalam pengetahuannya pada masa itu.

*Akta A954.*

Kemudahan kredit yang bercagarkan harta institusi berlesen hendaklah dilaporkan kepada Bank.

**52.** (1) Jika mana-mana orang bercadang untuk memberi apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang bercagarkan apa-apa harta mana-mana institusi berlesen, maka ia hendaklah, sebelum memberi kemudahan kredit tersebut, mengemukakan satu laporan mengenai kemudahan kredit yang dicadangkan itu kepada Bank jika harta yang hendak diadakan sebagai cagaran bagi maksud kemudahan kredit yang dicadangkan itu, dengan sendirinya, atau bersama-sama dengan apa-apa harta lain institusi berlesen itu yang telahpun dipegang sebagai cagaran bagi apa-apa kemudahan kredit lain yang diberi olehnya, akan merupakan lima peratus atau lebih daripada harta institusi berlesen tersebut.

(2) Jika institusi berlesen bercadang untuk mengadakan hartanya sebagai cagaran berkenaan dengan sesuatu kemudahan kredit yang akan diberikan oleh mana-mana orang kepada institusi berlesen itu atau kepada mana-mana orang lain, maka ia hendaklah, sebelum berbuat demikian, mengemukakan satu laporan mengenai perkara itu kepada Bank.

(3) Laporan yang dikehendaki dikemukakan di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah mengandungi segala butir terperinci dan butir yang relevan mengenai transaksi itu dan hendaklah, dalam apa jua hal, termasuk yang berikut:

- (i) nama dan alamat orang-orang yang kepadanya kemudahan kredit dicadang hendak diberikan;
- (ii) nama dan alamat institusi berlesen yang hartanya diadakan sebagai cagaran bagi kemudahan kredit yang dicadangkan itu;
- (iii) butir-butir terperinci mengenai harta yang diadakan sebagai cagaran bagi kemudahan kredit yang dicadangkan itu; dan
- (iv) amaun kemudahan kredit yang dicadangkan itu.

Pembelaan yang berhubungan dengan pelanggaran peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

**53.** Adalah menjadi suatu pembelaan bagi pertuduhan atas sesuatu kesalahan yang berhubungan dengan pelanggaran terhadap seksyen 45, 46, 47, 49 atau 52 bagi tertuduh membuktikan bahawa dia tiada pengetahuan mengenai tindakan-tindakan, peninggalan -peninggalan, fakta-fakta atau hal-hal keadaan yang merupakan pelanggaran itu, dengan syarat bahawa dia telah melaporkan pelanggaran itu kepada Bank dalam masa tujuh hari dari tarikh dia menyedari tentang tindakan-tindakan, peninggalan- peninggalan, fakta-fakta atau hal-hal keadaan yang disebut terdahulu yang merupakan pelanggaran tersebut.

Larangan dan sekatan sekiranya berlaku

**54.** (1) Jika Bank berpuas hati bahawa mana-mana orang telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen 45, 46, 47, 49 atau 52

pelanggaran. (dalam seksyen ini disebut “orang ingkar”), maka ia boleh membuat suatu perintah permulaan secara bertulis mengenakan satu atau lebih daripada larangan atau sekatan yang berikut sebagaimana yang terpakai atau sesuai dalam hal-hal keadaan pelanggaran itu:

- (a) berkenaan dengan apa-apa syer yang menjadi subjek pelanggaran—
- (i) melarang pemindahan, atau pelaksanaan perjanjian memindahkan, syer-syer itu, atau, dalam hal syer-syer tak terbit, melarang pemindahan, atau pelaksanaan perjanjian memindahkan, hak untuk diterbitkan syer kepada orang itu;
  - (ii) melarang penggunaan apa-apa hak mengundi berkenaan dengan syer-syer itu;
  - (iii) melarang terbitan apa-apa syer tambahan sebagai hak daripada syer-syer itu atau menurut apa-apa tawaran yang dibuat kepada pemegang syer; atau
  - (iv) kecuali dalam hal likuidasi, melarang pembayaran apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh institusi berlesen ke atas syer-syer itu, sama ada berkenaan dengan modal atau selainnya; atau
- (b) berkenaan dengan pelanggaran terhadap seksyen 52, melarang penggunaan apa-apa hak di bawah apa-apa cagaran, atau hak memindahkan apa-apa harta yang merupakan cagaran itu.

(2) Sesuatu perintah permulaan di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada orang ingkar dengan seberapa segera yang praktik, dan boleh diumumkan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Bank, jika, pada pendapat Bank, ia perlu diumumkan.

(3) Sesuatu perintah permulaan hendaklah mengikat orang ingkar, mana-mana orang yang sedang memegang apa-apa syer yang baginya perintah itu terpakai, dan mana-mana orang lain yang ditentukan dalam perintah itu atau yang kepadanya perintah itu ditujukan.

(4) Mana-mana orang yang memegang apa-apa syer yang baginya suatu perintah permulaan terpakai hendaklah dalam masa tujuh hari selepas perintah itu disampaikan kepada orang ingkar, atau dalam apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank, menyerahkan balik syer-syer itu kepada Bank.

(5) Tiada seorang pun boleh diberi peluang untuk didengar sebelum Bank membuat suatu perintah permulaan di bawah subseksyen (1) terhadapnya atau yang melibatkannya dengan apa-apa juga cara.

(6) Mana-mana orang ingkar yang terhadapnya suatu perintah permulaan telah dibuat, atau mana-mana orang lain yang terjejas dengan perintah itu, boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu disampaikan kepada orang ingkar, membuat representasi-

representasi bertulis kepada Bank memohon untuk membatalkan perintah itu atas alasan bahawa dia tidak melanggar peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengannya perintah itu telah dibuat, atau untuk mengubahsuai perintah itu atas alasan bahawa adalah adil dan patut untuk mengubahsuainya atas sebab-sebab yang akan dinyatakan dalam representasi-representasi itu.

(7) Bank boleh, selepas menimbangkan representasi-representasi yang dibuat di bawah subseksyen (6), sama ada mengesahkan perintah permulaan itu, atau membatkannya, atau mengubahnya mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(8) Jika Bank mengesahkan sesuatu perintah permulaan, maka ia boleh melupuskan syer-syer yang diserahkan balik kepadanya di bawah subseksyen (4) kepada mana-mana orang dan pada apa-apa takat yang hendaklah konsisten dengan syer-syer yang dipegang dengan sahnya oleh pembeli di bawah Akta ini.

(9) Hasil pelupusan syer di bawah subseksyen (8) hendaklah dibayar kepada Mahkamah Tinggi, dan mana-mana orang yang menuntut sebagai berhak secara benefisial kepada kesemua atau mana-mana bahagian hasil itu boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pembayaran tersebut kepada Mahkamah Tinggi, memohon kepada hakim Mahkamah Tinggi dalam kamar supaya pembayaran daripada hasil itu dibuat kepadanya.

(10) Bank boleh memberi apa-apa petunjuk atau arahan kepada pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai institusi sebagaimana yang perlu atau dikehendaki untuk menguatkuasakan mana-mana perintah Bank di bawah seksyen ini, atau sebagaimana yang bersampingan, berdampingan atau berbangkit dengan perintah itu.

(11) Apa-apa transaksi, termasuk apa-apa perjanjian atau perkiraan berhubungan dengan apa-apa syer, atau kepentingan dalam syer, atau cagaran, yang berlanggaran dengan mana-mana perintah permulaan, atau apa-apa perintah yang disahkan di bawah subseksyen (7), atau apa-apa petunjuk atau arahan yang diberi oleh Bank di bawah subseksyen (10), hendaklah terbatal dan tidak mempunyai kuatkuasa.

(12) Hal puas hati Bank di bawah subseksyen (1) bahawa mana-mana peruntukan Akta ini yang disebutkan di dalamnya telah dilanggar oleh mana-mana orang boleh dicapai tidak kira sama ada apa-apa pendakwaan diambil ataupun tidak terhadap mana-mana orang bagi pelanggaran itu.

Keizinan Bank  
dikehendaki untuk  
menjadi pengarah  
institusi.

**55.** (1) Tiada seorang pun boleh menyetujuterima perlantikan atau pemilihan sebagai pengarah sesuatu institusi berlesen melainkan jika dia telah, sebelum penyetujuterimaan itu, mendapat keizinan bertulis Bank untuk menyetujuterima perlantikan atau pemilihan itu.

(2) Jika Bank enggan memberi keizinannya di bawah subseksyen (1), maka ia hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai

Akta A954.

keengganannya itu.

Kehilangan kelayakan pengarah atau pegawai institusi berlesen.

**56.** (1) Tiada seorang pun boleh dilantik atau dipilih, atau menyetujuterima perlantikan atau pemilihan, sebagai seorang pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang bersangkut-paut dalam pengurusan, suatu institusi berlesen—

- (a) jika dia seorang bankrap, telah menggantung pembayaran, atau telah menyelesaikan pembayaran dengan pemutang-pemutangnya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) tanpa menjaskan perenggan (c), jika suatu pertuduhan atas kesalahan jenayah yang berkaitan dengan ketidakjujuran, fraud atau keganasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang boleh dihukum penjara selama satu tahun atau lebih, sama ada hukuman penjara sahaja, atau sebagai ganti, atau sebagai tambahan kepada, denda, telah dibuktikan terhadapnya di mana-mana mahkamah di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) jika suatu pertuduhan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini telah dibuktikan terhadapnya;
- (d) jika terhadapnya telah dibuat apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika ke atasnya telah dikenakan apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan melalui bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan jenayah, atau dengan tahanan pencegahan bagi pencegahan jenayah atau pengedaran dadah, atau dengan kediaman terhad, atau dengan buang negeri atau imigresen; atau
- (e) jika dia telah menjadi seorang pengarah, atau secara langsung bersangkut-paut dalam pengurusan, mana-mana perbadanan yang sedang atau telah digulungkan oleh mahkamah atau pihak berkuasa yang lain yang kompeten untuk berbuat demikian di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana institusi berlesen, yang lesennya telah dibatalkan di bawah Akta ini.

(2) Jika seseorang adalah tertakluk kepada kehilangan kelayakan di bawah subseksyen (1)(e), dia boleh—

- (a) dilantik atau dipilih, atau menyetujuterima perlantikan atau pemilihan; atau
- (b) walau apa pun apa-apa dalam subseksyen (3), terus memegang jawatannya,

sebagai pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang bersangkut-paut dalam pengurusan mana-mana institusi berlesen jika

Akta A954.

Menteri berpuas hati, atas syor Bank, bahawa kriteria yang dinyatakan dalam perenggan (1) Jadual Kedua telah dipenuhi berkenaan dengannya.

(3) Jika seseorang yang menjadi pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai yang bersangkut-paut dalam pengurusan, sesuatu institusi berlesen, menjadi tertakluk kepada apa-apa kehilangan kelayakan yang disebutkan dalam subseksyen (1), maka dia hendaklah dengan serta-merta sesudah itu terhenti memegang jawatan dan bertindak sebagai yang sedemikian, dan institusi berkenaan hendaklah dengan serta-merta sesudah itu menamatkan perlantikannya atas sifat yang sedemikian.

(4) Semasa belum selesainya apa-apa prosiding jenayah dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa kesalahan sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1) (b) atau (c) terhadap mana-mana orang yang menjadi seorang pengarah, pengurus, setiausaha, atau lain-lain pegawai yang bersangkut-paut dalam pengurusan sesuatu institusi berlesen, maka orang itu tidaklah boleh bertindak atas sifat sedemikian, atau memegang apa-apa jawatan lain, atau bertindak atas apa-apa sifat lain, dalam institusi berlesen itu, atau dengan apa-apa jua cara, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, bersangkut-paut dengan, atau mengambil bahagian atau terlibat dalam, apa-apa jua pun aktiviti, hal-hwal atau perniagaan bagi atau berhubungan dengan institusi berlesen itu, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Bank.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), prosiding jenayah yang disebutkan di dalamnya hendaklah disifatkan belum selesai dari tarikh orang dituduh mula-mulanya dipertuduhkan dalam mahkamah bagi kesalahan itu sehingga tarikh keputusan muktamad akan prosiding itu, sama ada di dalam mahkamah berbidang kuasa asal atau, sekiranya ada apa-apa rayuan oleh mana-mana pihak, di dalam mahkamah berbidang kuasa rayuan yang akhir.

Perlantikan ketua eksekutif **57.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap institusi berlesen hendaklah melantik seorang ketua eksekutif institusi yang hendaklah—

- (a) seorang individu; dan
- (b) bermastautin di Malaysia di sepanjang tempoh perlantikannya.

(2) Tanpa menjaskan apa-apa perlantikan yang dibuat sebelum tarikh berkuatkuasa, sesuatu institusi berlesen hendaklah, sebelum melantik seorang ketua eksekutif menurut subseksyen (1), meminta dan mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank bagi perlantikan yang dicadangkan itu.

## BAHAGIAN IX

### SEKATAN MENGENAI PERNIAGAAN INSTITUSI-INSTITUSI

## BERLESEN

Sekatan mengenai pembayaran dividen.

**58.** (1) Sesuatu institusi berlesen tidaklah boleh membayar apa-apa dividen atas syer-syernya sehingga semua perbelanjaan dipermodalkannya (termasuk belanja permulaan, belanja penyusunan, komisen menjual syer, brokeraj, amaun kerugian yang ditanggung, dan apa-apa butiran perbelanjaan lain yang tidak berupa aset-aset ketara) telah sama sekali dihapuskira.

*Akta A954.*

(2) Sebelum sesuatu institusi berlesen mengisytiharkan apa-apa dividen, ia hendaklah memohon secara bertulis kelulusan Bank berkenaan dengan amaun yang dicadang hendak diisytiharkan, dan Bank boleh meluluskan amaun itu, atau suatu amaun yang terkurang, atau melarang pembayaran apa-apa dividen, memandangkan keadaan kewangan institusi itu.

Pendahuluan bersandarkan cagaran atas syer-syer sendiri atau syer-syer syarikat pegangan.

**59.** Sesuatu institusi berlesen tidaklah boleh memberi apa-apa kemudahan kredit, atau membuat apa-apa transaksi lain, bersandarkan cagaran atas syer-syernya sendiri atau syer-syer syarikat pegangannya.

Pemberian kemudahan-kemudahan kredit bercagar dan tak bercagar.

**60.** (1) Tertakluk kepada sesuatu perintah yang dibuat oleh Bank di bawah subseksyen (2), tiada institusi berlesen boleh memberi kepada mana-mana orang apa-apa kemudahan kredit tanpa cagaran.

(2) Bank boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membenarkan mana-mana institusi berlesen tertentu, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan institusi berlesen, supaya memberi kepada mana-mana orang apa-apa kemudahan kredit tanpa cagaran yang, berserta dengan apa-apa kemudahan kredit lain tanpa cagaran yang diberikan dahulu kepadanya, tidak melebihi suatu amaun agregat yang diterangkan dalam perintah itu.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi apa-apa kemudahan kredit yang diberikan—

- (a) kepada suatu institusi berlesen yang lain;
- (b) kepada mana-mana orang lain yang terlibat dalam penyediaan pembiayaan yang diluluskan secara bertulis oleh Bank; atau
- (c) oleh mana-mana bank berlesen atau bank saudagar berlesen, kecuali jika kemudahan kredit itu diberikan oleh bank atau bank saudagar tersebut kepada perbadanan berkaitannya yang bukannya suatu institusi atau orang lain yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) masing-

*Akta A954.*

masingnya.

(4) Suatu cagaran berkenaan dengan kemudahan kredit yang diberikan kepada mana-mana orang oleh sesuatu institusi berlesen hendaklah terdiri daripada harta yang bernilai tidak kurang daripada amaun kemudahan kredit yang diberikan kepada orang itu.

(5) Jika suatu cagaran yang diadakan berkenaan dengan kemudahan kredit yang diberikan oleh sesuatu institusi berlesen, di sepanjang tempoh berjalannya kemudahan kredit itu, dengan persetujuan di antara institusi berlesen dengan orang yang mengadakan cagaran itu, digantikan dengan suatu cagaran yang berlainan, maka cagaran baru itu hendaklah yang bernilai tidak kurang daripada amaun kemudahan kredit yang belum dibayar pada masa penggantian tersebut.

(6) Jika pada bila-bila masa di sepanjang tempoh berjalannya sesuatu kemudahan kredit, apa-apa cagaran yang diadakan di bawah subseksyen (4) atau yang digantikan di bawah subseksyen (5) berkenaan dengan kemudahan kredit itu tersusut nilainya kepada nilai yang kurang daripada amaun kemudahan kredit yang belum dibayar ketika itu, maka institusi berlesen hendaklah meminta orang yang kepadanya kemudahan kredit itu diberikan supaya mengadakan cagaran tambahan untuk meningkatkan nilai cagaran itu kepada amaun yang tidak kurang daripada amaun kemudahan kredit yang belum dibayar ketika itu dalam suatu tempoh yang tidak melebihi empat belas hari, dan jika cagaran tambahan itu tidak diadakan dalam tempoh tersebut, orang yang bertanggungan bagi kemudahan kredit itu hendaklah dengan serta-merta sesudah itu disifatkan melanggar terma-terma kontrak yang berhubungan dengan kemudahan kredit itu, dan institusi itu hendaklah berhak untuk menguatkusakan hak-haknya di bawah kontrak berkenaan dengan pelanggaran mengenainya.

(7) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh menjelaskan hak pihak-pihak dalam kontrak yang berhubungan dengan kemudahan kredit daripada memasukkan dalam kontrak itu pada masa ia dibuat, atau pada bila-bila masa selepas itu, apa-apa peruntukan yang berhubungan dengan cagaran yang akan diadakan bagi kemudahan kredit yang bermaksud untuk memastikan kecukupan cagaran itu di sepanjang tempoh berjalannya kemudahan kredit itu.

(8) Bagi maksud-maksud seksyen ini, nilai apa-apa harta yang diadakan sebagai cagaran hendaklah—

(a) nilai pasaran harta itu; atau

(b) jika kerana apa-apa sebab nilai pasaran harta itu tidak mungkin dapat diputuskan, nilai yang diluluskan oleh Bank atas permohonan oleh orang yang mengambil cagaran itu yang hendaklah menerangkan nilai yang dicapai oleh pemohon dan atas baginya.

(9) Bagi maksud-maksud seksyen ini, Bank boleh menetapkan—

(a) apa-apa batasan, sekatan dan syarat yang tertakluk

kepadanya apa-apa harta tertentu, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan harta, boleh diadakan atau disetujuterima sebagai cagaran; atau

- (b) bagi apa-apa harta tertentu, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan harta, dilarang daripada diadakan atau disetujuterima sebagai cagaran.

Sekatan mengenai  
kredit kepada  
pelanggan seorang.

Akta A954.

**61.** (1) Tiada bank berlesen, bank saudagar berlesen atau syarikat kewangan berlesen boleh memberi kepada mana-mana orang seorang apa-apa kemudahan kredit, atau menanggung apa-apa juga pun liabiliti bagi pihak mana-mana orang seorang, yang, berserta dengan apa-apa kemudahan kredit yang diberikan dahulu kepada orang seorang itu, dan apa-apa liabiliti yang ditanggung dahulu bagi pihaknya, oleh institusi itu, melebihi amaun yang melebihi apa-apa peratusan yang ditetapkan bagi bank-bank berlesen, bank-bank saudagar berlesen atau syarikat-syarikat kewangan berlesen sebagai satu kelas atau kategori, oleh Bank berhubungan dengan wang modal institusi itu yang tak tercacat oleh kerugian atau selainnya.

(2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidaklah terpakai—

- (a) jika orang seorang yang disebutkan di dalamnya adalah suatu institusi berlesen yang lain atau mana-mana orang yang ditentukan oleh Bank yang terlibat dalam penyediaan pembiayaan;
- (b) bagi apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada, atau liabiliti yang ditanggung bagi pihak, mana-mana orang oleh sesuatu institusi berlesen berkenaan dengan import ke dalam atau eksport dari Malaysia atau perdagangan di dalam Malaysia bersandarkan surat-surat kredit atau bil-bil pertukaran; atau
- (c) bagi apa-apa transaksi yang ditentukan oleh Bank yang dibuat dengan mana-mana orang tertentu, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan orang, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(3) Tiada apa-apa juga dalam subseksyen (1) boleh membenarkan sesuatu syarikat diskau berlesen atau broker wang berlesen supaya memberi kepada mana-mana orang apa-apa kemudahan kredit atau menanggung apa-apa liabiliti bagi pihaknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Bank, yang mana kelulusan itu boleh menentukan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya kemudahan kredit itu mungkin diberikan atau liabiliti itu mungkin ditanggung, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Bagi maksud-maksud seksyen ini, dalam menghitung amaun apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada orang seorang, atau apa-apa liabiliti yang ditanggung bagi pihak orang seorang, apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada, atau apa-apa liabiliti yang

ditanggung bagi pihak, orang-orang yang berikut, hendaklah disifatkan sebagai suatu kemudahan kredit yang diberikan kepada, atau suatu liabiliti yang ditanggung bagi pihak, orang seorang tersebut:

- (a) jika orang seorang itu adalah seorang individu, suami atau isterinya, anaknya atau perbadanan keluarganya;
- (b) jika orang seorang itu adalah suatu perbadanan, perbadanan berkaitan atau sekutunya;
- (c) jika orang seorang itu adalah suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi, subsidiari-subsidiarinya sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Koperasi 1948, dan perbadanan-perbadanan berkaitan atau sekutu bagi subsidiari-subsidiari itu; atau
- (d) orang-orang yang bertindak bersama-sama dengan orang seorang itu:

*Akta 287.*

Dengan syarat bahawa Bank boleh menentukan bahawa kesemua atau mana-mana orang, atau mana-mana orang tertentu, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan orang, yang tersebut dalam perenggan-perenggan di atas hendaklah dikecualikan daripada pemakaian subseksyen ini berhubungan dengan mana-mana orang seorang tertentu, atau mana-mana kelas, kategori, atau perihalan orang seorang, yang kepadanya kemudahan kredit diberikan, dan serentak dengan itu menentukan kriteria atau asas yang berasaskannya orang atau orang-orang tersebut hendak dikecualikan sedemikian.

(5) Bagi maksud-maksud subseksyen (4) (a), “perbadanan keluarga” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 46 (4).

Larangan memberi  
kemudahan-  
kemudahan kredit  
kepada pengarah  
dan pegawai.

**62.** (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Bank secara bertulis dengan atau tanpa syarat, atau kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) atau (3), tiada institusi berlesen boleh memberi apa-apa kemudahan kredit kepada—

- (a) mana-mana pengarah atau pegawainya atau mana-mana orang lain yang menerima saraan daripadanya (selain daripada mana-mana akauntan, peguambela, arkitek, ejen harta tanah, doktor dan mana-mana orang lain yang menerima saraan daripadanya berkenaan dengan perkhidmatan profesionalnya);
- (b) mana-mana badan yang diperbadankan atau tak diperbadankan, atau suatu ketuanpunyaan tunggal, yang mana-mana pengarah atau pegawainya adalah seorang pengarah atau pengurus, atau yang baginya mana-mana pengarah atau pegawainya adalah seorang penjamin atau ejen;

- (c) mana-mana perbadanan yang mana-mana pengarah atau pegawainya mempunyai apa-apa kepentingan dalam syer perbadanan itu; dan
- (d) mana-mana orang yang baginya mana-mana pengarah atau pegawainya telah memberikan apa-apa jaminan atau apa-apa jua pun akuanji lain yang melibatkan liabiliti kewangan.
- (2) Sesuatu institusi berlesen boleh memberi kepada mana-mana pegawainya atau pengarah eksekutifnya—
- (a) apa-apa kemudahan kredit yang diperuntukkan di bawah skim perkhidmatannya; atau
- (b) jika tiada peruntukan sedemikian dan institusi itu berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas atau belas kasihan, pinjaman tidak melebihi pada sesuatu masa—
- (i) enam bulan saraan pegawai atau pengarah eksekutif itu; atau
- (ii) saraannya bagi apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh Bank,
- dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh institusi itu.
- (3) Peruntukan-peruntukan—
- (a) subseksyen (1) (a) tidaklah terpakai bagi pemberian apa-apa kemudahan kredit kepada suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa seseorang pegawai, termasuk seseorang pengarah eksekutif, institusi berlesen itu untuk membeli rumah; dan
- (b) subseksyen (1)(c) tidaklah terpakai bagi pemberian apa-apa kemudahan kredit oleh suatu institusi berlesen kepada suatu perbadanan yang dalamnya tiada seorang pun pengarah atau pegawai institusi berlesen itu mempunyai apa-apa kepentingan material dalam syer perbadanan itu.
- (4) Bagi maksud-maksud seksyen ini—
- (a) “pengarah” atau “pegawai” termasuk suami atau isteri, anak atau ibu bapa pengarah atau pengawai; dan
- (b) Bank boleh dari semasa ke semasa menentukan perkara yang menjadi kepentingan material dalam syer suatu perbadanan.

Sekatan mengenai  
pemberian  
kemudahan kredit.

**63.** Tiada institusi berlesen boleh memberi apa-apa kemudahan kredit di bawah apa-apa pengecualian oleh Bank yang disebutkan dalam seksyen 62 (1), atau memberi apa-apa kemudahan kredit di bawah

Akta A954.

seksyen 62 (3), melainkan jika syarat-syarat yang berikut ditunaikan:

- (a) orang yang kepadanya kemudahan kredit diberikan mempunyai kelayakan kredit yang tidak kurang daripada kemudahan kredit yang biasanya dikehendaki oleh institusi itu daripada orang-orang lain yang kepadanya kemudahan-kemudahan kredit diberikan;
- (b) terma-terma kemudahan kredit itu adalah tidak kurang baiknya kepada institusi berlesen itu daripada terma-terma yang biasanya ditawarkan kepada orang-orang lain;
- (c) pemberian kemudahan kredit itu adalah bagi kepentingan institusi berlesen itu; dan
- (d) kemudahan kredit itu diluluskan oleh semua pengarah lain institusi berlesen itu di suatu mesyuarat pengarah-pengarah yang dianggotai dengan sempurnanya di mana tidak kurang daripada tiga suku daripada semua pengarah institusi berlesen itu hadir dan kelulusan tersebut direkodkan dalam minit-minit mesyuarat itu.

Akta A954.

Pendedahan  
kepentingan oleh  
pengarah.

**64.** (1) Tiap-tiap pengarah sesuatu institusi berlesen yang mempunyai dengan apa-apa jua cara pun, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, apa-apa kepentingan dalam sesuatu kemudahan kredit yang dicadangkan untuk diberikan kepada mana-mana orang oleh institusi berlesen itu hendaklah dengan seberapa segera yang praktik mengisytiharkan secara bertulis jenis kepentingannya, kepada mesyuarat pengarah yang dianggotai dengan sempurnanya, dan setiausaha institusi berlesen itu, atau pegawai lain yang dilantik oleh institusi berlesen bagi maksud itu, hendaklah menyebabkan satu salinan perisy蒂haran tersebut diedarkan dengan serta-merta kepada tiap-tiap pengarah tidak kira sama ada dia telah hadir ataupun tidak dalam mesyuarat tersebut.

Akta A954.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), suatu notis am bertulis yang disampaikan kepada setiap seorang pengarah sesuatu institusi berlesen yang disebutkan dalam subseksyen itu oleh seseorang pengarah yang bermaksud bahawa dia adalah seorang pengarah, pegawai atau anggota badan yang diperbadankan atau tak diperbadankan, atau seseorang pengarah atau pegawai ketuanpunyaan tunggal, yang kepadanya kemudahan kredit dicadang diberikan hendaklah disifatkan sebagai perisy蒂haran kepentingan yang memadai berhubungan dengan kemudahan kredit yang dicadangkan itu jika peruntukan-peruntukan subseksyen (3) juga dipatuhi.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2) hendaklah—

- (a) menentukan jenis dan takat kepentingan pengarah dalam badan atau ketuanpunyaan tunggal yang disebutkan dalam subseksyen itu; dan
- (b) dikemukakan dan dibaca di mesyuarat pengarah-

pengarah institusi di mana notis itu disampaikan atau, jika ia tidak disampaikan di mesyuarat pengarah-pengarah, di mesyuarat pengarah-pengarah yang berikutnya selepas ia disampaikan kepada setiap seorang pengarah itu.

(4) Tiap-tiap pengarah sesuatu institusi berlesen yang memegang apa-apa jawatan, atau memiliki apa-apa harta, dengan mana, secara langsung atau secara tak langsung, kewajipan atau kepentingan mungkin diwujudkan bercanggahan dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai pengarah institusi berlesen tersebut, hendaklah mengisyiharkan di mesyuarat pengarah-pengarah institusi berlesen itu hakikat tentang pemegangan jawatan itu atau pemilikan harta itu olehnya dan jenis, sifat dan takat percanggahan itu.

(5) Perisyiharan yang disebutkan dalam subseksyen (4) hendaklah dibuat di mesyuarat pengarah-pengarah yang pertama yang diadakan—

- (a) selepas dia menjadi pengarah institusi berlesen itu;
- (b) jika telahpun menjadi pengarah, selepas dia mula memegang jawatan atau memiliki harta itu; atau
- (c) selepas tarikh berkuatkuasa, jika telahpun menjadi pengarah, sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, sesuatu syarikat diskaun berlesen atau sesuatu broker wang berlesen,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Setiausaha institusi berlesen atau pegawainya yang lain yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah merekodkan apa-apa perisyiharan yang dibuat di bawah seksyen ini di dalam minit-minit mesyuarat di mana perisyiharan itu dibuat atau di mana ia dikemukakan dan dibaca.

Pengawalan had kredit. **65.** (1) Seseorang pengarah atau pegawai sesuatu institusi berlesen tidaklah boleh memberi apa-apa kemudahan kredit yang melebihi had, atau di luar bidang apa-apa terma dan syarat, yang dikenakan kepadanya oleh institusi berlesen, atau yang berlanggaran dengan apa-apa arahan yang diberikan kepadanya, atau apa-apa perjanjian yang dibuat dengannya, oleh institusi berlesen itu.

(2) Bank boleh melalui notis bertulis mengarahkan sesuatu institusi berlesen supaya—

- (a) mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan polisi dan prosedurnya mengenai pemberian apa-apa kemudahan kredit;
- (b) mengemukakan satu laporan mengenai had atau terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan, arahan-arahan yang diberikan, dan perjanjian-perjanjian yang dibuat, berhubungan dengan kuasa tiap-tiap pengarah atau

pegawai institusi yang dibenarkan memberi kemudahan-kemudahan kredit atau menjalankan apa-apa kuasa berkenaan dengannya itu; atau

- (c) membuat apa-apa pindaan kepada polisi atau prosedur yang disebutkan dalam perenggan (a), atau supaya membuat apa-apa pengubahan mengenai perkara-perkara yang disebutkan dalam perenggan (b), sebagaimana yang difikirkan patut dan sesuai oleh Bank, sama ada secara am, atau berhubungan dengan apa-apa kelas pengarah atau pegawai, atau berhubungan dengan mana-mana pengarah atau pegawai tertentu, dan pindaan-pindaan serta pengubahan-pengubahan itu hendaklah mengikat institusi itu dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawaiinya.

Sekatan mengenai pelaburan. **66.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 116 (2), tiada institusi berlesen boleh memperolehi atau memegang—

- (a) apa-apa syer, atau selainnya mempunyai suatu kepentingan dalam syer mengenai, mana-mana perbadanan; atau
- (b) apa-apa harta tak alih atau apa-apa hak atau kepentingan dalam harta itu, kecuali apa-apa yang semunasabahnya perlu bagi maksud menjalankan perniagaannya, atau mengadakan kemudahan perumahan atau lain-lain kemudahan bagi kakitangannya, dan sebagaimana yang diluluskan oleh Bank dalam mana-mana satu hal itu.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai berkenaan dengan—

- (a) apa-apa syer atau kepentingan dalam syer, atau apa-apa harta tak alih atau apa-apa hak atau kepentingan dalam harta tak alih, yang diperolehi oleh sesuatu institusi berlesen—
- (i) sebagai cagaran kerana memberi apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang atau kerana menanggung apa-apa liabiliti bagi pihak mana-mana orang;
- (ii) semasa merealisasikan apa-apa cagaran yang diberikan kepada atau dipegang oleh institusi berlesen; atau
- (iii) sebelum tarikh berkuatkuasa, jika pemegangannya adalah menurut undang-undang sebelum sahaja tarikh tersebut;
- (b) apa-apa syer atau kepentingan dalam syer yang diperolehi *[sic]* oleh institusi berlesen di bawah suatu perjanjian yang

*Akta A954.*

dibuat oleh institusi berlesen itu, dengan kelulusan Bank, dengan mana-mana perbadanan yang kepadanya apa-apa kemudahan kredit telah diberikan, atau yang bagi pihaknya apa-apa liabiliti telah ditanggung, oleh institusi berlesen, yang dengannya syer-syer perbadanan itu diterbitkan kepada **instiusi** berlesen sebagai penjelasan sebahagian atau penuh kemudahan kredit yang diberikan, atau liabiliti yang ditanggung itu;

- (c) apa-apa syer yang diperolehi atau dipegang oleh suatu institusi berlesen akibat daripada penubuhannya atau pemerolehan sesuatu subsidiari dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank di bawah seksyen 29;
- (d) apa-apa syer atau kepentingan dalam syer yang diperolehi atau dipegang oleh suatu syarikat diskaun berlesen; atau
- (e) apa-apa syer atau kepentingan dalam syer yang diperolehi atau dipegang oleh suatu institusi berlesen berhubungan dengan perniagaannya sebagai peniaga terkecuali di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

*Akta 280.*

(3) Apa-apa syer atau kepentingan dalam syer, atau apa-apa harta tak alih atau apa-apa hak atau kepentingan dalam apa-apa harta tak alih, yang diperolehi menurut subseksyen (2)(a)(ii), (b) atau (e) oleh sesuatu institusi berlesen hendaklah dilupuskan dengan seberapa segera yang praktik tetapi tidak lewat daripada dua belas bulan, atau suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank dalam apa-apa hal tertentu, yang bermula pada tarikh ia telah diperolehi.

*Akta 280.*

(4) Apa-apa pemerolehan, pegangan atau pelupusan syer atau kepentingan dalam syer bagi maksud atau dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan 2(a), (b), (c) atau (d) atau dalam subseksyen (3) tidak boleh dikira sebagai “berniaga sekuriti” bagi maksud Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Batasan, terma dan syarat berkenaan dengan pemberian kemudahan kredit, termasuk kemudahan kredit bagi maksud membiayai pemerolehan syer atau harta tak alih.

**67.** Tertakluk kepada apa-apa jua yang ditetapkan di bawah seksyen 60 (9), Bank boleh menentukan batasan-batasan, terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan pemberian apa-apa kelas, kategori atau perihalan kemudahan kredit yang akan diberikan oleh mana-mana institusi berlesen, termasuk pemberian apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang—

- (a) bagi maksud membiayai—

- (i) pembelian sekuriti atau pembuatan apa-apa pembayaran yang mungkin kena dibayar atas sekuriti yang telahpun dibeli;

*Akta A954.*

- (ii) pembelian atau pembangunan harta tak alih;
  - (iii) pembelian atau pegangan apa-apa kepentingan dalam syer mana-mana perbadanan;
  - (iv) pembelian atau pegangan apa-apa suratcara terbitan; atau
  - (v) pembelian atau pegangan apa-apa harta lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank; atau
- (b) atas cagaran apa-apa sekuriti, harta tak alih, kepentingan dalam syer, suratcara terbitan atau apa-apa harta lain.

Bukti pematuhan.

- 68.** (1) Mana-mana institusi berlesen hendaklah, jika pada bila-bila masa diminta secara bertulis oleh Bank untuk berbuat demikian, mengemukakan kepada Bank segala keterangan dan mengadakan segala maklumat yang mungkin ada pada institusi berhubungan dengan pematuhannya akan mana-mana peruntukan Bahagian ini, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank secara am atau berhubungan dengan apa-apa hal tertentu.
- (2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) hendaklah tanpa menjelaskan, dan tidaklah boleh dengan apa-apa jua cara mengurangkan, apa-apa kuasa lain yang diberikan kepada Bank atau seseorang pegawai penyiasat di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN X

### KUASA-KUASA PENGAWASAN DAN PENGAWALAN KE ATAS INSTITUSI-INSTITUSI BERLESEN

Pemeriksaan ke atas institusi berlesen.

- 69.** Bank hendaklah, sama ada di bawah Akta ini atau Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, dari semasa ke semasa, memeriksa, tanpa apa-apa notis terlebih dahulu, buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi setiap institusi berlesen dan pejabatnya di dalam dan di luar Malaysia.

*Akta A1256.*

Kuasa-kuasa Menteri untuk mengarahkan supaya pemeriksaan dibuat.  
*Akta 519.*

- 70.** Menteri boleh pada bila-bila masa mengarahkan Bank membuat sesuatu pemeriksaan mengenai buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi mana-mana institusi berlesen dan pejabatnya di dalam dan di luar Malaysia, jika dia mengesyaki bahawa institusi berlesen tersebut sedang menjalankan perniagaannya dengan cara yang memudaratkan, atau yang mungkin memudaratkan, kepentingan pendeposit-pendeposit atau pemutang-pemutangnya, atau mempunyai aset yang tak cukup untuk meliputi liabiliti-liabilitinya kepada orang awam, atau sedang melanggari mana-mana peruntukan Akta ini atau Akta Bank Negara Malaysia 1958.

*Akta A954.  
Akta A954.*

Pengemukaan buku-buku, dsb. institusi berlesen.

**71.** (1) Bagi maksud-maksud sesuatu pemeriksaan di bawah seksyen 69 atau 70, institusi berlesen yang sedang diperiksa dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawaiannya hendaklah membenarkan mana-mana orang yang menjalankan pemeriksaan itu akses kepada segala bukunya atau dokumen lain dan akaunnya, termasuk dokumen-dokumen hakmilik kepada aset-asetnya, semua cagaran yang dipegang olehnya berkenaan dengan transaksi pelanggan-pelanggannya, segala wang tunainya, dan kepada segala dokumen, maklumat dan kemudahan sebagaimana yang dikehendaki oleh orang itu bagi maksud pemeriksaan itu, dan hendaklah mengemukakan kepada orang itu segala buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, cagaran atau wang tunai dan memberi segala maklumat sebagaimana yang dikehendakinya:

Dengan syarat bahawa, setakat yang konsisten dengan penjalanan pemeriksaan itu, buku atau dokumen, akaun, hakmilik, cagaran dan wang tunai itu tidaklah dikehendaki dikemukakan pada masa atau di tempat yang mungkin mengganggu penjalanan yang patut akan perniagaan harian biasa institusi atau pejabat itu.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1), mana-mana orang yang dibenarkan oleh Bank secara bertulis bagi maksud ini boleh mengambil milik apa-apa buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, cagaran atau wang tunai yang dia mempunyai akses kepadanya di bawah subseksyen (1) jika pada pendapat orang itu—

- (a) pemeriksaannya, penyalinannya, atau pembuatan cabutan daripadanya, tidak dapat diusahakan dengan munasabahnya tanpa mengambil miliknya;
- (b) ia mungkin diganggu atau dimusnahkan melainkan jika dia mengambil miliknya; atau
- (c) ia mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding undang-undang, sama ada sivil atau jenayah, yang mungkin dimulakan di bawah atau berkaitan dengan Akta ini, Akta Bank Negara Malaysia 1958 atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

Akta 519.

Akta A954.

(3) Tiada institusi berlesen, dan tiada pengarah atau pegawai institusi berlesen, boleh—

- (a) gagal—
  - (i) membenarkan akses kepada;
  - (ii) memberi milikan; atau
  - (iii) mengemukakan,bukunya atau dokumen lain, akaun, hakmilik, cagaran atau wang tunai; atau
- (b) gagal memberi maklumat atau kemudahan, mengikut

subseksyen (1) dan (2).

Institusi berlesen yang tak berupaya untuk menunaikan obligasi-obligasi hendaklah memberitahu Bank.

**72.** Mana-mana institusi berlesen yang berpendapat bahawa ia tak solven, atau mungkin akan menjadi tak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya, atau, bahawa ia hampir hendak menggantung pembayaran kepada apa-apa takat, hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank akan hakikat itu.

Tindakan oleh Bank berkenaan dengan institusi berlesen dalam hal-hal keadaan tertentu.

**73. (1) Jika—**

- (a) sesuatu institusi berlesen memberitahu Bank—
  - (i) bahawa ia tak solven;
  - (ii) bahawa ia mungkin akan menjadi tak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya; atau
  - (iii) bahawa ia hampir hendak menggantung pembayaran kepada apa-apa takat; atau
- (b) sama ada selepas suatu pemeriksaan di bawah seksyen 69 atau 70, atau bagaimana jua pun selainnya, Bank berpuas hati bahawa sesuatu institusi berlesen—
  - (i) sedang menjalankan perniagaannya mengikut cara yang memudarangkan kepentingan pendeposit-pendepositnya, atau pembiutang-pembiutangnya, atau orang awam secara amnya;
  - (ii) adalah tak solven, atau telah menjadi atau mungkin akan menjadi tak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya, atau hampir hendak menggantung pembayaran kepada apa-apa takat; atau
  - (iii) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau Akta Bank Negara Malaysia 1958, atau mana-mana syarat lesennya, atau mana-mana peruntukan manama undang-undang bertulis, tidak kira tiada dakwaan jenayah berkenaan dengannya,

*Akta 519.*

*Akta A954.  
Akta A954.*

maka Bank boleh, melalui perintah bertulis, menjalankan mana-mana satu atau lebih kuasa-kuasa yang berikut, sebagaimana yang difikirkannya perlu:

- (A) menghendaki institusi berlesen itu supaya mengambil apa-apa langkah, atau apa-apa tindakan, atau melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan atau perkara,

apa-apa jua pun, berhubungan dengan institusi itu, atau perniagaannya, atau pengarah-pengarah atau pegawai-pegawaiinya, yang difikirkan perlu dan yang diterangkan oleh Bank dalam perintah, dalam tempoh masa yang diterangkan di dalamnya;

- (B) melarang sesuatu institusi berlesen daripada memberi apa-apa kemudahan kredit selanjutnya bagi apa-apa tempoh yang diterangkan dalam perintah itu, dan menjadikan larangan itu tertakluk kepada apa-apa kekecualian, dan mengenakan apa-apa syarat berhubungan dengan kekecualian itu, sebagaimana yang diterangkan dalam perintah itu dan, dari semasa ke semasa, melalui perintah selanjutnya yang dibuat mengikut cara yang sama, melanjutkan tempoh yang disebut terdahulu;
- (C) walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau apa-apa batasan yang terkandung dalam dokumen-dokumen konstituen institusi berlesen, kerana sebab-sebab yang akan direkodkannya secara bertulis, memecat daripada jawatan, mulai dari suatu tarikh yang diterangkan dalam perintah itu, mana-mana pegawai institusi berlesen itu;
- (D) walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau apa-apa batasan yang terkandung dalam dokumen-dokumen konstituen institusi berlesen itu, dan, khususnya, walaupun apa apa batasan di dalamnya tentang bilangan minimum atau maksimum pengarah, kerana sebab-sebab yang akan direkodkan olehnya secara bertulis—
  - (i) memecat daripada jawatan, mulai dari suatu tarikh yang diterangkan dalam perintah itu, mana-mana pengarah institusi berlesen itu; atau
  - (ii) melantik mana-mana orang atau orang-orang sebagai pengarah atau pengarah-pengarah institusi berlesen, dan mengadakan peruntukan dalam perintah itu supaya orang atau orang-orang yang dilantik sedemikian dibayar oleh institusi itu apa-apa saraan sebagaimana yang diterangkan dalam perintah itu; atau
- (E) melantik seseorang untuk menasihati institusi berlesen berhubungan dengan penjalanan perniagaannya dengan sepatutnya, dan mengadakan peruntukan dalam perintah itu supaya orang yang dilantik sedemikian dibayar oleh institusi itu apa-apa saraan sebagaimana yang diterangkan dalam perintah itu:

Dengan syarat bahawa kuasa-kuasa Bank di bawah perenggan (B),

(C), (D) dan (E) hendaklah dijalankan hanya dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan Menteri.

(2) Jika mana-mana hal keadaan yang diterangkan dalam perenggan (a) dan (b) subseksyen (1) wujud berkenaan dengan sesuatu institusi tempatan berlesen, maka Bank boleh, sama ada atau tidak ia telah menjalankan mana-mana kuasanya di bawah perenggan (A), (B), (C), (D) atau (E) subseksyen (1), mengesyorkan kepada Menteri supaya mengadakan peruntukan, dan Menteri boleh atas syor yang sedemikian dengan sewajarnya mengadakan peruntukan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) bagi bank mengambil alih kawalan kesemua harta, perniagaan dan hal ehwal institusi berlesen, dan menjalankan kesemua perniagaan dan hal-ehwalnya, atau mengambil alih kawalan apa-apa bahagian harta, perniagaan dan hal-ehwalnya, dan menjalankan apa-apa bahagian perniagaan dan hal-ehwalnya, sebagaimana yang diterangkan dalam perintah itu, atau bagi Bank melantik mana-mana orang untuk berbuat demikian bagi pihak Bank, dan bagi kos dan perbelanjaan Bank, atau saraan orang yang dilantik sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, kena dibayar daripada wang dan harta-harta institusi sebagai gadaian pertama ke atasnya;
- (b) sama ada sesuatu perintah telah dibuat ataupun tidak di bawah perenggan (a), membenarkan permohonan dibuat oleh Bank kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik seorang penerima atau pengurus untuk menguruskan kesemua perniagaan, hal-ehwal dan harta institusi berlesen, atau apa-apa bahagian perniagaan, hal-ehwal dan harta itu sebagaimana yang diterangkan dalam perintah itu, dan bagi segala perintah atau arahan Mahkamah Tinggi yang bersampingan, berdampingan atau berbangkit berhubungan dengan perlantikan itu sebagaimana yang, pada pendapat Bank, perlu atau suaimanfaat; atau
- (c) sama ada sesuatu perintah telah dibuat ataupun tidak di bawah perenggan (a) atau (b), membenarkan Bank mengemukakan suatu petisyen kepada Mahkamah Tinggi untuk menggulungkan institusi itu.

(3) Sesuatu perintah Bank di bawah subseksyen (1), atau sesuatu perintah Menteri di bawah subseksyen (2), boleh, dari semasa ke semasa, diubahsuaikan, dipinda, diubahpinda, diubah atau digantikan sama ada secara prospektif, atau jika ia bukannya tak praktik atau tak patut untuk berbuat demikian, secara retrospektif, melalui suatu perintah selanjutnya di bawah subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Tiada perintah di bawah subseksyen (1) atau (2), atau menurut kuasa subseksyen (3), boleh dibuat melainkan jika institusi berlesen

yang berkenaan dengannya perintah itu hendak dibuat, dan dalam hal sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) (C) atau (D) (i), juga pegawai atau pengarah yang hendak dipecat daripada jawatan, telah diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi-representasi terhadap, atau selainnya berkenaan dengan, perintah yang dicadangkan itu:

Dengan syarat bahawa jika pada pendapat Bank, dalam hal sesuatu perintah yang hendak dibuat oleh Bank di bawah subseksyen (1), atau menurut kuasa subseksyen (3), atau pada pendapat Menteri yang dibentukkan atas syor Bank, dalam hal suatu perintah yang hendak dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen (2), atau menurut kuasa subseksyen (3), apa-apa kelengahan akan memudararatkan kepentingan institusi berlesen, atau pendeposit-pendeposit atau pemutang-pemutangnya, atau orang awam secara am, perintah itu boleh dibuat terdahulu dan peluang untuk membuat representasi-representasi terhadap atau selainnya berhubungan dengan perintah itu hendaklah, dalam hal yang sedemikian, diberikan selepas sahaja perintah itu telah dibuat, dan perintah itu boleh, berbangkit daripada representasi-representasi itu sama ada disahkan, atau diubahsuaiakan, dipinda, diubahpinda, diubah atau digantikan di bawah subseksyen (3), atau dibatalkan di bawah subseksyen (5), tertakluk kepada apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Bank, dengan persetujuan Menteri, atau oleh Menteri, atas syor Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Sesuatu perintah Bank yang dibuat di bawah subseksyen (1), atau menurut kuasa subseksyen (3), atau sesuatu perintah Menteri yang dibuat di bawah subseksyen (2), atau menurut kuasa subseksyen (3), boleh pada bila-bila masa dibatalkan melalui suatu perintah yang dibuat mengikut cara yang sama, oleh Bank atau oleh Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan apa-apa perintah tersebut boleh mengandungi segala perintah, arahan atau peruntukan yang bersifat bersampingan, berdampingan atau berbangkit, sebagaimana yang difikirkan perlu atau suaimanfaat oleh Bank atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- Peruntukan-  
peruntukan  
berhubungan  
dengan perlantikan  
di bawah seksyen  
73.
- 74.** (1) Seseorang yang dilantik oleh Bank di bawah seksyen 73 (1) (D) (ii), (E), atau (2) (a) hendaklah dilantik bagi apa-apa tempoh yang diputuskan oleh Bank, yang tidak melebihi, dalam apa-apa jua hal, dua tahun, tetapi boleh dilantik semula bagi tiga tempoh lagi yang berturut-turut tidak melebihi satu tahun setiap satunya, dan hendaklah, di sepanjang tempoh perlantikan atau perlantikan semula itu, memegang jawatannya mengikut kehendak Bank.
- (2) Terma-terma dan syarat-syarat sesuatu perlantikan yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah, tertakluk kepada perintah yang di bawahnya perlantikan itu dibuat, dan kepada subseksyen (1), diputuskan oleh Bank dan hendaklah mengikat institusi berlesen berkenaan.

(3) Perlantikan pengarah atau pengarah-pengarah di bawah seksyen 73 (1) (D) (ii) tidaklah menjelaskan mana-mana peruntukan dokumen konstituen yang membolehkan institusi berlesen itu mempunyai pengarah-pengarah tambahan jika bilangan pengarah yang dibenarkan di bawah dokumen-dokumen konstituen belum lagi mencapai atau melebihi bilangan maksimum dengan perlantikan atau perlantikan-perlantikan di bawah seksyen 73 (1) (D) (ii).

(4) Seseorang yang memegang apa-apa jawatan sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1) tidaklah boleh menanggung apa-apa obligasi atau liabiliti semata-mata oleh sebab dia memegang jawatan itu.

(5) Jika seseorang penerima atau pengurus telah dilantik berkenaan dengan sesuatu institusi berlesen oleh Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 73 (2) (b), maka segala kos, caj dan perbelanjaan yang patut, termasuk saraan, penerima atau pengurus itu hendaklah kena dibayar daripada aset-aset institusi berlesen itu dengan diberi kedahuluan daripada segala tuntutan lain.

Peruntukan-  
peruntukan  
berhubungan  
dengan pemecatan  
jawatan di bawah  
seksyen 73 (1) (C)  
atau (D) (i).

**75.** (1) Mana-mana pegawai atau pengarah yang dipecat daripada jawatan dalam sesuatu institusi berlesen di bawah seksyen 73 (1) (C) atau (D) (i) hendaklah terhenti memegang jawatan yang dia dipecat daripadanya mulai dari tarikh yang diterangkan dalam perintah itu, dan tidaklah boleh selepas itu memegang apa-apa jua pun jawatan lain dalam institusi berlesen itu atau, dengan apa-apa jua cara, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, bersangkut-paut dengan, atau mengambil bahagian atau terlibat dalam, apa-apa aktiviti, hal-ehwal atau perniagaan institusi berlesen itu.

(2) Pemecatan seseorang pegawai atau pengarah di bawah seksyen 73 (1) (C) atau (D) (i) adalah menurut undang-undang dan sah walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana kontrak perkhidmatan atau lain-lain kontrak atau perjanjian, sama ada nyata atau tersirat, sama ada secara individu atau kolektif, dan sama ada dibuat atau diperuntukkan ataupun tidak di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan seseorang yang dipecat sedemikian daripada jawatan tidaklah berhak untuk menuntut apa-apa pampasan kerana kehilangan atau penamatian jawatan itu.

Peruntukan-  
peruntukan yang  
berhubungan  
dengan pengambil-  
alihan kawalan di  
bawah seksyen 73  
(2) (a).

**76.** (1) Jika kawalan sesuatu institusi berlesen telah diambil alih menurut suatu perintah di bawah seksyen 73 (2) (a), maka institusi itu dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawainya hendaklah menyerahkan harta, perniagaan dan hal-ehwalnya kepada kawalan tersebut, dan hendaklah mengadakan kepada Bank dan, jika kawalan itu diambil alih oleh seseorang yang dilantik oleh Bank (kemudian daripada ini disebut “orang dilantik” dalam Bahagian ini), juga kepada orang dilantik tersebut, segala kemudahan sedemikian yang dikehendaki untuk menjalankan perniagaan dan hal-ehwal institusi

berlesen itu.

(2) Jika kawalan sesuatu institusi berlesen telah diambil alih menurut suatu perintah di bawah seksyen 73 (2) (a), maka Bank, atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus mengawal harta, perniagaan dan hal- ehwal institusi berlesen berkenaan, dan menjalankan perniagaan dan hal-ehwal institusi itu atas nama dan bagi pihak institusi itu, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah tersebut, sehingga suatu masa apabila perintah tersebut dibatalkan di bawah seksyen 73 (5).

(3) Di sepanjang tempoh kawalan sesuatu institusi berlesen menurut suatu perintah di bawah seksyen 73 (2) (a), maka hendaklah terletakhak pada Bank, atau pada orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, semua kuasa institusi itu, dan pengarah-pengarahnnya, di bawah dokumen-dokumen konstituen institusi itu, atau yang boleh dijalankan oleh institusi itu atau pengarah-pengarahnnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau bagaimana jua pun selainnya, tidak kira sama ada kuasa-kuasa tersebut boleh dijalankan melalui ketetapan, ketetapan khas, atau mengikut apa-apa jua pun cara lain, dan apa-apa jua pun kesulitan yang berbangkit berhubungan dengannya bolehlah diselesaikan oleh Menteri melalui arahan bertulis.

(4) Selama tempoh berkuatkuasanya sesuatu perintah di bawah seksyen 73 (2) (a), tiada pengarah institusi berlesen yang dimaksudkan oleh perintah itu boleh, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, terlibat dalam apa-apa aktiviti berhubungan dengan institusi itu, kecuali sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Bank, atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tiada saraan daripada apa jua jenis boleh terakru atau kena dibayar kepada mana-mana pengarah institusi itu, kecuali sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Bank, atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubungan dengan apa-apa aktiviti yang dikehendaki atau dibenarkan seperti yang disebutkan terdahulu oleh Bank, atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisyiharkan bahawa sesuatu perintah di bawah seksyen 73 (2) (a) tidaklah mempunyai kesan sebagai memberi kepada, atau meletakhkan pada, Bank, atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa hakmilik kepada, atau apa-apa kepentingan benefisial dalam, apa-apa harta institusi berlesen yang dimaksudkan oleh perintah itu.

Kuasa untuk mengurangkan modal syer dan untuk membatalkan syer-syer institusi berlesen yang tertakluk kepada suatu perintah di bawah seksyen 73 (2) (a).

77. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen-dokumen konstituen sesuatu institusi berlesen, jika Bank, atau orang dilantik, telah, menurut suatu perintah di bawah seksyen 73 (2) (a), mengambil alih kawalan institusi berlesen itu dan modal berbayar institusi itu telah kerugian atau tidak digambarkan oleh aset-aset yang ada, Bank atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah bagi mengurangkan modal syer

Akta A954.

institusi berlesen tersebut dengan mengkensel apa-apa bahagian modal berbayarnya yang telah kerugian atau tidak digambarkan oleh aset-aset yang ada.

(2) Jika Mahkamah Tinggi membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) untuk mengurangkan modal syer sesuatu institusi berlesen, maka Mahkamah boleh—

- (a) atas permohonan Bank, atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) jika, apabila habisnya tempoh tiga puluh hari dari tarikh apa-apa panggilan yang dibuat oleh institusi berlesen kepada anggota-anggotanya supaya membayar syer mereka masing-masing, pembayaran bagi apa-apa syer tersebut belum lagi dibuat,

juga memerintahkan supaya syer-syer tersebut yang pembayarannya belum lagi dibuat dikenselkan dengan sewajarnya.

(3) Jika modal syer sesuatu institusi berlesen dikurangkan menurut subseksyen (1), atau mana-mana syernya telah dikenselkan menurut subseksyen (2), maka Bank, atau orang dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menyebabkan dokumen-dokumen konstituen institusi itu diubahpinda dengan sewajarnya.

*Akta 125.*

(4) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada Bank dan orang dilantik di bawah peruntukan-peruntukan yang disebut di atas dalam seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa yang boleh dijalankan dibawah seksyen 64 (1) Akta Syarikat 1965, dan jika sesuatu permohonan dibuat kepada Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1)—

- (a) Mahkamah Tinggi boleh menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 64 Akta Syarikat 1965 berhubungan dengan sesuatu permohonan bagi pengesahan yang disebutkan di dalamnya; dan
- (b) subseksyen (9) dan (10) seksyen 64 tersebut hendaklah terpakai berhubungan dengannya.

Pinjaman kepada institusi berlesen dan pemerolehan syer-syernya.

**78.** (1) Jika Bank fikirkan bahawa sesuatu institusi berlesen—

- (a) berkemungkinan tak berupaya menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya; atau
- (b) hampir hendak menggantung pembayaran kepada apa-apa takat,

*Akta 519.*

maka Bank, dengan persetujuan Menteri, boleh, walau apa pun seksyen 31, tetapi tanpa menjaskan seksyen 42, Akta Bank Negara Malaysia 1958—

*Akta A954.*

- (A) memberi pinjaman kepada institusi berlesen itu bersandarkan cagaran syer institusi itu sendiri, atau mana-mana syer lain, atau apa-apa cagaran lain yang memadai;
- (B) membeli apa-apa syer institusi berlesen itu bagi maksud mengawal perniagaan institusi tersebut; atau
- (C) memberi pinjaman kepada suatu institusi berlesen yang lain untuk membeli apa-apa syer, atau kesemua atau apa-apa bahagian harta dan liabiliti, institusi berlesen yang disebutkan dalam perenggan (a) atau (b).

(2) Bank, atau institusi berlesen yang kepadanya Bank telah memberi pinjaman di bawah subseksyen (1) (C), hendaklah melupuskan apa-apa syer yang dibeli olehnya menurut subseksyen (1) pada bila-bila masa apabila Bank berpuas hati bahawa sebab-sebabnya yang syer-syer itu dibeli tidak wujud lagi.

(3) Pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan kepada Bank di bawah seksyen ini, Bank hendaklah mendapatkan nasihat Panel Penasihat.

Perluasan bidang kuasa di bawah Bahagian ini kepada perbadanan-perbadanan berkaitan dan kepada institusi-institusi kawalan pengarah.

Akta A954.

**79.** Apa-apa sebutan dalam Bahagian ini mengenai sesuatu institusi berlesen hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai—

- (a) sesuatu perbadanan berkaitan bagi institusi berlesen tersebut; dan
- (b) seseorang yang dikawal oleh seorang pengarah atau pengarah-pengarah institusi berlesen itu, atau oleh orang-orang yang bertindak bersama-sama dengan seorang pengarah atau pengarah-pengarah institusi berlesen itu.

Moratorium.

**80.** (1) Menteri boleh, atas syor Bank, jika difikirkannya berfaedah kepada kepentingan pendeposit-pendeposit sesuatu institusi berlesen yang menerima, mengambil atau menyetujuterima deposit-deposit, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) melarang institusi itu daripada menjalankan semua perniagaan berlesennya, atau mana-mana bahagian daripada perniagaan berlesennya sebagaimana yang diterangkan dalam perintah;
- (b) melarang institusi itu daripada melakukan atau melaksanakan apa-apa perbuatan atau fungsi yang

berkaitan dengan semua perniagaan berlesennya atau mana-mana bahagian daripada perniagaan berlesennya sebagaimana yang diterangkan dalam perintah;

- (c) membenarkan Bank memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah menangguhan selama tempoh tidak melebihi enam bulan permulaan atau penerusan semua, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan, tindakan dan prosiding yang bersifat sivil oleh atau terhadap institusi itu mengenai semua perniagaan, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan perniagaan, institusi itu;
- (d) menggantung lesen yang diberikan kepada institusi di bawah Akta ini kepada apa-apa takat dan bagi apa-apa tempoh yang perlu untuk melaksanakan larangan-larangan di bawah perenggan (a) atau (b); atau
- (e) mengadakan peruntukan bagi segala perkara itu yang bersifat bersampingan, berdampingan atau berbangkit, atau yang baginya mungkin selainnya perlu atau suaimanfaat diadakan peruntukan, untuk melaksanakan perkara-perkara di bawah perenggan-perenggan yang disebut di atas, termasuk peruntukan-peruntukan bagi mengambil harta, buku-buku, dokumen-dokumen atau barang-barang kegunaan institusi ke dalam jagaan atau kawalan Bank.

Akta A954.

(2) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh, dari semasa ke semasa, diubahsuaikan, dipinda, diubahpinda, diubah atau digantikan sama ada secara prospektif, atau jika ia bukannya tak praktik atau tak patut untuk berbuat demikian, secara retrospektif, melalui suatu perintah selanjutnya di bawah subseksyen (1).

(3) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) tidaklah boleh dibuat melainkan jika institusi telah diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi-representasi terhadap, atau berhubungan dengan, perintah yang dicadangkan, dengan syarat bahawa jika apa-apa kelengahan akan memudaratkan kepentingan pendeposit-pendeposit, perintah itu boleh dibuat terlebih dahulu, dan peluang untuk membuat representasi-representasi hendaklah diberikan selepas sahaja perintah itu dibuat, dan berbangkit daripada representasi-representasi itu, perintah itu boleh, atas syor Bank, sama ada disahkan, atau diubahsuaikan, dipinda, diubah, diubahpinda, atau digantikan di bawah subseksyen (2), atau dibatalkan di bawah subseksyen (4), oleh Menteri.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), atau menurut kuasa subseksyen (2), boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri melalui suatu perintah yang dibuat atas syor Bank, dan apa-apa perintah tersebut boleh mengandungi segala perintah, arahan atau peruntukan yang bersifat bersampingan, berdampingan atau berbangkit sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Menteri.

Kedahuluan bayaran  
sekiranya sesuatu  
institusi berlesen tak  
solven.  
*Akta 359.*

*Akta A1256.*

**81.** (1) Tertakluk kepada seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359] dan subseksyen 74(5), jika sesuatu institusi berlesen menjadi tidak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya, menggantung bayaran kepada apa-apa takat atau digulungkan di bawah perenggan 73(2)(c), maka harta institusi itu di Malaysia hendaklah tersedia ada untuk menunaikan semua liabiliti institusi itu berkenaan dengan kesemua deposit di Malaysia diutamakan atas semua liabiliti tidak bercagar lain institusi itu di Malaysia.

(2) Dalam memutuskan jumlah liabiliti sesuatu institusi berlesen kepada seseorang di bawah subseksyen (1), tiada perkiraan boleh diambil berkenaan dengan sesuatu deposit jika ia telah dibuat dengan institusi itu, atau yang diterima oleh institusi itu, berlanggaran dengan Akta ini selepas tarikh berkuatkuasa, atau jika ia telah selainnya dibuat atau diterima dengan menyalahi undang-undang sama ada sebelum atau selepas tarikh berkuatkuasa.

(3) Dalam memutuskan jumlah liabiliti sesuatu institusi berlesen kepada seseorang di bawah subseksyen (1), maka hendaklah dipotongkan apa-apa hak tolakan yang telah wujud sebelum sahaja peruntukan-peruntukan subseksyen (1) menjadi terpakai baginya.

(4) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah mempunyai kuatkuasa walau apa pun apa-apa jua yang tak konsisten dengannya atau berlawanan dengannya dalam mana-mana undang-undang bertulis selain daripada Akta ini, atau dalam mana-mana hukum undang-undang.

## BAHAGIAN XI

### PENYIASATAN, PENGGELEDAHAN ATAU PEMERIKSAAN DAN PENYITAAN

Perlantikan  
pegawai-pegawai  
penyiasat, kuasa-  
kuasa, fungsi-fungsi  
dan tugas-tugas  
mereka.

**82.** (1) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, Bank boleh melantik mana-mana pegawai atau pekerja Bank atau mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 (3) sebagai seorang pegawai penyiasat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai segala kuasa, fungsi, dan tugas yang diberikan kepada pegawai penyiasat di bawah Akta ini, dan jika pegawai penyiasat itu bukan seorang pegawai atau pekerja Bank, dia hendaklah, berhubungan dengan kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan tugas-tugas itu—

- (a) menjadi tertakluk kepada; dan
- (b) menikmati apa-apa hak, keistimewaan, perlindungan, kekebalan dan tanggung rugi yang ditentukan dalam,

peruntukan-peruntukan Akta ini, Akta Bank Negara Malaysia 1958 atau undang-undang bertulis lain yang terpakai bagi seseorang pegawai atau pekerja Bank seolah-olah dia adalah seorang pegawai atau pekerja Bank.

(3) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah menjadi tertakluk kepada arahan dan kawalan Gabenor, atau mana-mana pegawai lain Bank sebagaimana yang diberikuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya, dan mana-mana pegawai penyiasat atau pegawai-pegawai penyiasat lain yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, dan hendaklah menjalankan kuasa-kuasanya, melaksanakan fungsi-fungsinya, dan menunaikan tugas-tugasnya yang disebutkan dalam subseksyen (2) dengan mematuhi apa-apa arahan, petunjuk, syarat, sekatan atau batasan yang Gabenor, atau seseorang pegawai Bank yang diberikuasa untuk bertindak bagi pihaknya, atau seseorang pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi, boleh menentukan secara lisan atau secara bertulis, sama ada secara am, atau dalam apa-apa hal atau hal keadaan tertentu.

(4) Gabenor, atau mana-mana pegawai Bank yang diberikuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya, hendaklah mempunyai segala kuasa, fungsi dan tugas seseorang pegawai penyiasat.

(5) Seseorang pegawai penyiasat yang menjalankan apa-apa pemeriksaan ke atas mana-mana orang di bawah Bahagian ini hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah atau ikrar kepada orang yang sedang diperiksa.

Kuasa-kuasa masuk,  
menggeledah dan  
menyita.

**83.** (1) Jika seseorang pegawai penyiasat berpuas hati, atau mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai, bahawa mana-mana orang telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, maka dia boleh, jika pada pendapatnya adalah semunasabunya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud penyiasatan ke atas kesalahan itu—

- (a) masuk ke dalam mana-mana premis dan di situ menggeledah, menyita dan menahan apa-apa harta, buku atau dokumen lain;
- (b) memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, apa-apa buku atau dokumen lain yang disita dan ditahan sedemikian;
- (c) mengambil milik, dan memindahkan dari premis, apa-apa harta, buku atau dokumen lain yang disita dan ditahan sedemikian;
- (d) memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam, atau di, premis itu, dan bagi maksud pemeriksaan itu menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat yang perlu untuk mempermudahkan pemeriksaan itu, dan menyita dan menahan apa-apa harta, buku atau dokumen lain yang dijumpai pada orang itu;

- (e) memecah buka, memeriksa, dan menggeledah, apa-apa artikel, bejana atau bekas; atau
- (f) memberhentikan, menahan atau menggeledah mana-mana kenderaan.

(2) Seseorang pegawai penyiasat boleh jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu dan masuk ke dalamnya;
- (b) dengan paksa masuk ke dalam premis itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) memindahkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa galangan terhadap kemasukan, penggeledahan atau pemeriksaan, penyitaan, penahanan atau pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau
- (d) menahan semua atau mana-mana orang yang dijumpai di mana-mana premis, atau di dalam mana-mana kenderaan, yang digeledah di bawah subseksyen (1) sehingga premis atau kenderaan itu telah digeledah.

(3) Suatu senarai segala barang yang disita dalam menjalankan penggeledahan di bawah seksyen ini dan premis di mana barang tersebut masing-masingnya dijumpai hendaklah disediakan oleh pegawai penyiasat yang menjalankan penggeledahan itu dan ditandatangani olehnya.

*Akta A954.*

(4) Penghuni premis yang dimasuki di bawah subseksyen (1), atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah pada tiap-tiap ketika dibenarkan hadir semasa penggeledahan itu, dan suatu salinan senarai yang disediakan dan ditandatangani di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan kepada penghuni atau orang itu atas permintaannya.

(5) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mana-mana mahkamah—

- (a) pada penutupan penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripadanya; atau
- (b) dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada mana-mana pegawai Bank yang diberikuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud ini, atau mana-mana pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, pada bila-bila masa sebelum penutupan penyiasatan, melepaskan mana-mana harta, buku atau dokumen lain yang disita, ditahan atau dialih olehnya atau mana-mana pegawai penyiasat lain, kepada mana-mana orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak di sisi undang-undang terhadap harta, buku atau dokumen lain itu jika dia berpuas hati bahawa ia tidak diperlukan bagi maksud apa-apa pendakwaan atau

prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang -undang bertulis yang lain.

(6) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai yang menyebabkan apa-apa pelepasan mana-mana harta, buku atau dokumen lain di bawah subseksyen (5) berkenaan dengan pelepasan sedemikian dengan menyatakan dalamnya secara terperinci hal keadaan, dan sebab bagi, pelepasan sedemikian.

*N.M.B. Bab 6.*

(7) Jika pegawai penyiasat tidak dapat menentukan orang yang berhak di sisi undang-undang terhadap harta, buku atau dokumen lain itu atau jika terdapat lebih daripada satu pihak menuntut harta, buku atau dokumen lain itu, pegawai penyiasat hendaklah melaporkan perkara itu kepada Majistret yang hendaklah kemudiannya memperlakukan harta, buku atau dokumen lain itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 413(2), (3) dan (4), 414, 415 dan 416 Kanun Prosedur Jenayah.

Pemeriksaan ke atas seseorang.

**84.** (1) Seseorang pegawai penyiasat boleh memeriksa mana-mana orang yang pada dirinya pegawai penyiasat itu mempunyai sebab untuk percaya ada apa-apa harta, buku atau dokumen lain, atau apa-apa jua pun artikel lain, yang perlu, pada pendapatnya, bagi maksud penyiasatan ke atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dan bagi maksud pemeriksaan itu boleh menahan orang itu selama apa-apa tempoh yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan itu, yang tidaklah bagaimanapun boleh melebihi dua puluh empat jam tanpa kebenaran seorang Majistret, dan boleh memindahkan orang itu dalam jagaan ke mana-mana tempat yang perlu untuk mempermudahkan pemeriksaan itu.

(2) Seseorang pegawai penyiasat yang melakukan pemeriksaan ke atas seseorang di bawah subseksyen (1) boleh menyita, menahan, atau mengambil milik apa-apa harta, buku atau dokumen lain, atau artikel, yang dijumpai pada diri orang itu bagi maksud penyiasatan yang sedang dijalankan olehnya.

(3) Tiada seorang orang perempuan pun boleh diperiksa di bawah sekysen ini atau di bawah seksyen 83 kecuali oleh seorang perempuan lain.

Galangan terhadap penjalanan kuasa-kuasa oleh pegawai penyiasat.

**85.** Tiada seorang pun boleh—

(a) enggan memberikan mana-mana pegawai penyiasat yang menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 83 atau 84, akses ke mana-mana premis atau bahagian premis itu, atau enggan membenarkan dirinya diperiksa;

- (b) menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan pegawai penyiasat itu masuk sedangkan dia berhak masuk;
- (c) tidak mematuhi apa-apa tuntutan yang sah daripada mana-mana pegawai penyiasat dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah seksyen 83 atau 84;
- (d) enggan memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang berkuasa diberikan olehnya;
- (e) tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba menyembunyikan daripada, seseorang pegawai penyiasat, apa-apa harta, buku, dokumen lain, atau artikel yang berhubungan dengannya pegawai penyiasat ada alasan-alasan yang munasabah bagi mengesyaki bahawa suatu kesalahan telah atau sedang dilakukan di bawah Akta ini;
- (f) menyelamatkan atau berusaha menyelamatkan apa-apa benda yang telah disita dengan wajar;
- (g) memberi kepada seorang pegawai penyiasat dengan mengatakan sebagai benar maklumat yang dia tahu atau mempunyai sebab bagi mempercayai adalah palsu; atau
- (h) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan, memecahkan atau selainnya memusnahkan apa-apa benda untuk mengelakkannya daripada disita, atau didapatkannya.

Kehendak untuk  
menyediakan  
terjemahan.

**86.** (1) Jika seseorang pegawai penyiasat menjumpai, menyita, menahan atau mengambil milik, apa-apa buku atau dokumen lain dalam menjalankan apa-apa kuasa di bawah Bahagian ini, dan buku atau dokumen lain itu atau apa-apa bahagiannya adalah di dalam suatu bahasa selain daripada bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, atau di dalam apa-apa isyarat atau kod, maka pegawai penyiasat itu boleh secara lisan atau secara bertulis menghendaki orang yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan ke atas buku atau dokumen lain yang tersebut, supaya memberi kepada pegawai penyiasat itu satu terjemahan di dalam bahasa kebangsaan akan buku atau dokumen lain yang tersebut dalam apa-apa tempoh yang, pada pendapat pegawai penyiasat itu, adalah munasabah memandangkan betapa panjangnya buku atau dokumen lain itu, atau lain-lain hal keadaan yang berhubungan dengannya.

(2) Tiada seorang pun boleh dengan disedarinya memberi suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) yang bukannya suatu terjemahan yang tepat, jujur dan benar, atau dengan disedarinya membuat suatu terjemahan di bawah subseksyen itu yang tidak tepat, jujur dan benar.

(3) Jika orang yang dikehendaki memberi suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) bukannya orang yang disyaki telah melakukan

kesalahan yang sedang disiasat, maka Bank hendaklah membayar kepadanya fee yang munasabah bagi terjemahan itu.

Kuasa untuk memeriksa orang.

**87.** (1) Jika seseorang pegawai penyiasat mengesyaki mana-mana orang telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, maka dia boleh, jika pada pendapatnya adalah semunrasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud-maksud penyiasatan ke atas kesalahan itu—

- (a) memerintahkan mana-mana orang secara lisan atau secara bertulis supaya hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan oleh pegawai penyiasat itu berhubungan dengan apa-apa perkara yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat itu, membantu dalam penyiasatan ke atas kesalahan itu;
- (b) memerintahkan mana-mana orang secara lisan atau secara bertulis supaya mengemukakan di hadapan pegawai penyiasat itu buku-buku, dokumen-dokumen lain, harta, artikel-artikel, atau benda-benda yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat itu, membantu dalam penyiasatan ke atas kesalahan itu; atau
- (c) melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang supaya memberi satu pernyataan bertulis yang dibuat atas sumpah atau ikrar menerangkan di dalamnya segala maklumat sedemikian yang mungkin dikehendaki di bawah notis itu, merupakan maklumat yang, pada pendapat pegawai penyiasat itu, akan dapat membantu dalam penyiasatan ke atas kesalahan itu.

(2) Seseorang yang kepadanya suatu perintah di bawah subseksyen (1) (a) atau (b), atau suatu notis bertulis di bawah subseksyen (1) (c), telah diberikan hendaklah mematuhi terma-terma perintah atau notis bertulis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan, khususnya—

- (a) seseorang yang kepadanya suatu perintah di bawah subseksyen (1) (a) telah diberikan hendaklah hadir mengikut terma-terma perintah itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir sedemikian dari sehari ke sehari sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai penyiasat sehingga pemeriksaan itu selesai, dan hendaklah di sepanjang pemeriksaan tersebut mendedahkan segala maklumat yang ada dalam pengetahuannya, atau yang tersedia ada untuknya, atau yang boleh didapatkan olehnya, berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengannya dia sedang diperiksa, sama ada apa-apa soalan dikemukakan kepadanya ataupun tidak mengenainya itu, dan jika apa-apa soalan dikemukakan kepadanya dia hendaklah menjawab soalan itu dengan benar dan sepanjang yang dia tahu dan percaya, dan tidaklah boleh

enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan yang soalan itu mungkin menunjukkan dia atau suami atau isterinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah bersalah;

- (b) seseorang yang kepadanya suatu perintah telah diberikan di bawah subseksyen (1) (b) tidaklah boleh menyembunyikan, menyorokkan, memusnahkan, mengubahpinda memindahkan dari atau menghantar ke luar Malaysia, atau mengurusniagakan, membelanjakan, atau melupuskan, apa-apa buku, dokumen lain, harta, artikel, atau benda yang ditentukan dalam perintah itu, atau mengubahpinda atau merosakkan apa-apa catatan dalam mana-mana buku atau dokumen lain yang tersebut atau menyebabkannya supaya dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukannya; dan
- (c) seseorang yang kepadanya suatu notis bertulis telah diberikan di bawah subseksyen (1) (c) hendaklah, dalam pernyataannya yang dibuat atas sumpah atau ikrar, memberi dan mendedahkan dengan benar semua maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu yang berada di dalam pengetahuannya, atau yang tersedia ada untuknya, atau yang boleh didapatkan olehnya, dan tidaklah boleh gagal memberi atau mendedahkan maklumat itu atas alasan yang maklumat itu mungkin menunjukkan bahawa dia atau suami atau isterinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah bersalah.

(3) Seseorang yang kepadanya suatu perintah atau notis diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi notis atau perintah tersebut dan peruntukan-peruntukan subseksyen (2) yang berhubungan dengannya, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada diperbuat sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, atau apa-apa sumpah, akujanji atau kehendak menyimpan rahsia, yang berlawanan, atau apa-apa obligasi di bawah apa-apa kontrak, perjanjian atau perkiraan, sama ada nyata atau tersirat, yang berlawanan.

(4) Jika mana-mana orang mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa harta, buku, dokumen lain, artikel, atau benda, menurut subseksyen (1) dan (2), baik orang yang mula-mula disebutkan itu, mahupun mana-mana orang lain yang bagi pihak atau atas arahannya atau yang sebagai ejen atau pekerjanya, orang yang mula-mula disebut itu mungkin bertindak, tidaklah boleh, oleh sebab pendedahan atau pengemukaan itu, dikenakan apa-apa dakwaan kerana apa-apa kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang, atau dikenakan apa-apa prosiding atau tuntutan dalam apa-apa bentuk atau apa-apa perihalan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut kuasa apa-apa perjanjian atau perkiraan, atau bagaimana juapun selainnya.

(5) Seseorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milik dan menahan selama apa-apa jangka masa yang difikirkannya perlu,

apa-apa harta, buku, dokumen lain, artikel atau benda yang dikemukakan di hadapannya semasa berjalannya sesuatu penyiasatan di bawah subseksyen (1), atau memeriksa orang yang sedang diperiksa olehnya di bawah subseksyen (1) (a), atau yang mengemukakan apa-apa benda kepadanya di bawah subseksyen (1) (b), untuk memastikan sama ada apa-apa benda yang relevan dengan penyiasatan itu disembunyikan, atau selainnya, pada diri orang itu.

(6) Sesuatu pemeriksaan di bawah subseksyen (1) (a) hendaklah dijadikan dalam bentuk tulisan oleh pegawai penyiasat dan hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang yang sedang diperiksa, dan jika orang tersebut enggan menandatangani rekod itu, pegawai penyiasat itu hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya dengan menyatakan hal keengganan tersebut dan sebab-sebab baginya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(7) Rekod sesuatu pemeriksaan di bawah subseksyen (1) (a), atau pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar yang dibuat menurut subseksyen (1) (c), atau apa-apa harta, buku, dokumen lain, artikel atau benda yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) (b) atau selainnya semasa berjalannya sesuatu pemeriksaan di bawah subseksyen (1) (a) atau di bawah sesuatu pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar yang dibuat menurut subseksyen (1) (c) hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau hukum undang-undang yang berlawanan, menjadi bolehterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah—

- (a) bagi, atau berhubungan dengan, sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) bagi, atau berhubungan dengan, apa-apa perkara lain di bawah Akta ini; atau
- (c) bagi, atau berhubungan dengan, apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain,

tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang telah diperiksa, atau yang mengemukakan harta, buku, dokumen lain, artikel atau benda, atau yang membuat pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar itu, atau terhadap mana-mana orang lain.

Orang-orang tertentu yang berkenaan dengannya kuasa-kuasa penyiasatan boleh dijalankan.

**88.** Tanpa menjelaskan keluasan kuasa-kuasa penyiasatan lain yang diberikan kepada seseorang pegawai penyiasat di bawah Bahagian ini, kuasa-kuasa tersebut boleh dijalankan olehnya terhadap—

- (a) (i) mana-mana sekutu perniagaan yang lalu atau sekarang;
- (ii) mana-mana orang yang adalah atau pernah menjadi seorang saudara;

- (iii) mana-mana orang yang telah atau pernah membuat deposit dengan, atau yang adalah atau pernah menjadi seorang pemiutang;
  - (iv) mana-mana pengawal yang lalu atau sekarang;
  - (v) mana-mana orang yang sedang atau telah bersangkut-paut dengan pengawalan atau pengurusan, keseluruhan atau sebahagian hal-ehwal; atau
  - (vi) mana-mana orang yang mempunyai atau pernah mempunyai sesuatu kepentingan dalam syer, atau selainnya mempunyai atau pernah mempunyai suatu kepentingan dalam harta,  
orang yang disyaki telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) mana-mana sekutu perniagaan atau saudara kepada orang yang disebutkan dalam perenggan (a); atau
  - (c) mana-mana badan diperbadankan atau tak diperbadankan yang baginya mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (a) ialah seorang pengarah atau pegawai atau, jika badan tersebut adalah suatu perbadanan, mempunyai suatu kepentingan dalam syer perbadanan itu.

Bantuan kepada pegawai polis atau pegawai awam lain.  
**89.** Bank boleh atas inisiatifnya sendiri, atau atas permintaan seseorang pegawai awam—

- (a) membekalkan kepada pegawai polis atau mana-mana pegawai awam lain satu salinan apa-apa buku atau dokumen lain yang disita, ditahan atau diambil milik di bawah seksyen 83 atau 84, atau apa-apa rekod pemeriksaan di bawah seksyen 87 (1) (a), atau apa-apa pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar yang dibuat di bawah seksyen 87 (1) (c), atau apa-apa buku atau dokumen lain yang dikemukakan di bawah seksyen 87 (1) (b), atau selainnya semasa berjalannya apa-apa pemeriksaan di bawah seksyen 87 (1) (a), atau di bawah apa-apa pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar yang dibuat menurut seksyen 87 (1) (c), dan pegawai polis atau pegawai awam lain itu boleh menggunakan salinan bagi rekod, pernyataan, buku atau dokumen lain itu sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat berhubungan dengan penjalanan kuasa-kuasanya, pelaksanaan fungsi-fungsinya, atau penunaian tugas-tugasnya, berkenaan dengan mana-mana orang; atau
- (b) membenarkan seseorang pegawai polis atau mana-mana pegawai awam lain untuk mempunyai akses kepada dan memeriksa apa-apa harta, buku, dokumen lain, artikel

atau benda yang telah dikemukakan di hadapan, atau disita, ditahan atau diambil milik, oleh seseorang pegawai penyiasat di bawah Bahagian ini, dan pegawai polis atau pegawai awam lain itu boleh menggunakan apa-apa pengetahuan yang diperolehi dengan cara akses atau pemeriksaan sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat berhubungan dengan penjalanan kuasa-kuasanya, pelaksanaan fungsi-fungsinya, atau penunaian tugas-tugasnya, berkenaan dengan mana-mana orang.

Pegawai penyiasat  
disifatkan sebagai  
pengkhidmat awam  
dan pegawai awam.

*N.M.B. Bab 6.  
N.M.B. Bab 45.*

- 90.** Seseorang pegawai penyiasat hendaklah disifatkan sebagai seorang pengkhidmat awam bagi maksud-maksud Kanun Keseksaan, dan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud-maksud Kanun Prosedur Jenayah, atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Bank.

## BAHAGIAN XII

### PEMAKAIAN BAHAGIAN X DAN XI BAGI INSTITUSI-INSTITUSI TAK TERJADUAL YANG TERLIBAT DALAM PENYEDIAAN PEMBIAYAAN

Melaporkan kepada  
Menteri berkenaan  
dengan institusi tak  
terjadual.

- 91.** Jika—

- (a) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sesuatu institusi tak terjadual yang ia adalah suatu badan berkanun;
- (b) dalam hal sesuatu institusi tak terjadual yang bukan suatu badan berkanun, Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi institusi-institusi tak terjadual daripada kelas, kategori atau perihalan yang institusi tak terjadual itu tergolong dalamnya, atau dengan tanggungjawab bagi subjek atau perkara yang berhubungan dengan apa-apa perniagaan atau aktiviti yang dijalankan oleh institusi tak terjadual itu; atau
- (c) Pihak Berkuasa Negeri dalam hal—
- (i) sesuatu institusi tak terjadual yang ia adalah suatu badan berkanun yang ditubuhkan melalui undang-undang Negeri atau melalui mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang Negeri; atau
- (ii) apa-apa institusi tak terjadual lain yang terjatuh di bawah tanggungjawab, kuasa, kawalan atau bidang

*Akta A954.*

kuasa Pihak Berkuasa Negeri,

berpuas hati, selepas membuat apa-apa siasatan yang difikirkan perlu oleh Menteri, atau Pihak Berkuasa Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahawa institusi tak terjadual itu terlibat dalam penyediaan pembiayaan atau perniagaan sewa-beli, sama ada menurut undang-undang atau menyalahi undang-undang, dan bahawa—

- (aa) kepentingan-kepentingan pendeposit, pemutang atau pelanggan yang ada atau bakalnya bagi institusi tak terjadual adalah dengan apa jua cara terancam, sama ada dengan cara institusi itu menjalankan atau bercadang menjalankan perniagaan atau hal-ehwalnya, atau kerana apa-apa jua sebab lain;
- (bb) ia tak berupaya, atau berkemungkinan tak berupaya, menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya; atau
- (cc) ia telah menggantung, atau hampir hendak menggantung, bayaran kepada apa-apa takat kepada semua atau mana-mana kelas atau kategori pendeposit, pemutang atau pelanggannya,

maka Menteri atau Pihak Berkuasa Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengemukakan suatu laporan mengenai perkara itu kepada Menteri dengan syor supaya disiasat hal-ehwal institusi tak terjadual itu.

Kuasa-kuasa  
Menteri  
berhubungan  
dengan laporan di  
bawah seksyen 91.

**92.** (1) Jika Menteri menerima laporan dan syor di bawah seksyen 91, maka dia boleh, selepas menimbangkan laporan dan syor itu dan selepas membuat apa-apa siasatan berhubungan dengannya sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat, memutuskan, atas syor Bank—

- (a) tidak hendak mengambil apa-apa tindakan mengenai perkara itu, dan memberitahu Menteri atau Pihak Berkuasa Negeri yang mengemukakan laporan itu dengan sewajarnya; atau
- (b) bahawa perlulah menyiasat dan mengawal perniagaan dan hal-ehwal institusi tak terjadual berkenaan untuk melindungi kepentingan-kepentingan pendeposit, pemutang, pelanggan atau anggota, atau mana-mana kelas atau kategorinya masing-masing.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, maka adalah dengan ini diisyiharkan bahawa—

- (a) sebelum Menteri membuat suatu keputusan di bawah subseksyen (1) (b); atau
- (b) sebelum Menteri yang disebutkan dalam seksyen 91 (a) atau (b), atau Pihak Berkuasa Negeri, mengemukakan laporan dan syor di bawah seksyen 91, kepada Menteri,

tidaklah perlu bagi Menteri, atau Menteri yang disebutkan dalam seksyen 91 (a) atau (b), atau Pihak Berkuasa Negeri, memberi peluang kepada institusi tak terjadual berkenaan untuk membuat apa-apa jua pun representasi kepada Menteri, atau kepada Menteri yang disebutkan dalam seksyen 91 (a) atau (b), atau kepada Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kuasa Menteri  
untuk memakai  
peruntukan-  
peruntukan  
Bahagian X bagi  
institusi-institusi tak  
terjadual.

**93.** (1) Jika Menteri memutuskan bahawa perlulah menyiasat dan mengawal perniagaan dan hal ehwal sesuatu institusi tak terjadual di bawah seksyen 92 (1) (b), maka peruntukan-peruntukan Bahagian X bolehlah terpakai bagi institusi tak terjadual itu seolah-olah ia suatu institusi berlesen mengikut apa-apa cara, sehingga apa-apa takat, dan dengan segala ubahsuaian, pengubahan, penyesuaian, ubahpindaan, pindaan, tambahan, potongan atau penggantian sebagaimana yang diperuntukkan oleh Menteri melalui perintah yang dibuat olehnya atas syor Bank dan disiarkan dalam *Warta*:

Dengan syarat bahawa perintah itu tidaklah mengenakan peruntukan-peruntukan seksyen 73 (2) (b) atau (c) kepada institusi tak terjadual itu kecuali dengan keizinan bertulis Menteri, atau Pihak Berkuasa Negeri, yang mengemukakan laporan dan syor di bawah seksyen 91.

(2) Sesuatu perintah Menteri di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai satu bahagian integral Akta ini dan dibaca sebagai satu dengan Akta ini, dan hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan penuh walau apa pun apa-apa jua yang tak konsisten dengannya, atau berlawanan dengannya, yang terkandung dalam Akta ini.

Kuasa Menteri  
untuk membatalkan  
lesen, dll. institusi  
tak terjadual.

**94.** (1) Jika sesuatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 93 (1) berkenaan dengan sesuatu institusi tak terjadual yang disebutkan dalam perenggan (b) bagi takrif "institusi tak terjadual" dalam seksyen 2 (1), Menteri boleh, atas syor Bank, jika difikirkannya perlu untuk berbuat demikian bagi kepentingan pendeposit, pembiutang, pelanggan, atau anggota institusi tak terjadual itu, atau bagi kepentingan mana-mana kelas atau kategorinya itu, masing-masing, membatalkan atau menyekat, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya layak dan patut, mana-mana jua pun lesen, pendaftaran, perakuan, atau kebenaran lain yang melaluinya atau di bawahnya ia ditubuhkan, dilantik atau dibentuk, atau ia menjalankan perniagaan penyediaan pembiayaan.

(2) Bagi maksud-maksud mengambil tindakan di bawah subseksyen (1), Menteri boleh, jika praktik untuk berbuat demikian, memakai secara *mutatis mutandis* peruntukan-peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pembatalan atau sekatan lesen sesuatu institusi berlesen, dengan segala ubahsuaian, pengubahan, penyesuaian, ubahpindaan, pindaan, tambahan, potongan atau penggantian, sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat.

(3) Jika apa-apa pembatalan atau sekatan telah dilakukan di bawah

*Akta A954.*

subseksyen (1) berkenaan dengan mana-mana institusi tak terjadual, maka institusi itu dan mana-mana orang lain yang terjejas dengan pembatalan atau sekatan itu hendaklah mematuhi pembatalan atau sekatan itu dan apa-apa terma atau syarat yang telah dikenakan kepadanya.

Peruntukan-  
peruntukan  
Bahagian ini  
hendaklah terpakai.

**95.** Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan penuh walaupun—

- (a) apa-apa jua yang tak konsisten dengannya, atau berlawanan dengannya, yang terkandung dalam mana-mana peruntukan lain Akta ini;
- (b) apa-apa jua yang terkandung dalam undang-undang bertulis yang melaluinya atau di bawahnya institusi tak terjadual itu ditubuhkan, dilantik atau dibentuk, atau menjalankan perniagaan penyediaan pembiayaan; dan
- (c) apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain.

*Akta A954.*

## BAHAGIAN XIII

### MAKLUMAT DAN PERAHSIAAN

Sekatan menyiasat secara khusus hal-ehwal pelanggan tertentu.

**96.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 43 (2), dan tanpa menjaskan kuasa-kuasa penyelidikan, pemeriksaan, penyiasatan atau siasatan yang diberi kepada Bank atau kepada seseorang pegawai penyiasat di bawah Akta ini, tiada apa -apa jua dalam Akta ini boleh—

- (a) membenarkan Menteri untuk mengarahkan Bank; atau
- (b) membenarkan Bank,

supaya menyiasat secara khusus hal-ehwal mana-mana pelanggan individu mana-mana institusi berlesen.

Perahsiaan.

**97.** (1) Tiada pengarah atau pegawai mana-mana institusi berlesen, atau mana-mana biro luaran yang ditubuhkan, atau mana-mana ejen yang dilantik, oleh institusi berlesen untuk mengusahakan mana-mana bahagian perniagaannya sama ada sepanjang tempoh jawatannya, atau sepanjang tempoh pekerjaannya, atau selepas itu, dan tiada seorang pun yang kerana apa-apa jua sebab mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa jua pun rekod, buku, daftar, surat-menjurut, atau apa-apa dokumen lain, atau bahan, yang berhubungan dengan hal-ehwal atau, khususnya, akaun, mana-mana pelanggan tertentu institusi itu,

*Akta A954.*

boleh memberi, mengemukakan, membuka, menzahirkan, menyiaran, atau selainnya mendedahkan, kepada mana-mana orang, atau membuat suatu rekod bagi mana-mana orang, apa-apa jua pun maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal-ehwal atau akaun pelanggan tersebut.

(2) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa maklumat atau dokumen yang pada masa pendedahan itu tersedia ada, atau telahpun tersedia ada, menurut undang-undang kepada orang awam daripada apa-apa sumber selain daripada institusi berlesen itu, atau bagi apa-apa maklumat yang berada dalam bentuk ringkasan atau kumpulan maklumat yang diterangkan mengikut apa-apa cara yang daripadanya itu tidak dapat memastikan maklumat yang berhubungan dengan mana-mana institusi berlesen tertentu atau mana-mana pelanggan tertentu institusi berlesen itu.

(3) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang pada pengetahuannya telah didedahkan dengan melanggar subseksyen (1) boleh dengan apa jua cara sekalipun mendedahkannya kepada mana-mana orang lain.

Pendedahan bagi mempermudahkan pelaksanaan fungsi-fungsi Bank.

**98.** Peruntukan-peruntukan seksyen 97 tidaklah terpakai bagi pendedahan apa-apa maklumat atau dokumen—

- (a) kepada Bank, atau kepada mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank, atau kepada mana-mana orang yang dilantik oleh Bank di bawah seksyen 3 (3), atau kepada Panel Penasihat, jika pendedahan itu adalah bagi maksud menjalankan kuasa-kuasa, melaksanakan fungsi-fungsi, atau menunaikan tugas-tugas Bank, atau pengarah, pegawai atau pekerja bagi Bank, atau bagi orang yang dilantik di bawah seksyen 3 (3), atau bagi Panel Penasihat; atau
- (b) kepada mana-mana orang yang memberi perkhidmatan profesional kepada Bank berhubungan dengan apa-apa perkara undang-undang, akauntansi, penilaian, atau apa-apa perkara lain yang memerlukan pengetahuan profesional, di mana dia dibenarkan secara bertulis oleh Bank untuk mendapatkan maklumat daripada institusi berlesen bagi maksud perkhidmatannya kepada Bank.

Pendedahan bagi mempermudahkan pelaksanaan fungsi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

**98A.** Peruntukan seksyen 97 tidak terpakai bagi pendedahan apa-apa maklumat atau dokumen kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau ejen Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (selepas ini dalam seksyen ini disebut sebagai “Perbadanan”) yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 jika pendedahan itu adalah bagi maksud penjalanan kuasa, pelaksanaan fungsi atau penunaian tugas Perbadanan atau pengarah, pegawai,

Akta A1256.

pekerja atau ejen Perbadanan di bawah Akta itu.

Lain-lain pendedahan yang dibenarkan. **99.** (1) Peruntukan-peruntukan seksyen 97 tidaklah terpakai bagi pendedahan apa-apa maklumat atau dokumen—

- (a) yang pelanggan, atau wakil dirinya, telah memberi kebenaran secara bertulis untuk didedahkan;
- (b) dalam hal di mana pelanggan diisyiharkan bankrap, atau, jika pelanggan itu suatu perbadanan, perbadanan itu sedang atau telah digulung, di Malaysia atau di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia;
- (c) jika maklumat itu dikehendaki oleh pihak dalam suatu transaksi komersil secara *bona fide*, atau dalam suatu transaksi komersil prospektif secara *bona fide*, yang pelanggan itu juga menjadi satu pihak, untuk mentafsirkan kelayakan kredit pelanggan yang berhubungan dengan transaksi tersebut, dengan syarat bahawa maklumat yang dikehendaki itu adalah bersifat am dan tidak membolehkan butir-butir terperinci mengenai akaun atau hal-ehwal pelanggan itu dipastikan;
- (d) bagi maksud mana-mana prosiding jenayah atau berkenaan dengan apa-apa prosiding sivil—
  - (i) di antara sesuatu institusi berlesen dengan pelanggannya atau penjamin pelanggan yang berhubungan dengan transaksi pelanggan dengan institusi itu; atau
  - (ii) di antara institusi berlesen itu dengan dua pihak atau lebih yang membuat tuntutan bertentangan mengenai wang dalam akaun pelanggan di mana institusi berlesen itu bertujuan mendapatkan relief dengan cara interplider;
- (e) jika institusi berlesen itu telah disampaikan dengan suatu perintah garnisan yang menahan wang dalam akaun pelanggan;
- (f) kepada biro luaran yang ditubuhkan, atau ejen yang dilantik, oleh institusi berlesen dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Bank;
- (g) jika pendedahan sedemikian dikehendaki atau dibenarkan di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini;
- (h) jika pendedahan sedemikian dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan untuk dibuat kepada seorang pegawai polis yang menyiasat apa-apa kesalahan di bawah undang-undang itu dan pendedahan sedemikian kepada pegawai polis itu adalah, bagaimanapun, terhad

*Akta A954.*

kepada akaun dan hal ehwal orang yang disyaki melakukan kesalahan itu; atau

- (i) jika pendedahan sedemikian dibenarkan secara bertulis oleh Bank.

(2) Dalam apa-apa prosiding sivil di bawah subseksyen (1) (b) atau (d) di mana apa-apa maklumat atau dokumen mungkin didedahkan berhubungan dengan akaun seseorang pelanggan, prosiding itu bolehlah, jika mahkamah, atas usulnya sendiri, atau atas permohonan suatu pihak dalam prosiding itu, memerintahkan sedemikian, diadakan secara tertutup dan, dalam hal yang sedemikian, maklumat atau dokumen itu hendaklah menjadi rahsia di antara mahkamah dengan pihak-pihak dalam prosiding itu, dan tiada pihak itu boleh mendedahkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang lain.

(3) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mahkamah, tiada seorang pun boleh menyiarkan nama, alamat atau fotograf mana-mana pihak dalam prosiding sivil itu seperti yang disebutkan dalam subseksyen (2), atau apa-apa maklumat yang mungkin membawa kepada pengenalpastian pihak-pihak dalam prosiding itu, sama ada semasa berlangsungnya prosiding itu atau pada bila-bila masa selepas prosiding itu telah tamat.

Pendedahan di  
bawah Akta  
(Keterangan) Buku  
Banker 1949.  
*Akta 33.*

**100.** Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh menghadkan apa-apa kuasa yang diberi kepada Mahkamah Tinggi atau seseorang hakim Mahkamah Tinggi oleh Akta (Keterangan) Buku Banker 1949 atau melarang pematuhan kepada sesuatu perintah yang dibuat di bawah Akta itu.

Pemeriksaan oleh  
pihak berkuasa  
pengawasan yang  
relevan di luar  
negeri.

**101.** (1) Pihak berkuasa pengawasan yang relevan sesuatu negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia boleh, dengan kelulusan Bank, memeriksa buku, akaun dan transaksi—

(a) (*Dibatalkan*).

*Akta A954.*

(b) sesuatu pejabat wakilan di Malaysia bagi sesuatu institusi asing;

(c) sesuatu institusi berlesen yang menjadi subsidiari institusi asing; atau

(d) sesuatu institusi berlesen yang menjadi sekutu institusi asing,

yang ditubuhkan di dalam negara, wilayah atau tempat itu.

(2) Pada memberikan kelulusan di bawah subseksyen (1), Bank boleh mengenakan apa-apa terma, sekatan dan syarat yang difikirkannya patut.

(3) Jika Bank telah memberikan kelulusannya di bawah subseksyen (1), maka peruntukan-peruntukan seksyen 97 tidaklah terpakai berhubungan dengan pemeriksaan yang akan dijalankan di bawah kelulusan itu, setakat yang ditentukan dalam kelulusan itu.

(4) Satu salinan laporan pemeriksaan di bawah subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Bank, diserahsimpan dengan Bank apabila tamatnya pemeriksaan tersebut.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini dan seksyen 102, “pihak berkuasa pengawasan yang relevan” ertinya suatu pihak berkuasa yang menjalankan fungsi-fungsi yang bersamaan dengan fungsi-fungsi Bank di bawah Akta ini, atau mana-mana orang yang menjalankan apa-apa fungsi pengawalseliaan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank selepas mengambil kira representasi-representasi yang dibuat oleh orang itu tentang wajarnya atau perlunya pemeriksaan itu.

Pendedahan  
maklumat oleh  
Bank kepada pihak  
berkuasa  
pengawasan yang  
relevan di luar  
negeri.

**102.** Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, Bank boleh atas permintaan pihak berkuasa pengawasan yang relevan sesuatu negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia, memberikan kepadanya maklumat mengenai perkara - perkara yang berhubungan dengan hal-ehwal mana-mana pejabat, pejabat wakilan atau institusi berlesen yang disebutkan di bawah seksyen 101 (1), atau mana-mana pejabat mana-mana institusi berlesen di negara, wilayah atau tempat itu, atau maklumat yang berhubungan dengan penubuhan yang dicadangkan oleh mana-mana institusi berlesen bagi mana-mana pejabat di negara, wilayah atau tempat itu:

Dengan syarat bahawa Bank tidaklah boleh memberi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan akaun hal-ehwal mana-mana pelanggan tertentu bagi pejabat, pejabat wakilan, atau institusi tersebut.

*Akta A954.*

Kesalahan terjadual  
dan penalti baginya.

**103. (1)** Mana-mana orang yang melanggar—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini yang diterangkan dalam ruang kedua Jadual Keempat; atau
- (b) apa-apa penentuan atau kehendak yang dibuat, atau apa-apa perintah bertulis, arahan, petunjuk, atau notis yang diberi, atau apa-apa had, terma, syarat atau sekatan yang dikenakan, atau apa-apa perkara lain bagaimana jua pun dilakukan, pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah, menurut, atau menurut kuasa, mana-mana peruntukan Akta ini yang diterangkan dalam ruang ketiga Jadual Keempat,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah peruntukan tersebut dan, apabila disabitkan, boleh dihukum penjara tidak melebihi tempoh yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual Keempat, atau denda tidak melebihi amaun yang diterangkan dalam ruang kelima Jadual Keempat,

atau kedua-dua pemenjaraan dan denda tersebut, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, hendaklah, sebagai tambahan, dikenakan hukuman denda harian tidak melebihi amaun yang diterangkan dalam ruang keenam Jadual Keempat bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan:

Dengan syarat bahawa jika orang yang didapati melakukan kesalahan itu adalah suatu pertubuhan perbadanan, hukuman penjara yang diterangkan dalam ruang keempat Jadual Keempat tidaklah terpakai baginya.

(2) Menteri boleh, atas syor Bank, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Keempat—

- (a) dengan memotong keseluruhan apa-apa butiran di dalamnya, yang berikutan dengan itu peruntukan-peruntukan seksyen 104 hendaklah terpakai bagi kesalahan yang ditentukan dalam butiran itu;
- (b) dengan menambah suatu butiran baru kepadanya dan memperuntukkan denda-denda baginya di bawah ruang kelima dan keenam Jadual itu yang masing-masingnya tidaklah boleh melebihi lima ratus ribu ringgit dan dua ribu ringgit;
- (c) dengan menambahkan atau mengurangkan amaun denda yang diperuntukkan di bawah ruang kelima dan keenam, dengan syarat bahawa agregat pertambahan apa-apa denda dari semasa ke semasa yang masing-masingnya diperuntukkan dalam ruang kelima tidaklah boleh, dalam apa-apa jua hal, melebihi lima ratus ribu ringgit atau, dalam hal denda yang diperuntukkan dalam ruang keenam, melebihi dua ribu ringgit; atau
- (d) untuk membetulkan apa-apa kesilapan dalam ruang kedua atau ketiga Jadual itu.

(3) Sebutan-sebutan mengenai “Akta ini” dalam seksyen ini tidaklah termasuk apa-apa peraturan, perintah atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini.

*Akta A954.  
Note.*

Penalti am. **104.** Mana-mana orang yang melanggar—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (b) apa-apa penentuan atau kehendak yang dibuat, atau apa-apa perintah bertulis, arahan, petunjuk, atau notis yang diberi, atau apa-apa had, terma, syarat atau sekatan yang dikenakan, atau apa-apa perkara lain bagaimana jua pun dilakukan, pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah, menurut, atau menurut kuasa, mana-mana peruntukan Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah peruntukan tersebut, dan

jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata bagi kesalahan itu dalam Akta ini, boleh, apabila disabitkan, dihukum denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, dihukum denda harian tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan.

Kesalahan-  
kesalahan  
berhubungan  
dengan catatan-  
catatan dalam buku,  
dokumen, dll.

**105.** Tiada seorang pun boleh, dengan niat untuk memperdaya—

- (a) membuat atau menyebabkan dibuat suatu catatan palsu;
- (b) meninggalkan daripada membuat, atau menyebabkan ditinggalkan daripada dibuat, apa-apa catatan; atau
- (c) mengubahpinda, membuat cabutan, menyembunyikan atau memusnahkan, atau menyebabkan diubahpinda, dibuat cabutan, disembunyikan atau dimusnahkan, apa-apa catatan.

dalam apa-apa buku atau rekod, atau dalam apa-apa laporan, helaian kertas, penyata atau apa-apa jua pun dokumen lain, yang berhubungan dengan perniagaan, hal-ehwal, transaksi, keadaan, harta, aset, liabiliti, atau akaun, sesuatu institusi berlesen, sesuatu institusi terjadual, sesuatu pejabat wakilan, atau sesuatu institusi tak terjadual yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 93 (1).

Kesalahan-  
kesalahan oleh  
institusi dan oleh  
pengkhidmat dan  
ejen.

**106.** (1) Jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh mana-mana institusi, maka mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu menjadi pengarah, pegawai atau pengawal, institusi itu atau berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat yang sedemikian, atau telah dengan apa-apa jua cara atau sedikit sebanyaknya bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal-ehwal institusi tersebut, atau telah membantu dalam pengurusan tersebut, adalah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkannya dan bahawa dia menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankannya, memandang kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang (kemudian daripada ini disebut “prinsipal” dalam subseksyen ini) boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti kerana apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran di bawah Akta ini, maka dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingiran yang dilakukan oleh mana-mana kerani, pengkhidmat atau ejennya,

atau oleh kerani atau pengkhidmat ejen itu;

Dengan syarat bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh kerani atau pengkhidmat prinsipal itu dalam menjalankan kerjanya, atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak prinsipal, atau oleh kerani atau pengkhidmat ejen itu dalam menjalankan kerjanya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Pencantuman kesalahan-kesalahan.

**107.** Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, jika seseorang dituduh atas lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh dipertuduhkan dengan dan dibicarakan dalam satu perbicaraan bagi seberapa banyak kesalahan yang dilakukan dalam jarak masa tidak kira apa jua pun tempohnya.

Kuasa Gabenor untuk mengkompaunkan kesalahan-kesalahan.

**108.** (1) Gabenor, dengan persetujuan Menteri, boleh, dalam hal di mana difikirkannya layak dan patut untuk berbuat demikian, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah seksyen 103 atau 104 , atau di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu dengan membayar kepada Gabenor dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan dalam tawaran itu yang tidaklah boleh melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum (termasuk denda harian, jika ada, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan) yang boleh dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Apa-apa wang yang dibayar kepada Gabenor menurut peruntukan-peruntukan subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu telah dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, atau apa-apa perlanjutan masa yang boleh diberikan oleh Gabenor, pendakwaan kerana kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), maka tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaunkan kesalahan itu dibuat.

Kuasa pegawai Bank untuk mendakwa

**109.** (1) Mana-mana pegawai atau pekerja Bank yang dibenarkan secara bertulis oleh Gabenor boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis, mendakwa dalam mana-mana mahkamah apa-apa kes-

kesalahan-kesalahan  
di bawah Akta  
dengan izin  
Pendakwa Raya.  
*N.M.B. Bab 6.*

berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen 380 Kanun Prosedur Jenayah, seseorang pegawai atau pekerja Bank yang dibenarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai awam.

Kesalahan-  
kesalahan hendaklah  
menjadi kesalahan  
boleh tangkap.

**110.** Tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 103 atau 104 hendaklah menjadi suatu kesalahan boleh tangkap, dan seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat Inspektor, atau seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 82 (1), boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki olehnya telah melakukan atau adalah melakukan apa-apa kesalahan tersebut.

Kewajipan pegawai  
penyiasat untuk  
menyerahkan orang  
ditangkap kepada  
pihak polis.

**111.** Seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 82 (1) yang membuat penangkapan di bawah seksyen 110 hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang berhampiran atau, jika tidak ada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang berhampiran, dan, selepas itu, orang yang ditangkap seperti disebut terdahulu hendaklah diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan prosedur jenayah yang sedang berkuatkuasa seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.

Percubaan,  
persediaan,  
persubatan dan  
komplot yang boleh  
dihukum sebagai  
kesalahan.

*N.M.B Bab 45.*

**112.** (1) Mana-mana orang yang—

- (a) cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) membuat apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau bagi membantu perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) bersubhat atau terlibat dalam suatu komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah-istilah itu ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berikutan dengan komplot itu,

alah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Mana-mana peruntukan Akta ini yang mengandungi sebutan

mengenai suatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan tertentu Akta ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) berhubungan dengan kesalahan di bawah peruntukan tertentu itu.

## BAHAGIAN XV

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

Pengemukaan  
kepada Bank  
maklumat yang  
dikehendaki  
olehnya.

**113.** (1) Jika, bagi maksud menjalankan mana-mana kuasanya, melaksanakan mana-mana fungsinya, atau menunaikan mana-mana tugasnya, di bawah Akta ini, atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, Bank berkehendakkan apa-apa maklumat daripada mana-mana institusi berlesen, atau mana-mana institusi terjadual, atau mana-mana institusi asing, atau daripada mana-mana orang lain yang terlibat dalam penyediaan pembiayaan, atau daripada mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan mana-mana institusi yang disebut terdahulu atau orang yang disebut terdahulu, mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan hal-ehwal atau perniagaan institusi, orang, atau perbadanan tersebut, maka institusi, orang atau perbadanan tersebut, hendaklah mengemukakan maklumat tersebut kepada Bank.

*Akta 519.*

(2) Jika maklumat didapatkan oleh Bank di bawah subseksyen (1) adalah berhubungan dengan akaun atau hal-ehwal mana-mana pelanggan institusi, orang atau perbadanan yang membekalkan maklumat, maka maklumat itu hendaklah menjadi rahsia di antara Bank dengan institusi, orang atau perbadanan yang membekalkannya, kecuali jika ia hendak digunakan bagi maksud mendakwa mana-mana orang bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau bagi maksud-maksud biro kredit yang ditubuhkan di bawah seksyen 30(1)(mmm) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

*Akta A954.*

Tanggung rugi.

**114.** (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa jua pun prosiding lain boleh dibuat, dibawa, dimulakan, atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah atau dihadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap—

*Akta A954.*

- (a) Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri;
- (b) Bank;
- (c) mana-mana pegawai atau pekerja mana-mana Kerajaan tersebut atau Bank, sama ada secara peribadi atau atas sifat rasminya; atau
- (d) mana-mana orang yang bertindak menurut undang-undang bagi pihak mana-mana Kerajaan tersebut, atau bagi pihak Bank, atau bagi pihak mana-mana pegawai atau pekerja tersebut, sama ada secara peribadi atau atas

sifatnya sebagai seseorang yang bertindak bagi pihak yang sedemikian,

bagi atau oleh kerana, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau yang berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau pada melaksanakan, atau penurutan atau pelaksanaan yang dimaksudkan akan, Akta ini, atau apa-apa perintah bertulis, arahan, petunjuk, notis atau apa-apa jua pun benda lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa perbuatan tersebut atau pernyataan tersebut telah dilakukan atau dibuat, atau ditinggal daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

- (a) mana-mana anggota pentadbiran Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai Kerajaan itu masing-masing; dan
- (b) Gabenor, Timbalan Gabenor, mana-mana pengarah Bank, mana-mana anggota Panel Penasihat, mana-mana orang yang dilantik oleh Bank menurut seksyen 3 (3) atau seksyen 73 (1) (E) atau (2) (a), dan mana-mana penerima atau pengurus yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi menurut seksyen 73 (2) (b) atau (c), hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai Bank.

(3) Dalam subseksyen (2) “anggota pentadbiran” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Larangan mengenai  
penerimaan alang,  
komisen, dll.

**115.** (1) Tiada pengarah, pegawai atau ejen sesuatu institusi berlesen, sesuatu institusi terjadual, atau sesuatu institusi asing, atau mana-mana institusi tak terjadual yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 93 (1), atau mana-mana orang lain selaku orang yang menerima apa-apa bayaran atau saraan atas apa-apa sifat, profesional atau selainnya, daripada institusi tersebut, boleh, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, meminta atau menerima, atau mengizinkan atau bersetuju untuk menerima, apa-apa alang, komisen, emolumen, ganjaran, wang, harta, cenderamata atau benda bernilai, atau apa-apa perkhidmatan, kemudahan atau faedah tak ketara lain, sama ada bagi faedah atau kebaikan dirinya sendiri atau bagi faedah atau kebaikan mana-mana orang lain, daripada mana-mana orang selain daripada institusi itu, untuk mendapatkan atau cuba mendapatkan bagi mana-mana orang—

- (a) apa-apa kemudahan kredit daripada institusi itu;
- (b) pembelian atau pendiskaunan apa-apa draf, wang kertas, cek, bil pertukaran atau obligasi lain oleh institusi itu;

*Akta A954.*

- (c) kebenaran untuk mengeluarkan terlebih apa-apa akaun dengan institusi itu (dalam hal di mana institusi itu adalah suatu bank berlesen); atau
  - (d) apa-apa benda lain yang berhubungan dengan perniagaan atau hal-ehwal institusi itu.
- (2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidaklah dengan apa-apa jua cara mengurangkan, dan hendaklah tanpa menjelaskan, mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan rasuah atau suapan menyalahi undang-undang.

Peraturan-peraturan.

**116.** (1) Bank boleh, dengan kelulusan Menteri, dari semasa ke semasa, membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suaimanfaat untuk memberi kesan penuh kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, untuk menjalankan atau mencapai tujuan-tujuan dan maksud- maksud Akta ini atau mana-mana peruntukan Akta ini, atau untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih lanjut, lebih baik atau lebih mudah.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan oleh Bank melalui pengawasan, pengawalseliaan, sekatan, larangan, atau bagaimana jua pun selainnya, mengenai —
  - (i) pemerolehan atau pemegangan apa-apa kepentingan dalam syer mana-mana perbadanan, atau pemerolehan atau pembangunan mana-mana harta tak alih, atau pemerolehan apa-apa kepentingan dalam harta tak alih atau dalam pembangunannya, oleh sesuatu institusi berlesen; atau
  - (ii) pemberian apa-apa kemudahan kredit oleh mana-mana institusi berlesen kepada mana-mana orang dalam bentuk kredit pengguna, atau bagi pembiayaan apa-apa suratcara terbitan, pemerolehan atau pegangan harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya, atau pemerolehan atau pegangan apa-apa syer atau apa-apa kepentingan dalam syer, atau pemerolehan atau pegangan apa-apa harta lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;
  - (iii) pengeluaran atau pemerolehan, pegangan atau pelupusan suratcara terbitan oleh suatu institusi berlesen;
  - (iv) peruntukan pembiayaan, khidmat bank, pemindahan wang atau khidmat remitan yang diberikan atau dijalankan oleh orang selain daripada institusi berlesen dan untuk menjadikan kesalahan, berkenaan dengan pelanggaran peraturan itu dan

memperuntukkan penalti yang tidak melebihi denda berjumlah sepuluh juta ringgit bagi kesalahan sedemikian;

- (v) aktiviti syarikat pegangan institusi berlesen;
- (b) bagi mengadakan peruntukan mengenai akuan yang akan dibuat, dari semasa ke semasa, oleh tiap-tiap pengarah, pengawal, pegawai, atau orang lain yang bertanggungjawab bagi perniagaan atau hal-ehwal, sesuatu institusi berlesen, atau sesuatu institusi terjadual, atau sesuatu institusi asing (sama ada atau tidak ia telah mematuhi kehendak-kehendak seksyen 21 (1)), atau institusi tak terjadual yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 93 (1), kepada mana-mana golongan orang atau mana-mana orang, merupakan suatu golongan atau orang yang berkaitan dengan institusi itu, sebagaimana yang ditentukan dalam peraturan-peraturan—
  - (i) mengenai apa-apa kepentingan dalam syer, atau apa-apa jua pun kepentingan atau hak lain, yang dipegang oleh, atau bagi pihak, atau sebagai amanah bagi, pengarah, pengawal, pegawai itu, atau orang lain, atau mana-mana saudaranya, dalam mana-mana perbadanan, atau dalam mana-mana perkongsian, firma atau lain-lain badan yang tak diperbadankan, selain daripada institusi itu;
  - (ii) mengenai apa-apa jawatan pengarah atau pengurus, atau kepentingan sebagai ejen, yang dipegang olehnya dalam mana-mana badan, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, atau dalam mana-mana ketuanpunyaan tunggal, atau dalam mana-mana badan berkanun, selain daripada institusi itu; atau
  - (iii) mengenai apa-apa kategori, kelas atau perihalan lain harta, aset, kepentingan, jawatan, atau kedudukan, yang dipegang olehnya;
- (c) bagi mengadakan peruntukan mengenai penyata atau maklumat, berkala atau selainnya, supaya dibekalkan oleh institusi berlesen, atau institusi terjadual atau institusi asing, atau institusi tak terjadual yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 93 (1);
- (d) bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan iklan-iklan oleh institusi berlesen, atau institusi terjadual atau institusi asing, atau institusi tak terjadual yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 93 (1);

- (e) bagi mengadakan peruntukan mengenai pengenaan kewajipan, liabiliti, tanggungjawab, had, batasan, larangan atau sekatan, ke atas, atau pemberian hak, keistimewaan, faedah atau tanggung rugi kepada, pengarah, pegawai atau pemegang syer institusi berlesen atau syarikat pegangan institusi berlesen;
- (f) (*Dibatalkan*).
- (g) bagi mengadakan peruntukan mengenai borang-borang berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini, atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini;
- (h) bagi mengadakan peruntukan mengenai fee yang dikehendaki dibayar kepada Bank berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini, atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini;
- (i) bagi mengadakan peruntukan mengenai apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh mana-mana peruntukan Akta ini yang akan diperuntukkan oleh peraturan-peraturan.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini mungkin berkaitan dengan semua, atau apa-apa kelas, kategori, atau perihalan orang, dan boleh membuat peruntukan-peruntukan berlainan bagi kelas, kategori atau perihalan orang yang berlainan.

(4) Sebutan-sebutan mengenai “Akta ini” dalam seksyen ini tidaklah termasuk apa-apa peraturan, perintah atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini.

Keputusan Menteri adalah muktamad.

**117.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini, sama ada suatu keputusan yang asal olehnya atau suatu keputusan atas rayuan kepadanya terhadap keputusan Bank, adalah muktamad.

Pengecualian. **118.** (1) Menteri boleh, atas syor Bank—

- (a) setelah menimbangkan hal keadaan khas yang berhubungan dengan dokumen-dokumen konstituen mana-mana orang tertentu, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan orang, dan jenis perniagaan yang dijalankan oleh orang tertentu itu, atau oleh kelas, kategori atau perihalan orang itu; dan
- (b) Jika dia berpuas hati bahawa ia tidak—
  - (i) memudaratkan penggalakan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia; dan
  - (ii) berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian,

melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan orang tertentu itu, atau kelas, kategori atau perihalan orang itu, daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Sesuatu pengecualian di bawah subseksyen (1) hendaklah diberi bagi apa-apa jangka masa sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu, atau bagi jangka masa wujudnya orang itu, dan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan atau syarat yang ditentukan oleh Menteri dalam perintah itu.

(3) Menteri boleh pada bila-bila masa, atas syar Bank, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) (i) membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan orang tertentu; atau
- (ii) mengecualikan daripada penguatkuasaan sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan apa-apa kelas, kategori atau perihalan orang, mana-mana orang tertentu yang tergolong dalam kelas, kategori atau perihalan orang itu,

jika dia berpuas hati, selepas memberi orang berkenaan peluang untuk didengar, bahawa orang itu tidak mematuhi apa-apa batasan, sekatan atau syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian itu telah diberikan, atau bahawa orang itu selainnya tidak lagi layak untuk terus diberikan pengecualian;

- (b) membatalkan sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu kelas, kategori atau perihalan orang tanpa memberi kepada mana-mana anggota bagi kelas, kategori atau perihalan orang itu peluang untuk didengar, jika dia berpuas hati bahawa ia telah menjadi perlu untuk berbuat demikian bagi menggalakkan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia atau bagi perlindungan kepentingan awam; atau
- (c) menambah kepada, memotong daripada, mengubah, menghapuskan, atau selainnya meminda, apa-apa batasan, sekatan atau syarat yang tertakluk kepadanya suatu pengecualian di bawah subseksyen (1) telah diberikan kepada mana-mana orang, atau kepada mana-mana kelas, kategori atau perihalan orang, atau selainnya meminda mana-mana peruntukan sesuatu perintah di bawah subseksyen (1):

Dengan syarat bahawa jika apa-apa pindaan sedemikian adalah berkaitan dengan suatu perintah berkenaan dengan seseorang tertentu dan bukan kepada suatu perintah berkenaan dengan sesuatu kelas, kategori atau perihalan orang, dan memudaratkan orang itu, ia hendaklah dibuat

hanya selepas peluang diberikan kepada orang itu untuk didengar.

(4) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) atau (3) hendaklah dibentang di hadapan Dewan Rakyat dengan seberapa segera yang praktik selepas penyiarannya dalam *Warta*.

(5) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana orang daripada seksyen 96 atau 97.

Pemindahan wang secara elektronik. **119.** (*Dibatalkan*).

*Akta A1211.*

Perisytiharan hari kelepasan. **120.** (1) Menteri boleh, atas syor Bank, pada bila-bila masa melalui notis dalam *Warta*, mengisyiharkan mana-mana hari atau hari-hari sebagai hari kelepasan atau hari-hari kelepasan bagi kesemua institusi berlesen, atau bagi apa-apa kelas, kategori atau perihalan institusi berlesen.

(2) Tiada institusi berlesen boleh menjalankan apa-apa perniagaan dengan orang awam pada mana-mana hari yang diisyiharkan sebagai hari kelepasan bagi institusi berlesen itu di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1).

(3) Sesuatu hari yang diisyiharkan sebagai hari kelepasan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidaklah semestinya menjadi hari kelepasan am dan tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjelaskan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hari-hari kelepasan am.

(4) Apa-apa sebutan mengenai hari kelepasan bagi institusi-institusi berlesen, atau bagi apa-apa kelas, kategori atau perihalan institusi berlesen, dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah termasuk—

- (a) mana-mana hari yang diisyiharkan sebagai hari kelepasan di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1); dan
- (b) mana-mana hari yang adalah hari kelepasan am mengikut pengertian mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hari-hari kelepasan am.

Pampasan. **121.** (1) Jika mana-mana orang—

- (a) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain; atau
- (b) telah mendapatkan apa-apa kesalahan yang dilakukan

olehnya di bawah Akta ini dikompaunkan di bawah seksyen 108,

dan kesalahan itu telah mengakibatkan, atau menyebabkan, atau berikutan dengan berlakunya kesalahan itu, mengakibatkan, atau menyebabkan, apa-apa kerugian atau kerosakan dari apa-apa sifat atau dalam apa-apa bentuk—

- (aa) kepada sesuatu institusi berlesen; atau
- (bb) kepada sesuatu institusi terjadual atau institusi tak terjadual, yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah masing-masingnya di bawah seksyen 24 (1) atau seksyen 93 (1).

tidak kira, dalam hal institusi-institusi yang disebut dalam perenggan (bb), sama ada kesalahan itu telah dilakukan, atau kerugian atau kerosakan itu berlaku, sebelum atau selepas mana-mana perintah sedemikian seperti yang disebutkan dalam perenggan (bb) telah dibuat—

- (aaa) orang yang disabitkan atas kesalahan itu, atau orang yang kesalahannya telah dikompaunkan di bawah seksyen 108; dan
- (bbb) mana-mana pengarah, pegawai atau pengawal institusi, atau mana-mana orang yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat yang sedemikian, atau mana-mana orang yang dengan apa-apa jua cara atau sedikit sebanyaknya bertanggungjawab bagi pengurusan hal-hal institusi itu, atau mana-mana orang yang sedang membantu dalam pengurusan tersebut,

adalah bertanggungan bersesama dan berasingan untuk menanggung rugi institusi itu secara penuh bagi kerugian atau kerosakan tersebut:

Dengan syarat bahawa seseorang yang disebutkan dalam perenggan (bbb) tidaklah bertanggungan untuk menanggung rugi sedemikian institusi itu jika—

- (aaaa) kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujuinya atau dibiarkannya; dan
- (bbbb) dia telah menjalankan segala daya usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang dia patut telah jalankan, memandang kepada jenis fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya atas sifatnya, dan kepada segala hal keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan.

(2) Jika Bank berpuas hati—

- (a) mengenai maklumat yang diterima olehnya daripada sesuatu institusi yang disebutkan dalam subseksyen (1), atau daripada mana-mana orang lain yang mempunyai apa-apa urusniaga dengan institusi itu; atau

- (b) selepas sesuatu pemeriksaan di bawah seksyen 69 atau 70, atau sesuatu penyiasatan di bawah Bahagian XI; dan
- (c) selepas apa-apa siasatan, jika ada, sebagaimana yang difikirkannya layak atau patut dibuat, berbangkit daripada maklumat, pemeriksaan atau penyiasatan tersebut,

bahawa mana-mana orang adalah bertanggungan di bawah subseksyen (1) untuk menanggung rugi institusi itu bagi apa-apa kerugian atau kerosakan sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1), maka ia boleh mengeluarkan suatu perakuan yang menentukan amaun liabiliti tersebut.

(3) Amaun yang ditentukan dalam sesuatu perakuan di bawah subseksyen (2), dengan apa-apa pengubahan mengenainya di bawah subseksyen (4), di mana-mana berkenaan, hendaklah menjadi hutang sivil yang kena dibayar oleh orang yang terhadapnya perakuan itu dikeluarkan kepada institusi yang menanggung kerugian atau kerosakan, dan boleh dituntut oleh institusi itu melalui prosiding pelaksanaan sivil di Mahkamah Sesyen yang mempunyai bidang kuasa di kawasan terletaknya tempat utama perniagaan institusi itu, seolah-olah ia suatu penghakiman Mahkamah itu, walaupun amaun yang ditentukan dalam perakuan itu, atau apa-apa perkara yang diuruskan di dalam atau di bawah perakuan itu, adalah melampaui bidang kuasa Mahkamah Sesyen:

Dengan syarat bahawa prosiding tersebut dimulakan dalam Mahkamah itu dalam masa tiga bulan dari tarikh perakuan itu dikeluarkan atau, dalam sesuatu hal di mana subseksyen (4) terpakai, dalam masa tiga bulan selepas penamatkan apa-apa prosiding di bawah subseksyen (4) jika prosiding itu mengakibatkan perakuan itu disahkan atau diubah.

(4) Sesuatu perakuan di bawah subseksyen (2) adalah sah walaupun tiada peluang mungkin telah diberikan kepada orang yang terhadapnya ia dikeluarkan untuk membuat apa-apa representasi, atau didengar, mengenai perkara itu, sebelum ia dikeluarkan, tetapi, dalam hal yang sedemikian, prosiding untuk mendapatkan bayaran berkenaan dengan perakuan di bawah subseksyen (3) tidaklah boleh diambil melainkan jika orang itu telah mula-mulanya diberi peluang yang munasabah untuk membuat representasi-representasi kepada Bank berkenaan dengan perkara-perkara yang dimaksudkan oleh perakuan itu, dan jika representasi-representasi itu dibuat, Bank boleh, berbangkit daripadanya, selepas memberi peluang kepada institusi berkenaan untuk didengar atau membuat representasi mengenainya, mengesahkan, mengubah atau membatalkan perakuan itu.

(5) Sesuatu perakuan di bawah subseksyen (2), dengan apa-apa pengubahan mengenainya di bawah subseksyen (4), hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa amaun yang ditentukan di dalamnya adalah suatu hutang sivil yang kena dibayar oleh orang yang terhadapnya perakuan itu dikeluarkan kepada institusi berlesen yang ditentukan dalam perakuan itu.

*Akta A954.*

(6) Sesuatu pemberitahuan mengenai sesuatu perakuan di bawah subseksyen (2), dan mengenai apa-apa pengubahan atau pembatalannya di bawah subseksyen (4), hendaklah disiarkan dalam *Warta* dengan seberapa segera yang praktik selepas ia telah dikeluarkan, diubah atau dibatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Mulai dari tarikh penyiaran dalam *Warta* akan pemberitahuan di bawah subseksyen (6) suatu perakuan di bawah subseksyen (2), orang yang terhadapnya perakuan itu dikeluarkan tidaklah boleh menjual, melupuskan, menggadai, menyandarkan, memindah atau selainnya mengurusniagakan, atau melesaskan, atau mengalih dari atau menghantar ke luar Malaysia, apa-apa wang, aset, atau apa-apa jua pun harta lain, kepunyaannya tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Bank—

- (a) sehingga habisnya tempoh yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3) bagi permulaan prosiding dalam Mahkamah Sesyen bagi melaksanakan perakuan itu; atau
- (b) jika prosiding dimulakan dalam Mahkamah Sesyen di bawah subseksyen (3) dalam tempoh yang diperuntukkan di dalamnya, sehingga diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

(8) Larangan-larangan yang dikenakan di bawah subseksyen (7) ke atas orang yang terhadapnya suatu perakuan di bawah subseksyen (2) dikeluarkan, hendaklah juga terpakai bagi mana-mana orang yang mempunyai jagaan, kawalan atau milikan ke atas, atau memegang sebagai amanah, apa-apa wang, aset, atau apa-apa jua pun harta lain, kepunyaan orang yang terhadapnya suatu perakuan dikeluarkan.

(9) Jika prosiding telah dimulakan oleh Bank di bawah subseksyen (2) dan suatu perakuan di bawah subseksyen itu belum lagi dikeluarkan, maka institusi yang menanggung kerugian atau kerosakan yang disebutkan dalam subseksyen (1) boleh, selepas memberi notis bertulis kepada Bank, memulakan prosiding dalam mahkamah berkenaan dengan kerugian atau kerosakan itu, dan jika prosiding itu telah dimulakan sedemikian dalam suatu mahkamah, prosiding di bawah subseksyen (2) hendaklah dengan serta-merta sesudah itu dihentikan dan peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah, selepas itu, terhenti terpakai berhubungan dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.

(10) Jika suatu perakuan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (2), maka institusi yang baginya perakuan itu telah dikeluarkan boleh, sebagai ganti melaksanakan perakuan di bawah subseksyen (3), memulakan (selepas memberi notis bertulis kepada Bank menyatakan niatnya untuk berbuat demikian), dalam tempoh yang diterangkan dalam subseksyen (3), atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh mahkamah, prosiding dalam mahkamah berkenaan dengan kerugian atau kerosakan yang disebutkan dalam subseksyen (1), dan berikut dengan itu—

- (a) perakuan sedemikian hendaklah terhenti berkuatkuasa atau mempunyai apa-apa juapun kesan, tetapi tanpa menjelaskan pemberitahuan mengenai pengeluarannya yang disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen (6), dan larangan di bawah subseksyen (7) dan (8) berhubungan dengannya itu;
- (b) apa-apa prosiding di bawah subseksyen (4) yang mungkin ketika itu belum selesai hendaklah diberhentikan; dan
- (c) mahkamah yang di dalamnya prosiding itu dimulakan boleh, jika difikirkannya adil dan patut berbuat demikian, membuat suatu perintah untuk membatalkan pemberitahuan mengenai pengeluaran perakuan di bawah subseksyen (2) yang disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen (6), dan dengan serta-merta sesudah itu larangan-larangan di bawah subseksyen (7) dan (8) hendaklah terhenti mempunyai kuatkuasa.

(11) Sesuatu perintah mahkamah di bawah subseksyen (10) (c) untuk membatalkan pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pengeluaran suatu perakuan di bawah subseksyen (2), hendaklah disiarkan dalam *Warta* dengan seberapa segera yang praktik selepas ia dibuat.

Pemakaian Akta  
Syarikat 1965.  
*Akta 125.*

*Akta A954.*

**122.** (1) Jika sesuatu institusi berlesen, atau institusi terjadual atau institusi tak terjadual yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu perintah di bawah seksyen 24(1) atau 93(1) masing-masingnya, adalah suatu perbadanan yang kesemua atau mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965 terpakai baginya, maka peruntukan-peruntukan itu hendaklah sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan bukannya sebagai mengurangkannya, tetapi jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan di antara peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dengan Akta ini dalam pemakaianya masing-masing bagi institusi itu, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

(2) Jika apa-apa kesulitan atau keraguan berbangkit dalam pemakaian subseksyen (1) berhubungan dengan mana-mana institusi tertentu, atau apa-apa perkara atau hal keadaan tertentu, atau pada amnya, Menteri boleh apabila kesulitan atau keraguan itu dirujukkan kepadanya oleh Bank, menyelesaiannya melalui suatu arahan bertulis.

(3) Sebutan-sebutan mengenai "Akta ini" dalam seksyen ini tidaklah termasuk apa-apa peraturan, perintah atau lain-lain perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

Pemakaian Akta  
Kawalan Pertukaran  
1953.  
*Akta 17.*

**123.** Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh dengan apa-apa jua cara menyentuh, atau mengurangkan, peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Pertukaran 1953, dan dalam pemakaian

mana-mana peruntukan Akta ini bagi mana-mana orang, maka peruntukan-peruntukan itu hendaklah terpakai tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu dan, oleh yang demikian, sekiranya ada apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan di antara mana-mana peruntukan Akta ini dengan Akta itu, peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah terpakai.

Perniagaan bank  
atau kewangan  
Islam.  
*Akta 276.*

**124.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 33,

tiada apa pun dalam Akta ini atau Akta Bank Islam 1983 boleh melarang atau menyekat mana-mana institusi berlesen daripada menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam, sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya yang sedia ada, dengan syarat bahawa institusi berlesen itu hendaklah berunding dengan Bank sebelum ia menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisyiharkan bahawa suatu institusi berlesen hendaklah, berkenaan dengan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam yang dijalankan olehnya, tertakluk kepada peruntukan Akta ini.

(3) Mana-mana institusi berlesen yang menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam, sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya yang sedia ada boleh, dari semasa ke semasa meminta nasihat Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen (7), mengenai pengendalian perniagaannya untuk memastikan bahawa ia tidak melibatkan mana-mana elemen yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam.

(4) Mana-mana institusi berlesen yang menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam hendaklah mematuhi apa-apa arahan bertulis berkaitan dengan perniagaan bank Islam atau apa-apa perniagaan kewangan Islam yang lain, yang dijalankan oleh institusi berlesen itu, yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank, dengan perundingan dengan Majlis Penasihat Syariah.

(5) Mana-mana institusi berlesen yang menjalankan perniagaan bank Islam atau perniagaan kewangan Islam hendaklah disifatkan sebagai bukan suatu bank Islam.

(6) Akta ini tidaklah terpakai kepada suatu bank Islam.

(7) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “Majlis Penasihat Syariah” ertinya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 16B(1) Akta Bank Negara Malaysia 1958;

*Akta A1211.*

(b) “perniagaan bank Islam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank Islam 1983; dan

(c) “perniagaan kewangan Islam” ertinya apa-apa perniagaan kewangan Islam, yang tujuan dan pengendaliannya, tidak

*Akta 276.*

melibatkan elemen yang tidak benarkan oleh Agama Islam.

Pelanggaran  
tidaklah menyentuh  
kontrak, perjanjian  
atau perkiraan.

**125.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, atau menurut mana-mana peruntukan Akta ini, tiada kontrak, perjanjian atau perkiraan, yang dibuat berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Akta ini boleh menjadi tak sah semata-mata oleh sebab pelanggaran itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh menyentuh apa-apa keliabilitian jenayah mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini berkenaan dengan pelanggaran itu.

Kuasa untuk  
mengeluarkan garis  
panduan, dll.

**126.** Bank atau Menteri boleh pada amnya berkenaan dengan Akta ini, atau berkenaan dengan mana-mana peruntukan tertentu Akta ini, atau pada amnya berkenaan dengan penjalanan kesemua atau mana-mana perniagaan berlesen atau terjadual, mengeluarkan apa-apa garis panduan, pekeliling, atau nota sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Bank atau Menteri.

## BAHAGIAN XIV

### PINDAAN, PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERALIHAN

Pindaan retrospektif  
Akta Syarikat  
Kewangan 1969.  
*Akta 6.*

**127.** (1) Akta Syarikat Kewangan 1969, kemudian daripada ini disebut “Akta” dalam seksyen ini, adalah dipinda mengikut cara yang ditentukan dalam subseksyen (2), (3) dan (4).

(2) Seksyen 2 Akta adalah dipinda—

(a) dengan **memasukan** selepas takrif “pendeposit” takrif baru yang berikut:

*[sic]*

‘“penyediaan pembiayaan” ertinya—

(a) perniagaan mempakkan atau mensubpakkan harta alih atas sewa-guna bagi maksud penggunaan harta itu oleh penyewa-guna atau mana-mana orang lain dalam apa-apa perniagaan, tred, profesion atau pekerjaan, atau dalam apa-apa jua pun perusahaan komersil, perindustrian, pertanian atau ekonomi lain dan, jika pemberi

pajak adalah pemunya harta itu, tidak kira sama ada pempakan itu disertai dengan atau tanpa opsyen untuk membeli harta itu; dan bagi maksud takrif ini, “harta alih” termasuklah apa-apa loji, jentera, peralatan atau catel lain yang dipasang atau akan dipasang pada bumi atau dilekapkan atau akan dilekapkan, secara tetap atau selainnya, kepada apa-apa benda yang dipasang pada bumi;

- (b) perniagaan pemerolehan hutang-hutang yang kena dibayar kepada mana-mana orang; dan

*Akta 212.* (c) perniagaan sewa-beli termasuk perniagaan yang tertakluk kepada Akta Sewa-Beli 1967;’; dan

- (b) dengan memotong perkataan “atau” dalam subperenggan (i) perenggan (b) di dalam takrif “perniagaan kewangan” dan menggantikan tanda koma di hujung subperenggan (ii) dengan perkataan-perkataan “; atau” dan memasukkan selepas itu subperenggan baru yang berikut:  
“(iii) penyediaan pembiayaan.”.

(3) Seksyen 20 Akta adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “chagaran” dalam perenggan (a) subseksyen (2) perkataan-perkataan “dan bagi maksud perenggan ini, apa-apa harta, sama ada alih atau tak alih, termasuk apa-apa hak, kepentingan, tuntutan atau hak dalam tindakan, sama ada terletakhak atau kontingen, berhubungan dengan apa-apa harta, dan apa-apa permindahhakan yang dilaksanakan bagi memindahhak, menyerahhak atau selainnya memindah atau melupuskan harta tak alih yang mana orang yang melaksanakan pemindahhakan itu adalah tuan punya atau memiliki atau yang di dalamnya dia berhak kepada suatu hak kontingen sama ada bagi keseluruhan kepentingannya atau bagi apa-apa kepentingan yang kurang, boleh, dijadikan cagaran”.

(4) Pindaan-pindaan kepada Akta yang dibuat di bawah subseksyen (2) dan (3) hendaklah berkuatkuasa, dan hendaklah sentiasanya disifatkan sebagai satu bahagian integral Akta, mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta sehingga sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasanya pemansuhan Akta itu di bawah seksyen 128 (1).

1973 dan kecualian  
berkenaan  
dengannya.  
*Akta 6*  
*Akta 102.*

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) (i) semua peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, pengecualian dan lain-lain perundangan subsidiari, tidak kira bagaimana jua sekalipun dinamakan; dan
- (ii) semua kelulusan, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan eksekutif lain, tidak kira bagaimana jua sekalipun dinamakan,

yang dibuat, diberikan, atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, Akta-Akta termansuh itu hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan, atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini dan hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan penuh berhubungan dengan orang-orang yang kepada mereka Akta-Akta itu terpakai sehinggalah dipinda, dimansuhkan, dihapuskan, dibatalkan atau digantikan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini;

- (b) tiap-tiap garis panduan, pekeliling atau nota yang dikeluarkan oleh Bank atau Menteri kepada bank-bank, syarikat-syarikat kewangan, bank-bank saudagar, syarikat-syarikat diskaun atau broker-broker wang sebelum tarikh berkuatkuasa, dan berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, hendaklah disifatkan telah dikeluarkan menurut undang-undang di bawah seksyen 126 berhubungan dengan peruntukan tertentu Akta ini yang bersamaan dengan perkara yang diuruskan dalam garis panduan, pekeliling atau nota itu, dan hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan penuh sehinggalah ia dipinda, dihapuskan, atau digantikan di bawah Akta ini;
- (c) apa-apa permohonan bagi sesuatu lesen, kelulusan atau keizinan, atau bagi apa-apa jua pun maksud lain, atau apa-apa rayuan, yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Menteri atau kepada Bank di bawah mana-mana satu Akta termansuh itu sebelum tarikh berkuatkuasa, dan belum diputuskan sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, hendaklah, jika ada peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, diuruskan seolah-olah ia telah dibuat di bawah peruntukan itu dan, jika tiada peruntukan bersamaan yang sedemikian dalam Akta ini, permohonan atau rayuan itu hendaklah luput pada tarikh berkuatkuasa; dan
- (d) segala transaksi atau urusniaga yang dilaksanakan atau dibuat menurut undang-undang, dan segala perniagaan

*Akta A954.*

Kecualian  
berkenaan dengan  
lesen-lesen yang  
diberi di bawah  
Akta Bank 1973 dan  
Akta Syarikat  
Kewangan 1969.

yang dilakukan menurut undang-undang, di bawah atau mengikut mana-mana Akta termansuh oleh seseorang yang telah dilesenkan di bawah Akta termansuh itu masing-masing dan yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan berkenaan dengan suatu perniagaan yang bersamaan di bawah Akta ini, dengan mana-mana pendeposit atau lain-lain pelanggan, pembiutang, penghutang, atau lain-lain orang, hendaklah disifatkan telah dilaksanakan, dibuat, atau dilakukan menurut undang-undang dan secara sah, di bawah dan mengikut Akta ini, dan, dengan demikian itu, apa-apa hak atau liabiliti di bawah transaksi, urusniaga atau perniagaan yang ada, sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, hendaklah disifatkan terus menurut undang-undang dan sah di bawah Akta ini.

**129.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, apa-apa lesen yang diberikan kepada—

- (a) sesuatu perbadanan oleh Menteri di bawah seksyen 3 (4) Akta Bank 1973 yang dimansuhkan yang membenarkannya menjalankan perniagaan bank di bawah Akta itu, hendaklah disifatkan sebagai suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 (4) untuk menjalankan perniagaan bank dan hendaklah—
  - (i) dalam hal sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 3 (4) tersebut kepada sesuatu perbadanan yang adalah suatu syarikat awam sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, terus sah selama tempoh enam bulan dari tarikh berkuatkuasa; dan
  - (ii) dalam hal sesuatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 3 (4) tersebut kepada sesuatu perbadanan yang, sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, adalah suatu bank yang ditubuhkan di luar Malaysia, terus sah selama tempoh lima tahun dari tarikh berkuatkuasa, atau bagi apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri pada bila-bila masa sebelum habisnya tempoh lima tahun tersebut melalui notis bertulis kepada bank itu atas permohonan bank tersebut; atau
- (b) sesuatu syarikat awam oleh Menteri di bawah seksyen 7 (3) Akta Syarikat Kewangan 1969 yang dimansuhkan yang membolehkannya menjalankan perniagaan kewangan di bawah Akta itu, hendaklah disifatkan telah

diberikan di bawah seksyen 6 (4) untuk menjalankan perniagaan syarikat kewangan dan hendaklah terus sah selama tempoh enam bulan dari tarikh berkuatkuasa.

(2) Sesuatu lesen seperti yang disebutkan dalam subseksyen (1) (a) (i) atau (b) hendaklah diserahkan balik oleh pemegang lesen sebelum habisnya tempoh enam bulan yang disebutkan di dalamnya itu, dan berikut dengan itu Menteri hendaklah memberi kepada pemegang itu suatu lesen di bawah seksyen 6 (4), dengan atau tanpa syarat—

- (a) dalam hal penyerahan balik sesuatu lesen seperti yang disebutkan dalam subseksyen (1) (a) (i), untuk menjalankan—
  - (i) jika pemegang itu suatu bank, perniagaan bank; atau
  - (ii) jika pemegang itu suatu bank saudagar, perniagaan bank saudagar; dan
- (b) dalam hal penyerahan balik sesuatu lesen seperti yang disebutkan dalam subseksyen (1) (b), untuk menjalankan perniagaan syarikat kewangan.

(3) Sesuatu lesen seperti yang disebutkan dalam subseksyen (1) (a) (ii) hendaklah diserahkan balik oleh pemegang lesen sebelum habisnya tempoh keesahan lesen itu di bawah subseksyen (1) (a) (ii), dan jika sebelum penyerahan balik itu pemegang telah, tertakluk kepada seksyen 49, memindahkan harta, perniagaan dan liabilitinya kepada suatu syarikat awam, syarikat awam itu hendaklah, atas permohonan kepada Menteri dan apabila lesen itu diserahkan balik oleh pemegang, diberikan suatu lesen di bawah seksyen 6 (4), dengan atau tanpa syarat, untuk menjalankan perniagaan bank.

(4) Sesuatu lesen di bawah seksyen 6 (4) yang diberikan menurut penyerahan balik lesen di bawah subseksyen (2) atau (3) hendaklah berkuatkuasa dari tarikh penyerahan balik itu.

(5) Sepanjang tempoh di antara tarikh berkuatkuasa dan tarikh penyerahan balik lesen mengikut subseksyen (2) atau (3), sebagaimana yang terpakai, (termasuk kedua-dua tarikh itu), lesen itu hendaklah—

- (a) terus tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, yang terpakai baginya sebelum sahaja tarikh berkuatkuasa, dengan syarat-syarat itu disifatkan dikenakan di bawah Akta ini berkenaan dengan lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 (4);
- (b) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini yang terpakai bagi lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 (4); dan
- (c) tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan lain yang boleh dikenakan menurut Akta ini,

seolah-olah ia adalah suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 (4).

(6) Jika apa-apa lesen tidak diserahkan balik kepada Bank dalam tempoh yang ditentukan dalam subseksyen (2) atau (3), sebagaimana yang terpakai, maka lesen itu hendaklah, apabila habisnya tempoh itu, disifatkan sebagai terbatal dan peruntukan- peruntukan seksyen 13 hendaklah terpakai berhubungan dengan pembatalan tersebut mengikut cara yang sama seperti yang terpakai bagi pembatalan lesen yang diberikan di bawah seksyen 6 (4).

Ubahsuaian kepada pentafsiran undang-undang bertulis lain.

**130.** Jika dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa sebutan dibuat mengenai—

- (a) mana-mana Akta termansuh, ia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta ini;
- (b) mana-mana peruntukan tertentu dalam mana-mana Akta termansuh, ia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai sesuatu peruntukan Akta ini yang hampir-hampir bersamaan dengan peruntukan tertentu tersebut;
- (c) sesuatu bank yang dilesenkan dibawah Akta Bank 1973, ia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai sesuatu bank berlesen atau sesuatu bank saudagar berlesen, mengikut sama ada ia menjalankan perniagaan bank atau perniagaan bank saudagar; atau
- (d) sesuatu syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969, ia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai sesuatu syarikat kewangan berlesen.

Pindaan berbangkit kepada Akta Syarikat 1965.  
*Akta 125.*

**131.** Akta Syarikat 1965 adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan takrif “banking corporation” dalam seksyen 4 (1) Akta itu dengan takrif yang berikut:

“banking corporation” means a licensed bank, a licensed merchant bank and an Islamic bank;’;
- (b) dengan memasukkan dalam seksyen 4 Akta itu selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) In this Act—

- Act 372.*
- (a) “licensed bank”, “licensed business”, “licensed discount house”, “licensed finance

“company”, “licensed institution”, “licensed merchant bank”, “licensed money-broker”, “non-scheduled institution”, “scheduled business” and “scheduled institution” shall have the meanings assigned to them in section 2 (1) of the Banking and Financial Institutions Act 1989; and

- Act 276.* (b) “Islamic bank” or “Islamic banking business” shall have the meaning assigned to it in the Islamic Banking Act 1983.”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “finance company licensed under the Finance Companies Act 1969” dalam seksyen 169 (19) Akta itu dengan perkataan-perkataan “a licensed finance company, a licensed discount house, a licensed money-broker, a scheduled institution in respect of which the Minister charged with responsibility for finance has made an order under section 24 (1) of the Banking and Financial Institutions Act 1989 and a non-scheduled institution in respect of which such Minister has made an order under section 93 (1) of that Act”;
- (d) dengan menggantikan perenggan (f) seksyen 217 (1) Akta itu dengan yang berikut:

*Act 372.* “(f) in the case of a company which is a licensed institution, or a scheduled institution in respect of which the Minister charged with responsibility for finance has made an order under section 24 (1) of the Banking and Financial Institutions Act 1989, or a non-scheduled institution in respect of which such Minister has made an order under section 93 (1) of that Act, Bank Negara Malaysia.”;

- (e) dengan memotong perenggan (g) seksyen 217 (1) Akta itu;
- (f) dengan menggantikan perenggan (j) seksyen 218 (1) Akta itu dengan yang berikut:

*Act 372.* “(j) the company has held a licence under the Banking and Financial Institutions Act 1989 or the Islamic Banking Act 1983, and that licence

has been revoked or surrendered;  
or”; dan

- (g) dengan menggantikan perenggan (k) seksyen 218 (1) Akta itu dengan yang berikut:

“(k) the company has carried on Islamic banking business, licensed business, or scheduled business, or it has accepted, received or taken deposits in Malaysia, in contravention of the Islamic Banking Act 1983 or the Banking and Financial Institutions Act 1989, as the case may be.”

## JADUAL PERTAMA

(*Seksyen 2 (1), perenggan (D) takrif “deposit”*)

### *Bahagian I*

Wang yang dibayar oleh mana-mana orang kepada—

- (a) Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri;
- (b) Bank;
- (c) sesuatu badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau koperasi yang diberikuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menyetujuterima, menerima atau mengambil deposit;
- (d) perbadanan berkaitan atau sekutunya;
- (dd) Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, dengan syarat—

*Akta 587.*

- (i) wang yang dibayar adalah bagi maksud menjalankan kuasanya di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998[*Akta 587*];

*Akta 375.*

- (ii) lebih daripada lima puluh peratus modal syer terbitannya dimiliki oleh Menteri Kewangan yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957[*Akta 375*];

- (iii) ia meminjam daripada perbadanan; dan

- (iv) setiap satu pinjamannya adalah tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit;

*Akta 498.*

- (e) mana-mana orang lain, termasuk mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (c) (d) dan (dd), berkaitan dengan apa-apa instrumen atau urusniaga yang

*PU(A) 245/2000.*

terkandung dalam perenggan (a) hingga (e) takrif “debentur” di bawah subseksyen 2(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498] oleh orang lain itu dengan kelulusan Bank dan dengan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank; atau

- (f) mana-mana orang lain, termasuk mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (c), (d) dan (dd), berkaitan dengan mana-mana pengeluaran, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 oleh orang yang lain itu.

## *Bahagian II*

Wang yang dibayar kepada mana-mana orang, selain daripada bank berlesen, syarikat kewangan berlesen, bank saudagar berlesen atau syarikat diskau berlesen, oleh—

- (a) Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri;
- (b) Bank;
- (c) sesuatu badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, koperasi atau mana-mana orang lain yang diberikuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk membuat bayaran itu;
- (d) sesuatu institusi berlesen, institusi terjadual, syarikat insurans atau pemegang pajak gadai mengikut perjalanan biasa perniagaannya yang menurut undang-undang;
- (e) seseorang pemberi pinjaman wang yang dilesenkan di bawah Ordinan Pemberi Pinjaman Wang 1951, Ordinan Pemberi Pinjaman Wang Sabah atau Ordinan Pemberi Pinjaman Wang Sarawak semasa menjalankan perniagaan pinjaman wangnya yang menurut undang-undang;
- (ee) Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, dengan syarat—  
(i) wang yang dibayar adalah bagi maksud menjalankan kuasanya di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998; dan  
(ii) lebih daripada lima puluh peratus modal syer terbitannya dimiliki oleh Menteri Kewangan yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957.
- (f) mana-mana orang lain semasa, dan bagi maksud, perniagaan secara *bona fide* yang menurut undang-undang selain daripada perniagaan pinjaman wang, yang dijalankan oleh orang lain itu;

- (g) seorang individu di mana orang yang kepadanya bayaran dibuat—
- (i) adalah juga seorang individu dan bayaran dibuat mengikut pertalian di sisi adat, sosial atau persahabatan; atau
  - (ii) adalah saudaranya,  
dengan syarat bahawa jumlah bilangan orang individu atau saudara yang membuat bayaran kepadanya itu tidak melebihi pada satu-satu masa sepuluh orang; atau
- (h) perbadanan berkaitan atau sekutunya.

### *Bahagian III*

Wang yang dibayar oleh institusi berlesen kepada mana-mana orang dalam membeli atau meminjam sekuriti daripada orang itu yang sekuriti itu akan dibeli balik atau dipulangkan sebagai sebahagian transaksi yang sama.

### JADUAL KEDUA

(Seksyen 6 (1))

#### Kriteria Minimum

*Pengarah-pengarah dll. hendaklah orang-orang yang layak dan sesuai*

1. (1) Tiap-tiap orang yang menjadi, atau akan menjadi, seorang pengarah, pengawal atau pengurus institusi adalah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan tertentu yang dipegangnya atau akan dipegangnya.
  - (2) Apabila menentukan sama ada seseorang adalah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang apa-apa jawatan tertentu, perhatian hendaklah diberikan kepada kejujurannya, kepada kekompeten dan kewarasan pertimbangannya untuk menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab jawatan itu, kepada usaha yang dengannya dia sedang menunaikan atau berkemungkinan menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab itu dan tentang sama ada kepentingan pendeposit-pendeposit atau bakal pendeposit-pendeposit, jika ada, institusi itu adalah, atau berkemungkinan menjadi, dengan apa-apa jua cara terancam disebabkan dia memegang jawatan itu.
  - (3) Tanpa menjelaskan keluasan peruntukan-peruntukan yang terdahulu, perhatian bolehlah diberikan kepada kelakuan dan aktiviti-aktiviti dahulu orang yang berkenaan dalam perkara-perkara perniagaan atau kewangan dan, khususnya, kepada apa-apa keterangan bahawa dia telah—

- (a) melakukan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau lain-lain kecurangan, atau keganasan;

- (b) melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ternyata kepada Bank adalah dimaksudkan bagi melindungi orang awam daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh kecurangan, ketakkompeten atau amalan salah oleh orang-orang yang bersangkut-paut dalam mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan urusan bank, insurans, pelaburan atau lain-lain perkhidmatan kewangan atau pengurusan syarikat-syarikat atau daripada kerugian kewangan yang disebabkan kelakuan si bankrap yang dilepaskan atau belum dilepaskan.
- (c) terlibat dalam apa-apa amalan perniagaan yang ternyata kepada Bank adalah memperdayakan atau menindas atau selainnya tak wajar (sama ada menyalahi undang-undang atau tidak) atau yang selainnya menggambarkan keaiban tentang cara dia menjalankan perniagaan; atau
- (d) terlibat dalam atau telah dikaitkan dengan apa-apa amalan perniagaan lain atau selainnya berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga menyebabkan keraguan ke atas kekompeten dan kewarasannya pertimbangannya.

*Perniagaan hendaklah diarahkan oleh sekurang-kurangnya dua orang individu*

2. Sekurang-kurangnya dua orang individu hendaklah mengarahkan dengan berkesan perniagaan institusi itu.

*Keanggotaan lembaga pengarah*

3. Pengarah-pengarah meliputi sekian bilangan (jika ada) pengarah tanpa tanggungjawab eksekutif bagi pengurusan perniagaannya sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank dengan memandangkan hal keadaan institusi itu dan jenis serta skala pengendalian-pengendaliannya.

*Perniagaan hendaklah dilakukan dengan cara hemat*

4. (1) Institusi itu menjalankan, atau akan menjalankan, perniagannya dengan cara hemat.
- (2) Sesuatu institusi tidaklah dikira menjalankan perniagaannya dengan cara hemat melainkan jika ia menyenggarakan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan menyenggarakan, aset-aset bersih yang, berserta dengan sumber-sumber kewangan lain yang ada pada institusi itu dari sedemikian jenis dan amaun sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank, adalah—

- (a) suatu amaun yang sepadan dengan jenis dan skala pengendalian institusi itu; dan
- (b) suatu amaun dan jenis yang cukup untuk melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit dan bakal pendeposit-pendepositnya, memandangkan faktor-faktor tertentu

yang disebutkan dalam subperenggan (3) dan apa-apa faktor lain yang ternyata kepada Bank sebagai relevan.

(3) Faktor-faktor tertentu yang disebutkan dalam subperenggan 2 (b) ialah—

- (a) jenis dan skala pengendalian institusi itu; dan
- (b) risiko-risiko yang sedia ada dalam pengendalian itu dan dalam pengendalian mana-mana perbadanan berkaitan lain bagi institusi itu setakat yang berkebolehan menyentuh institusi itu.

*Keutuhan dan kemahiran*

5. Perniagaan institusi itu adalah atau akan dijalankan dengan keutuhan dan kemahiran-kemahiran profesional yang sesuai dengan jenis dan skala aktiviti-aktivitinya.

*Struktur pemegangan syer*

6. Struktur pemegangan syer institusi itu adalah mengikut dasar ekonomi Malaysia.

*Kriteria lain yang boleh ditetapkan oleh Bank*

7. Apa-apa kriteria lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, dengan persetujuan Menteri.

JADUAL KETIGA

(*Seksyen 2 (1), takrif “perniagaan terjadual”*)

1. Perniagaan kredit bangunan.
2. (*Dibatalkan*).
3. Perniagaan pembentukan pembangunan.
4. Perniagaan pemfaktoran.
5. Perniagaan pemajakan.

*Akta A1211.*

JADUAL KEEMPAT

(*Seksyen 103*)

Kesalahan dan Penalti

<i>Ruang Pertama</i>	<i>Ruang Kedua</i>	<i>Ruang Ketiga</i>	<i>Ruang Keempat</i>	<i>Ruang Kelima</i>	<i>Ruang Keenam</i>
----------------------	--------------------	---------------------	----------------------	---------------------	---------------------

No. Siri	Peruntukan Akta ini di bawah seksyen 103 (a)	Peruntukan Akta ini di bawah seksyen seksyen 103 (b)	Penjara	Denda \$	Denda Harian \$
1.	Seksyen 4 (a)	—	10 tahun	10 juta	100 ribu
2.	Seksyen 4 (b)	—	5 tahun	5 juta	50 ribu
3.	—	Seksyen 6 (4)	—	3 juta	3 ribu
4.	—	Seksyen 8 (1)	10 tahun	10 juta	10 ribu
5.	—	Seksyen 9	—	3 juta	3 ribu
6.	Seksyen 13	—	10 tahun	10 juta	100 ribu
7.	Seksyen 14 (1)	—	—	1 juta	1 ribu
8.	Seksyen 14 (2)	—	—	1 juta	1 ribu
9.	Seksyen 15 (1)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
10.	Seksyen 16	—	—	5 ribu	5 ratus
11.	Seksyen 17 (1)	—	—	1 juta	—
12.	Seksyen 17 (2)	—	—	100 ribu	5 ratus
13.	Seksyen 19 (1)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
14.	Seksyen 20 (1)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
15.	Seksyen 20 (2)	—	10 tahun	10 juta	10 ribu
16.	Seksyen 20 (3)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
17.	—	Seksyen 21 (2)	—	500 ribu	5 ratus
18.	Seksyen 22	—	—	100 ribu	5 ratus

19.	Seksyen 23	—	2 tahun	1 juta	1 ribu
20.	Seksyen 25 (1)	—	10 tahun	10 juta	100 ribu
21.	Seksyen 26 (1)	—	10 tahun	10 juta	—
22.	—	Seksyen 26 (2)	—	3 juta	3 ribu
23.	Seksyen 27	—	5 tahun	5 juta	—
24.	Seksyen 28	—	10 tahun	10 juta	—
25.	Seksyen 29	—	5 tahun	5 juta	—
26.	Seksyen 30	—	—	1 juta	—
27.	—	Seksyen 31 (2)	—	1 juta	—
28.	Seksyen 32 (1)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
29.	Seksyen 33	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
30.	Seksyen 34 (1)	—	—	1 juta	1 ribu
31.	—	Seksyen 34 (2)	—	1 juta	—
32.	—	Seksyen 35 (1)	—	1 juta	1 ribu
33.	Seksyen 36 (1)	—	—	1 juta	1 ribu
34.	—	Seksyen 36 (2)	—	1 juta	—
35.	—	Seksyen 37 (1)	—	1 juta	1 ribu
36.	—	Seksyen 38 (1)	—	Satu peratus daripada jangka kekurangan bagi satu hari atau setiap hari yang dimaksudkan dengan pertuduhan	—
37.	Seksyen 38	—	—	Satu peratus	—

	(5)			daripada jangka kekurangan bagi satu hari atau setiap hari yang dimaksudkan dengan pertuduhan	
38.	—	Seksyen 39 (1)	—	Satu peratus daripada jangka kekurangan bagi setiap hari kesalahan berterusan	—
39.	Seksyen 40 (1)	—	1 tahun	1 juta	1 ribu
40.	Seksyen 40 (2)	—	1 tahun	1 juta	1 ribu
41.	Seksyen 40 (3)	—	1 tahun	1 juta	1 ribu
42.	Seksyen 40 (4)	—	3 tahun	3 juta	—
43.	Seksyen 40 (6)	—	3 tahun	3 juta	—
44.	Seksyen 40 (7)	—	—	1 juta	1 ribu
45.	Seksyen 40 (10)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
46.	Seksyen 40 (14)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
47.	Seksyen 40 (15)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
48.	Seksyen 40 (16)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
49.	Seksyen 41 (1)	—	—	1 juta	1 ribu
50.	Seksyen 41 (2 )	—	—	1 juta	1 ribu
51.	—	Seksyen	—	1 juta	1 ribu

## 41 (3)

52.	Seksyen 41 (4)	—	—	1 juta	—
53.	Seksyen 41 (5)	—	—	1 juta	1 ribu
54.	Seksyen 42	—	—	1 juta	1 ribu
55.	Seksyen 43 (1)	—	—	1 juta	1 ribu
56.	—	Seksyen 43 (2)	—	1 juta	1 ribu
57.	Seksyen 43 (3)	—	—	1 juta	1 ribu
58.	Seksyen 44 (1)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
59.	Seksyen 45 (1)	—	5 tahun	5 juta	—
60.	Seksyen 45 (3)	—	5 tahun	5 juta	—
61.	Seksyen 46 (1)	—	5 tahun	5 juta	50 ribu
62.	Seksyen 47	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
63.	Seksyen 49 (1)	—	10 tahun	10 juta	—
64.	—	Seksyen 49 (7)	5 tahun	5 juta	5 ribu
65.	Seksyen 50 (4)	—	—	1 juta	1 ribu
66.	Seksyen 50 (5)	—	—	1 juta	1 ribu
67.	Seksyen 51	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
68.	Seksyen 52 (1)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
69.	Seksyen 52 (2)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
70.	Seksyen 52 (3)	—	5 tahun	5 juta	—
71.	—	Seksyen 54 (1)	5 tahun	5 juta	—
72.	Seksyen 54	—	5 tahun	5 juta	5 ribu

		(4)			
73.	—	Seksyen 54 (10)	—	1 juta	1 ribu
74.	Seksyen 55 (1)	—	3 tahun	3 juta	—
75.	Seksyen 56 (1)	—	3 tahun	3 juta	—
76.	—	Seksyen 56 (2)	3 tahun	3 juta	3 ribu
77.	Seksyen 56 (3)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
78.	Seksyen 57 (1)	—	3 tahun	3 juta	—
79.	Seksyen 57 (2)	—	—	3 juta	—
80.	Seksyen 58 (1)	—	1 tahun	1 juta	—
81.	Seksyen 58 (2)	—	1 tahun	1 juta	—
82.	Seksyen 59	—	3 tahun	3 juta	—
83.	Seksyen 60 (1)	—	5 tahun	5 juta	—
84.	Seksyen 60 (4)	—	5 tahun	5 juta	—
85.	Seksyen 60 (5)	—	5 tahun	5 juta	—
86.	Seksyen 60 (6)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
87.	—	Seksyen 60 (9)	5 tahun	5 juta	—
88.	Seksyen 61 (1)	—	5 tahun	5 juta	—
89.	—	Seksyen 61 (3)	1 tahun	1 juta	—
90.	Seksyen 62 (1)	—	5 tahun	5 juta	—
91.	Seksyen 63	—	5 tahun	5 juta	—
92.	Seksyen 64 (1)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu

93.	Seksyen 64 (3)	—	3 tahun	3 juta	—
94.	Seksyen 64 (4)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
95.	Seksyen 64 (5)	—	3 tahun	3 juta	—
96.	Seksyen 64 (6)	—	1 tahun	1 juta	—
97.	Seksyen 65 (1)	—	5 tahun	5 juta	—
98.	—	Seksyen 65 (2)	3 tahun	3 juta	3 ribu
99.	Seksyen 66 (1)	—	—	1 juta	1 ribu
100.	Seksyen 66 (3)	—	—	1 juta	1 ribu
101.	—	Seksyen 67	5 tahun	5 juta	—
102.	Seksyen 68 (1)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
103.	Seksyen 71 (1)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
104.	Seksyen 71 (3)	—	5 tahun	3 juta	3 ribu
105.	Seksyen 72	—	5 tahun	3 juta	3 ribu
106.	—	Seksyen 73 (1) (A)	10 tahun	10 juta	10 ribu
107.	—	Seksyen 73 (1) (B)	10 tahun	10 juta	10 ribu
108.	—	Seksyen 73 (1) (D) (ii)	—	1 juta	1 ribu
109.	—	Seksyen 73 (1) (E)	—	1 juta	1 ribu
110.	—	Seksyen 73 (4)	10 tahun	10 juta	10 ribu
111.	—	Seksyen 73 (5)	10 tahun	10 juta	10 ribu
112.	Seksyen 74 (2)	—	—	1 juta	1 ribu

113.	Seksyen 75 (1)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
114.	Seksyen 76 (1)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
115.	Seksyen 76 (4)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
116.	—	Seksyen 80 (1) (a)	5 tahun	5 juta	5 ribu
117.	—	Seksyen 80 (1) (b)	5 tahun	5 juta	5 ribu
118.	—	Seksyen 80 (1) (d)	5 tahun	5 juta	5 ribu
119.	—	Seksyen 80 (1) (e)	5 tahun	5 juta	5 ribu
120.	—	Seksyen 80 (4)	5 tahun	5 juta	5 ribu
121.	Seksyen 85	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
122.	—	Seksyen 86 (1)	—	1 juta	1 ribu
123.	Seksyen 86 (2)	—	—	1 juta	1 ribu
124.	Seksyen 87 (2)	—	5 tahun	5 juta	5 ribu
125.	—	Seksyen 94 (1)	5 tahun	5 juta	5 ribu
126.	Seksyen 97 (1)	—	3 tahun	3 juta	—
127.	Seksyen 97 (3)	—	3 tahun	3 juta	—
128.	Seksyen 99 (2)	—	3 tahun	3 juta	—
129.	Seksyen 99 (3)	—	3 tahun	3 juta	—
130.	Seksyen 105	—	10 tahun	10 juta	—
131.	Seksyen 113 (1)	—	3 tahun	3 juta	3 ribu
132.	Seksyen 115 (1)	—	10 tahun	10 juta	—

133.	—	Seksyen 118 (2)	1 tahun	1 juta	1 ribu	
134.			(Dibatalkan)			Akta A1211.
135.			(Dibatalkan)			
136.			(Dibatalkan)			
137.			(Dibatalkan)			
138.			(Dibatalkan)			
139.			(Dibatalkan)			
140.	Seksyen 120 (2)	—	1 tahun	1 juta	—	
141.	Seksyen 121 (7)	—	10 tahun	10 juta	10 ribu	
142.	Seksyen 121 (8)	—	10 tahun	10 juta	10 ribu	
143.	—	Seksyen 129 (5)	—	1 juta	1 ribu	
144.	Seksyen 129 (6)	—	10 tahun	10 juta	10 ribu	

*last updated July  
24, 2007.*